Apakah yang sebenarnya dilakukan oleh guru besar di sekolah? Apakah aktiviti- aktiviti guru besar sepanjang hari semasa mereka mengurus sekolah? Kajian Azlin Norhaini (2006) boleh menjadi panduan kepada kajian terhadap guru besar yang berperanan sebagai pengurus sekolah seperti pengetua. Kajian Azlin Norhaini (2006) ialah terhadap enam orang pengetua yang terdiri daripada tiga lelaki dan tiga perempuan, telah menjawab persoalan di atas. Mereka bersama-sama selama 351 jam. Dapatan kajian menunjukkan 66.4 peratus daripada masa pengetua telah diluangkan untuk aktiviti mesyuarat, 19.8 peratus untuk tugasan pejabat, 7.6 peratus untuk rondaan, 4.3 peratus untuk panggilan telefon, 1.1 peratus untuk mengajar, dan 0.7 peratus untuk pencerapan. Aktiviti mesyuarat telah mendominasi aktiviti harian pengetua manakala aktiviti yang paling kurang dilakukan adalah mencerap guru. Senario yang digambarkan merupakan antara isu yang berlaku di sebahagian besar institusi sekolah termasuk di sekolah rendah ekoran kesibukan yang dihadapi oleh guru besar selaku pengurus dan pemimpin pendidikan peringkat sekolah. Sebenarnya keluhan dan isu kesibukan pengetua dan guru besar ada persamaan dan ini memang ada asasnya.

Implikasi kesibukan yang dihadapi oleh seseorang guru besar telah menimbulkan pelbagai impak terhadap diri, pengurusan dan kepimpinannya dalam institusi sekolah. Guru besar yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan berupaya menangani pengurusan masanya dengan baik dengan mempunyai prestasi kerja yang berkualiti dalam longgokan beban tugas yang semakin bertambah besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dari semasa ke semasa (Sufa'at, 2001; Baier, S. T., Markman, B. S., & Pernice-Duca, F. M., 2016). Bagaimanapun bagi seseorang guru besar yang tidak mampu mengurus dengan baik akan terjebak kepada pelbagai masalah termasuk keperluan untuk menyelesaikan tugas rutin di sekolah, memenuhi komitmen di luar lingkungan sekolah, membuat keputusan dan penyelesaian yang bersifat prioriti dan sebaliknya dan pelbagai kekangan lain yang bakal timbul. Sufa'at (2001) menyatakan keadaan ini akan menimbulkan pelbagai kesan sampingan terhadap pengurusan dan pentadbiran di sekolah.

Di antara kesan yang timbul ialah pengabaian terhadap sebahagian tugas dan kerja guru besar. Antara isu yang dibangkitkan dalam Laporan Jemaah Nazir (2014) terdapat sesetengah guru besar tidak dapat melaksanakan sepenuhnya pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan kalau adapun mengharapkan guru lain menggantikan tempatnya dan hanya masuk mengajar sekali sekala sahaja. Akibat kesibukan juga penyeliaan dan pemantauan pengajaran guru tidak dapat dijalankan. Walaupun jadual pemantauan telah dibuat dengan cukup sempurna tetapi kebanyakan penyeliaan yang melibatkan guru besar tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Selain daripada itu kita sering mendengar perihal guru besar yang tidak atau jarang dapat mengadakan mesyuarat atau perbincangan dengan penolong kanan dan guru-guru dalam membuat sebarang keputusan di sekolah.

Di samping itu juga kesibukan guru besar terutama dalam aktiviti di luar sekolah boleh menyebabkan kemerosotan pencapaian sekolah dalam akademik, ko-kurikulum, disiplin dan pembangunan fizikal sekolah. Urusan membangunkan sekolah hanya diserahkan kepada Penolong Kanan yang kadangkala hanya diberikan *empowerment* yang terhad dalam membuat keputusan. Akibat ini sudah pasti misi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


visi sekolah tidak dapat dilaksanakan dengan baik.Ini kerana guru besar kurang berfokus dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Kesan yang melibatkan tugas ini termasuklah kebanyakan aktiviti, program atau tugas di sekolah hanya dijalankan secara *ad hoc* tanpa strategi dan perancangan yang rapi (Azlin Norhaini, 2006). Malah dalam kes-kes tertentu guru besar tidak bersama-sama menyertai program dan aktiviti sekolah yang begitu penting atas alasan kesibukan tugas di luar sekolah.

Mewujudkan sekolah berkesan adalah menjadi agenda utama ataupun fokus Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun sejauh manakah agenda ini menjadi realiti? Apakah majoriti sekolah yang ada di seluruh negara hari ini boleh dikategorikan sebagai sekolah berkesan? Apa yang menyedihkan masih terlalu banyak sekolah-sekolah dalam negara ini yang masih tersasar jauh daripada apa yang dikatakan sekolah berkesan. Walaupun masalah pengajaran guru yang tidak berkualiti sentiasa dalam perhatian KPM dan peningkatan program bimbingan profesional para guru masih terus diusahakan tetapi keputusan peperiksaan awam masih di peringkat sederhana atau rendah. Masalah asas seperti membaca, menulis, mengira masih tidak mampu diselesaikan. Namun sekolah berkesan hanya akan lahir jika ada guru besar berkesan (Hussien Mahmood, 1993, 2016 ; Mortimore, 1995; Waters, 2017).

Sekolah yang berkesan berkait rapat dengan ciri-ciri sekolah yang cadangan oleh (Edmonds, 1979; Guccione, 2014 ; Han, Farruggia, & Moss, 2017**)** yang menyatakan bahawa sekolah yang efektif iaitu mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dan kepemimpinan instruksional yang kuat; jangkaan-jangkaan yang tinggi terhadap pengajaran; iklim yang tertib dan berorientasikan kerja; memberi fokus utama pada pengajaran dan pemantauan yang kerap. Persoalannya adakah sekolah telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai ciri-ciri tersebut untuk menjadi sekolah yang berkesan? Persoalan yang lebih khusus, setakat manakah tahap kepemimpinan guru besar kita pada hari ini? Sejauh manakah tahap efikasi kendiri guru besar? Sejauh manakah kepemimpinan instruksional dan efikasi kendiri mempengaruhi prestasi kerja guru besar?

Persoalan dan kesedaran ini penting bagi memastikan pengurusan di sekolah berjalan dengan lancar dan teratur agar matlamat sekolah iaitu untuk memupuk, memperbaiki, meningkatkan dan memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar berjalan dengan efektif dan efisien serta memenuhi tuntutan masyarakat pada masa ini (Rahimah, 1999 & Ramaiyah 2002; Hussein, 2016; Chen, 2017). Pandangan tokoh-tokoh akademik lain seperti (Fullan & Pomfret, 1977; Sergiovanni, 2001) mengesahkan pandangan bahawa guru besar atau pengetua sebagai pengurus kepada sebuah sekolah merupakan satu-satunya individu yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah sekolah. Sehubungan itu, guru besar mestilah faham dan mahir dalam memainkan peranan yang pelbagai semasa mereka mengurus sekolah agar selaras dengan hasrat serta matlamat-matlamat Falsafah Pendidikan Negara (Hussein, 1993; Haron, 2002).

Di samping itu (Darmody & Smyth, 2016; Garet, 2001; Mouza, 2006) telah menekankan kualiti prestasi kerja dalam mengurus sesebuah sekolah. Prestasi kerja seseorang guru besar sebenarnya bergantung kepada banyak faktor, antaranya ialah faktor diri, sikap dan orientasi, komitmen dan gaya kepemimpinan. Faktor-faktor ini juga dapat membezakan prestasi kerja yang berkualiti dan yang kurang berkualiti. Amalan kepemimpinan yang mengamalkan kerja rutin dan berpegang kuat pada tradisi, tanpa mempunyai wawasan dan matlamat didapati tidak membawa apa-apa inovasi dan perubahan kepada sekolah. Ubben & Hughes (1987) menyatakan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tanggungjawab seorang pemimpin sekolah atau guru besar ialah memastikan segala sumber digunakan sepenuhnya bagi tujuan memajukan lagi pembelajaran pelajar.

Kajian analisis-meta Zacarro, Peterson and Zazanis (1995) terhadap data kajian-kajian tret yang terdahulu mendapati sesetengah ciri peribadi seperti ego, ketahanan stress, pengawalan sikap, haluan-kendiri, dan kecerdasan mempunyai kaitan dengan kesan kepemimpinan dalam kebanyakan situasi. Yukl (1994) pula mendapati beberapa ciri peribadi mempunyai perkaitan dengan efikasi kendiri pemimpin seperti keyakinan-diri, orientasi lokus kawalan, ketahanan stress, kematangan emosi, integriti, dan keperluan rendah terhadap afiliasi (*low need for affiliation*). Namun begitu cirri peribadi efikasi kendiri pemimpin kurang diberi perhatian oleh penyelidik-penyelidik (Bandura, 1977, 1997). Sedangkan dalam beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kejayaan seseorang itu boleh diramalkan dengan efikasi kendiri (Bandura, 1997).

Sehubungan itu, daripada masalah-masalah yang dikemukakan, satu kajian perlu dilaksanakan untuk meninjau sejauh mana kekerapan fungsi-fungsi kepemimpinan pengajaran telah dilakukan oleh guru besar. Kesimpulannya berjaya atau gagal penjanaan dan pelaksanaan program di sekolah bergantung kepada guru besar. Melalui kesedaran pemupukan efikasi kendiri yang tinggi dan amalan kepimpinan instruksional yang unggul serta memberi penekanan utama dalam prestasi kerja, guru besar seharusnya dapat menghadapi dan menangani permasalahan yang telah dibincangkan dengan langkah-langkah penyelesaian yang bijaksana, berkualiti, cekap, berkesan, produktif dan memberi manfaat yang maksimum kepada dunia pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan Pertunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Pendidikan Malaysia, sehingga bulan Mac 2017, sebanyak 140 buah sekolah di seluruh Malaysia telah diumumkan sebagai sekolah berprestasi tinggi (IAB, 2017). Berdasarkan data tersebut, jumlah ini hanyalah 68 atau 0.87 % daripada 7,757 buah sekolah rendah di Malaysia pada jumlah keseluruhannya. Ini bermakna masih terdapat jurang prestasi yang lebar di antara sekolah rendah yang bukan dalam golongan sekolah berprestasi tinggi berbanding sekolah yang telah mencapai kepada tahap sekolah berprestasi tinggi. Ini menunjukkan bahawa taraf kepemimpinan guru besar di Malaysia masih tidak memuaskan dan belum mampu membawa sekolah masing-masing ke arah kecemerlangan seperti yang diharapkan oleh KPM. Isu kepimpinan pendidikan dan pengurusan pendidikan merupakan suatu isu yang telah lama dibincangkan oleh pakar-pakar pendidikan. Ini adalah kerana sebuah sekolah yang berkesan dan cemerlang selalunya diterajui oleh seorang guru besar yang berkesan dan cemerlang (Yusri & Aziz, 2014; Jamilah & Yusof, 2011; Horng & Loeb, 2010; Shahril dan Faizal, 2010; Alimuddin, 2006, 2010; Hussein Mahmood, 2005, 2008, 2016, 2017 ; Abd Shukor, 2004; Waters, 2017).

Laporan Tahunan 2017 Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (JNJK, 2017) khususnya Laporan Eksekutif Pemeriksaan Bertema Kualiti Kepimpinan Sekolah (KKS) terhadap 51 buah sekolah seluruh Malaysia daripada pelbagai kategori dan lokasi turut mendapati kualiti kepimpinan instruksional berada pada tahap sederhana (67.79%). Dari aspek efikasi kendiri, hasil kajian (Tschannen-Moran & Gareis, 2004) terhadap 45 orang guru besar mendapati bahawa guru besar mempunyai efikasi kendiri pada tahap sederhana. Kajian menunjukkan bahawa guru besar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berefikasi rendah kurang berjaya meningkatkan jangkaan untuk guru-guru dan pelajar (Tschannen-Moran & Gareis, 2004; Ahn, Bong, & Kim, 2016). Seterusnya, kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang berkesan mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dan prestasi kerja yang lebih baik daripada pemimpin sekolah yang kurang berkesan (DeMoulin, 1993; Dimmock & Hattie, 1996 ; Ahn, Bong, & Kim, 2016). Oleh yang demikian, kajian ini ingin merungkai dengan jelas persoalan sejauh mana pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar memberi kesan kepada kecemerlangan sesebuah sekolah?

Dalam melihat kepada pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar, persoalan seterusnya yang perlu diajukan adalah mengapa terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar? Teori kognitif sosial yang dipelopori oleh Bandura (1977), menunjukkan jangkaan seseorang bahawa dia telah bertingkah laku seperti yang diperlukan untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu prestasi kerja. Ia juga diertikan sebagai keyakinan terhadap sesuatu keupayaan untuk menyusun dan melaksanakan kognitif, tingkah laku dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk kejayaan terhadap sesuatu tugas (Bandura, 1986, Zimmerman, 1989). Sehubungan itu, hasil kajian terdahulu mendapati bahawa guru besar yang berefikasi tinggi berjaya meningkatkan jangkaan kecemerlangan prestasi sekolah (Tschannen-Moran & Gareis, 2004; Ahn, Bong, & Kim, 2016; Al-Dhamit, & Kreishan, 2016; Han, Farruggia, & Moss, 2017; Rebetz, Rochat, Barsics, & Van Der Linden, 2018). Guru besar yang berefikasi tinggi juga telah dikaitkan dengan jangkaan peningkatan amalan kepimpinan instruksional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seluruh sekolah yang menggalakkan pencapaian pelajar (Bandura, 1977; Tschannen-Moran & Gareis, 2004).

Persoalan seterusnya adalah berdasarkan siasatan Walker dan Slear (2011) yang menyiasat tentang pengaruh amalan kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru di Amerika Syarikat. Hasil kajian mendapati penyampaian matlamat pengajaran dan model jangkaan pengajaran mempunyai pengaruh positif yang signifikan dengan efikasi kendiri. Hipp dan Bredeson (1995), dalam kajian guru di Amerika Syarikat, mendapati bahawa model jangkaan pengajaran dan guru memberi ganjaran, serta indeks termasuk lima amalan kepemimpinan instruksional, mempunyai signifikan, korelasi positif dengan efikasi kendiri guru. Justeru, reformasi pendidikan harus memberi fokus kepada efikasi kendiri guru besar dan amalan kepimpinan instruksional terlebih dahulu sekiranya mutu pendidikan hendak ditingkatkan. Sekolah-sekolah di Malaysia mempunyai persamaan daripada segi kurikulum, bentuk bangunan, kelayakan guru, dan prasarana. Namun yang membezakan sekolah ialah tahap efikasi kendiri, amalan kepimpinan dan budaya sesebuah sekolah dan unsur inilah yang dikatakan penentu pada keberkesanan sekolah (Kotter, 2012; Lunenburg, 2011; Hofstede et al., 2010; Sharifah, 2000; dan Bolman & Deal, 1992). Persoalannya, mengapa terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional berlaku di sekolah?

Kajian secara empirikal tentang kepimpinan sejak dua puluh tahun lalu menunjukkan bahawa guru besar boleh memberi kesan perubahan terhadap pembelajaran murid dan keberkesanan sekolah (Hallinger & Heck, 1996). Walaupun banyak kajian yang membuktikan peranan guru besar sebagai pemimpin instruksional memberi kesan positif terhadap prestasi kerja tetapi seseorang guru besar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dibebani tugas yang banyak tidak mungkin berada di sekolah setiap hari. Ini terbukti berdasarkan kajian oleh Azlin Norhaini (2005) mendapati guru besar sering menghadiri mesyuarat dan aktiviti luar dan banyak masa yang digunakan oleh guru besar untuk melakukan kerja- kerja yang bukan berkaitan dengan pengajaran dan memerlukan guru besar meninggalkan sekolah. Maka, satu lagi persoalannya timbul, sama ada kesan kepimpinan instruksional guru besar terhadap prestasi kerja berlaku secara langsung atau tidak langsung?

Tugas seorang guru besar di sekolah terlalu luas, beliau perlu menjalankan peranannya sebagai seorang pemimpin, pentadbir, pengurus dan pengajar (Hussein, 1993). Keadaan itu menjadikan peranan dan tugas guru besar semakin berat (Ahmad Tajuddin,1989), sukar dan mencabar (Hoerr, 1996), dan kompleks serta pelbagai (Fullan, 2000; Mitchell & Castle, 2005; Ruffin, 2007; Hallinger, 2011(a); Jamilah Ahmad danYusof Boon, 2011) dan kekangan masa (Doyle, M.E & Rice, D.M,2002). Oleh itu mampukah seorang pengetua memainkan semua peranannya itu secara berkesan? Kajian lepas tentang kepimpinan instruksional di dalam dan luar negara menemukan beberapa dapatan yang berlainan. Menurut (Abd Razak, 2001; Lokman, 2007; Manoharan 1995; Narimah, 1997) terdapat guru besar yang berjaya melaksanakan kepimpinan instruksional di sekolah. Begitu juga di luar negara, guru besar berupaya menjalankan tugasnya sebagai pemimpin instruksional yang menjadi tunjang kepimpinan sekolah yang berjaya dan berkesan (Charles, et.al 2004; Fiore 2004; Fulmer 2006; Hoy & Hoy 2002).

Kajian-kajian lalu telah menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempunyai hubungan yang signifikan dalam kalangan guru besar berdasarkan gender dengan kejayaan pemimpin instruksional dan efikasi kendiri individu (Bandura, 1977; Hoy &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Woolfolk, 1993; Turner, Chandler & Heffer, 2009; Valle, 2009). Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pemimpin instruksional sekolah yang berkesan mempunyai efikasi kendiri yang lebih tinggi daripada pemimpin sekolah yang kurang berkesan (DeMoulin, 1993; Dimmock & Hattie, 1996). Individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi, bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi kendiri rendah (Wood & Bandura, 1989. Oleh yang demikian, guru besar sebagai peneraju organisasi sekolah yang mempunyai kuasa, autoriti dan akauntabiliti perlu memainkan peranan utama dalam merialisasikan amalan kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri yang berkesan untuk mencapai prestasi kerja yang cemerlang serta merialisasikan visi dan misi pendidikan di sekolah masing-masing. Setelah sedikit pencerahan yang diberikan di atas, maka timbullah persoalan, sejauh manakah perbezaan yang signifikan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar berdasarkan gender, kelayakan akademik, pengalaman dan lokasi sekolah?

Persoalan seterusnya adalah untuk merungkai dengan jelas mengapa terdapat perbezaan yang signifikan tahap prestasi kerja dalam kalangan guru besar dalam mengurus sesebuah sekolah? Pada umumnya para ahli pengurusan memberi pengertian prestasi sebagai prestasi kerja dan produktiviti kerja. Nachbagauer & Riedl (2002) mengemukakan prestasi adalah prestasi kerja yang dapat ditunjukkan oleh seorang pekerja atau pegawai sebagai hasil kerja yang dapat dicapainya dalam tempoh waktu tertentu dalam melakukan pekerjaan yang dibebankan kepadanya, berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kesungguhan. Prestasi kerja dipengaruhi oleh pencapaian sasaran peribadi, efikasi kediri dan nilai terhadap insentif yang diperolehi dari prestasi tersebut. Prestasi kerja juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi kendiri. Seseorang yang mempunyai efikasi kendiri tinggi adalah sebagai seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang berprestasi sangat baik. Mereka yang mempunyai efikasi kendiri tinggi dengan senang hati menghadapi cabaran, sedangkan mereka yang ragu-ragu tentang kemampuannya tidak berani mencuba dan mudah menyerah (Multon, Brown & Lent, 1991). Sebaliknya, makin tinggi efikasi kendiri seseorang maka makin rendah tahap stresnya untuk memudahkannya mencapai prestasi kerja yang cemerlang (Lent, Brown & Larking, 1984; Rebetz, Rochat, Barsics, & Van Der Linden, 2018).

Dapatan kajian yang dipaparkan tidak menunjukkan secara spesifik dan tepat tentang pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar di sekolah. Persoalannya, adakah guru besar yang berefikasi tinggi dan amalan kepimpinan instruksional yang cemerlang di Malaysia dapat menghasilkan prestasi kerja yang berkualiti seperti dapatan kajian di beberapa buah sekolah di Amerika Syarikat dan United Kingdom? Ataupun adakah tahap pencapaian efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional yang rendah di Malaysia itu disebabkan oleh perbezaan gender, kelayakan akademik, lokasi sekolah dan pengelaman guru besar? Sehubungan dengan itu pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti secara spesifik dan tepat tentang sejauh mana pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar berdasarkan gender, kelayakan akademik, lokasi sekolah dan pengelaman guru besar. Ini kerana kajian lalu banyak memaparkan pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan pemimpin sekolah tetapi tidak mengukur keberkesanan tahap efikasi kendiri, kepimpinan insruksional dan prestasi kerja berdasarkan gender, pengalaman, lokasi sekolah dan kelayakan akademik guru besar. Oleh yang demikian, kajian ini cuba mencungkil secara mendalam apakah proses kepimpinan yang diamalkan oleh guru besar di sekolah dalam usahanya menjadikan sekolahnya berkesan seterusnya memastikan berlakunya penambahbaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang berterusan terutamanya dalam aspek meningkatkan efikasi kendiri dan amalan terbaik kepimpinan instruksional untuk mencapai prestasi kerja yang cemerlang.

## 1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar.

## 1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas maka di antara objektif kajian yang hendak dicapai dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Menganalisis perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak.
2. Menganalisis perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman responden.
3. Menganalisis hubungan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak.
4. Mengenalpasti pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional guru besar terhadap prestasi kerja.

## 1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini ialah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1. Adakah terdapat perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman responden?
3. Adakah terdapat hubungan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak?
4. Adakah terdapat pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional guru besar terhadap prestasi kerja?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada kajian-kajian yang lepas, aspek teoritikal tentang pemboleh ubah dan kerangka konseptual kajian, hipotesis-hipotesis alternatif dibentuk dan diuji. Hipotesis kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu yang pertama untuk menganalisis perbezaan antara tahap efikasi kendiri dengan prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Kedua, untuk menganalisis perbezaan hubungan antara amalan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar, dan ketiga untuk melihat sejauh mana pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar.

Sintesis daripada kajian literatur menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah ini adalah saling berkaitan (Bandura, 1997, 1989; Barr, 2002; Early, 1994; Gawerecki, 2003 Stadjkovic & Luthans, 1998). Andaian kajian ini mensentesiskan bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara efikasi kendiri dengan prestasi kerja. Individu yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi lebih berjaya menghasilkan prestasi kerja yang tinggi dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kendiri yang rendah. Semakin tinggi efikasi diri, maka semakin tinggi rasa percaya diri yang dimiliki dalam kemampuan untuk mencapai prestasi kerja yang tinggi dalam suatu tugas. Individu dengan efikasi diri tinggi akan berusaha lebih keras untuk mengalahkan cabaran (Olusola, O. (2011). Berdasarkan andaian-andaian tersebut, hipotesis berikut dibentuk dan dinyatakan dalam bentuk hipotesis, iaitu;

$H_o$

1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender.

$H_o$

2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan kepimpinan instruksional berdasarkan gender.

$H_o$

3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan prestasi kerja berdasarkan gender.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

$H_o$

4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak.

$H_o$

5: Tidak terdapat pengaruh efikasi kendiri guru besar terhadap kepimpinan instruksional.

## 1.8 Signifikan Kajian

Kepentingan keberkesanan pengurusan sekolah sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Faktor-faktor yang menyumbang ke arah sekolah berkesan adalah pelbagai dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kompleks untuk dicerakinkan bagi memudahkan pihak-pihak tertentu untuk merencana program-program ke arah mewujudkan sekolah berkesan (Sazali Yusof, Zurida Ismail, & Mustapa Kassim (2004). Namun begitu, kajian ini dapat memberi sedikit sumbangan kepada literature sekolah berkesan dengan memberi fokus kepada faktor kepemimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru besar. Kedua-dua faktor ini dianggap penting dan boleh dianggap peramal yang kuat kepada kejayaan akademik pelajar (Tschannen-Moran & Garies, 2004). Pemimpin pengajaran harus menterjemahkan peranan utama seorang guru besar sebagai pemimpin kecemerlangan pembelajaran. Untuk itu, seorang guru besar bukan sekadar kukuh dan mantap dari segi idea yang konkrit, malah kemahiran teknikalnya (Sazali Yusof, Zurida Ismail, & Mustapa Kassim, 2002). Ia memerlukan satu tafsiran semula terhadap peranan guru besar, iaitu berdasarkan kepemimpinan pengajaran yang mengetepikan hambatan-hambatan seperti struktur birokrasi, mencipta semula perhubungan yang lebih berkesan dan memperkembangkan satu kerangka perancangan yang strategik (Sufa'at, 2005). Mortimore (1995) menegaskan bahawa jika sesebuah sekolah itu dijuruskan sebagai sebuah komuniti pembelajaran yang berjaya ia akan berjaya disebabkan oleh kepemimpinan guru besar atau pengetuanya yang berkesan. Oleh sebab itulah kajian kepemimpinan pengajaran ini menjadi penting.

Kebanyakan organisasi hari ini, termasuk sekolah menghadapi persekitaran dalaman dan luaran yang berubah dengan pantas. Di samping itu, sekolah juga sering menerima arahan-arahan daripada jabatan dari semasa ke semasa bagi melaksanakan program-program tertentu. Perubahan demi perubahan ini sudah pasti mengundang konflik dan keresahan dalam kalangan staf yang mempunyai sifat sukar untuk berubah (Mohd or Jaafar, 2005). Semangat kepemimpinan pengajaran sahaja tidak dapat menyelesaikan konflik dan keresahan ini. Bagi menghadapi situasi-situasi yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mencabar ini, keyakinan guru besar ke atas kemampuannya mesti tinggi dalam mengharungi situasi-situasi tersebut.Untuk itu guru besar mesti disedarkan akan kepentingan efikasi kendiri yang tinggi (Audryanah, 2007). Guru Besar yang mempunyai efikasi kendiri tinggi lebih diyakini dapat membawa perubahan di sekolah dengan mempengaruhi efikasi kolektif guru ke arah kecemerlangan akademik dan pengurusan sekolah (Sazali, Zurida, & Mustapa, 2004). Menurut Bandura (1997, 1989), individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi juga akan lebih berjaya menjalankan tugasnya dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi kendiri rendah, lebih-lebih lagi dalam situasi rintangan yang menunjukkan kebanyakan individu kurang berjaya. Dapatan ini disokong oleh Stadjkovic & Luthans (1998) yang menegaskan faktor efikasi kendiri mempunyai perkaitan dengan prestasi individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bersandarkan kepada permasalahan dan kepentingan kajian yang dinyatakan di atas maka kajian tentang pengaruh efikasi kendiri dan kepemimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar amat penting untuk dikaji kerana beberapa sebab seperti berikut:

i. Menganalisis perbezaan efikasi kendiri terhadap prestasi kerja amat penting untuk membantu guru besar, dalam usaha membimbing dan mendorong guru-guru meningkatkan prestasi kerja mereka.
ii. Dapatan kajian ini dapat mengenalpasti perbezaan tahap amalan kepimpinan instruksional berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman responden.
iii. Hasil kajian ini dapat menganalisis perbandingan tahap efikasi kendiri guru besar berdasarkan gender guru besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


vi Kajian ini juga dapat mengenalpasti hubungan amalan kepimpinan instruksional guru besar yang meramal terhadap prestasi kerja.

v Dapatan kajian ini juga dapat mengenalpasti pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar.

## 1.9 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbandingan tahap efikasi kendiri dan amalan kepemimpinan instruksional mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan guru besar yang mengandungi populasi 313 orang daripada 313 buah sekolah kebangsaan di zon tengah Sarawak yang terdiri dari daerah Sibu, Selangau, Kanowit, Julau, Meradong, Song, Kapit dan Sarikei. Maka, dapatan daripada kajian ini tidak menggambarkan secara keseluruhan kepemimpinan guru besar di sekolah kebangsaan negeri lain di Malaysia. Pemilihan sekolah-sekolah dalam kajian ini adalah secara rawak strata yang melibatkan 200 orang guru besar yang terdiri daripada 200 buah sekolah kebangsaan daripada keseluruhan populasi 313 orang guru besar / sekolah.

Faktor-faktor efikasi kendiri guru besar yang dikaji adalah efikasi pengurusan tugas, efikasi kepemimpinan instruksional dan efikasi kepimpinan moral. Pencapaian akademik sekolah pula diambil daripada beza gred purata sekolah (GPS) dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk tiga (3) tahun berturut-turut, iaitu 2012 hingga tahun 2014 di bawah pentadbiran guru besar yang sama. Data keputusan UPSR ini diperolehi dari Unit Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Tiga dimensi kepemimpinan pengajaran akan dikaji (Hallinger dan Murphy, 1987). Dimensi-dimensi tersebut adalah dimensi pentakrifan matlamat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sekolah, dimensi pengurusan program pengajaran dan dimensi memupuk iklim pengajaran dan pembelajaran. Dimensi-dimensi ini kemudiannya dipecahkan kepada sebelas fungsi kepemimpinan pengajaran iaitu merangka matlamat akademik sekolah, memperjelas matlamat akademik sekolah, mencerap/menyelia dan menilai pengajaran guru, menyelaras kurikulum, memantau kemajuan akademik pelajar, mengawal dan melindungi waktu pengajaran, memberi sokongan dalam aktiviti pengajaran, memberi insentif terhadap usaha guru, membudayakan perkembangan staf, menetap dan menguatkuasakan dasar/standard akademik dan menyediakan ganjaran untuk pelajar.

Kajian ini hanya difokuskan kepada sebelas fungsi kepemimpinan instruksional dan tiga faktor efikasi kendiri dan prestasi kerja guru besar di sekolah kebangsaan zon tengah Sarawak. Responden kajian ini hanya membabitkan 200 daripada jumlah keseluruhan 313 orang guru besar sekolah yang terlibat. Dapatan kajian ini tidak menggambarkan secara menyeluruh kepemimpinan instruksional dan efikasi kendiri mempengaruhi prestasi guru besar di negeri lain di Malaysia kerana kajian ini hanya melibatkan guru besar di zon tengah Sarawak sahaja. Sebanyak 200 orang guru besar dilibatkan dalam kajian ini berdasarkan tempoh pengalaman berkhidmat sebagai guru besar di sekolah tersebut sekurang-kurangnya dua (3) tahun. Kajian ini juga terbatas kepada 200 orang responden, iaitu enam puluh tiga perpuluhan sembilan peratus (63.9%) daripada jumlah populasi 313 buah sekolah kebangsaan di zon tengah Sarawak.

Responden kajian ialah terdiri dari kalangan guru besar yang telah berkhidmat sehingga tahun semasa di sekolah yang sama di bawah pentadbiran guru besar berkenaan. Penyelidik terpaksa membataskan kajian ini dengan mengambil sampel daripada kalangan guru besar yang telah berkhidmat di sekolah semasa untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memudahkan mengenalpasti perbezaan dan perbandingan tahap efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Oleh kerana kajian ini hanya menggunakan soal selidik, maka dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada keikhlasan dan kejujuran responden menjawab setiap item yang diberikan dalam soal selidik.

## 1.10 Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti pengaruh di antara efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar. Maka kerangka konsep kajian dibentuk untuk melihat hubungan di antara tiga perkara utama iaitu, pengaruh efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja guru besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.10.1 Kerangka Konsep Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri guru besar dibahagikan kepada tiga faktor iaitu (a) faktor efikasi pengurusan tugas, (b) faktor efikasi kepemimpinan instruksional dan (c) faktor efikasi kepemimpinan moral (Tschannen-Moran & Garies, 2004). Manakala pencapaian akademik sekolah diperolehi daripada data Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) diperolehi dari Unit Peperiksaan Negeri Sarawak. Pencapaian akademik sekolah dijangkakan mempunyai hubungan dengan prestasi kerja, amalan kepemimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru besar.

### 1.10.2 Kerangka Konsep Kepimpinan Instruksional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kerangka konsep kajian ini menggunakan model Konsep Hallinger dan Murphy (1987) Kajian kepemimpinan instruksional guru besar dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu (a) domain pentakrifan misi dan matlamat sekolah, (b) domain pengurusan program instruksional dan (c) domain pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga domain ini kemudiannya dipecahkan kepada sebelas (11) fungsi elemen iaitu (a) fungsi elemen merangka matlamat akademik sekolah, (b) fungsi elemen memperjelas matlamat sekolah, (c) fungsi elemen mencerap dan menilai pengajaran guru (d) fungsi elemen menyelaras kurikulum, (e) fungsi elemen memantau kemajuan akademik pelajar, (f) fungsi elemen mengawal dan melindungi waktu pengajaran, (i) fungsi elemen memberi sokongan dalam aktiviti pengajaran/ketampakan, (j) fungsi elemen memberi insentif terhadap usaha guru, (k) fungsi elemen membudayakan perkembangan staf, (l) fungsi elemen menetap dan menguatkuasakan dasar/standard akademik, dan (m) fungsi elemen menyediakan ganjaran untuk pelajar.

### 1.10.3 Kerangka Konsep Kajian Prestasi Kerja Guru Besar

Kerangka konsep kajian prestasi kerja guru besar adalah merujuk kepada kajian lepas iaitu, McCrae & Costa (2010) yang menyatakan prestasi kerja guru besar dalam kajian ini adalah dinilai melalui (a) prestasi kerja pengurusan tugas, (b) pengurusan kepimpinan instruksional dan (c) prestasi kerja kepimpinan moral. Kerangka konsep prestasi kerja ini berfungsi untuk mengenalpasti hubungan di antara pengurusan tugas, amalan kepimpinan instruksional dan pengurusan kepimpinan moral dalam kalangan guru besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.11 Pemboleh Ubah

### 1.11.1 Pemboleh Ubah Bebas

Terdapat dua pemboleh ubah bebas akan dikaji dalam kajian ini iaitu, pertama efikasi kendiri guru besar sebagai pemboleh ubah bebas yang pertama dan dibahagikan kepada tiga faktor iaitu (a) faktor efikasi pengurusan tugas, (b) faktor efikasi kepemimpinan instruksional dan (c) faktor efikasi kepemimpinan moral (Tschannen-Moran & Garies, 2004) Pemboleh ubah kedua ialah amalan kepemimpinan instruksional guru besar yang dibahagikan kepada tiga dimensi utama iaitu pertama domain pentakrifan misi dan matlamat sekolah, kedua domain pengurusan program instruksional dan ketiga domain pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran (Hallinger dan Murphy,1987). Tiga dimensi utama ini dibahagikan kepada sebelas fungsi kepimpinan pengajaran. Antaranya ialah (a) merangka matlamat sekolah dengan menentukan pencapaian matlamat-matlamat tahunan akademik yang dirangka melalui sumber-sumber yang ada di sekolah; (b) memperjelaskan matlamat sekolah kepada guru, ibu bapa dan pelajar; (c) menyelia dan menilai pengajaran dengan memastikan matlamat sekolah diterjemahkan kepada amalan pengajaran di bilik darjah; (d) menyelaras kurikulum dengan menjamin kurikulum sekolah dilaksanakan secara baik di bilik darjah yang kepiawaiannya dari hasil ujian; (e) pemantauan kemajuan akademik pelajar dengan menilai hasil ujian dan membincang dengan guru; (f) mengawal dan melindungi waktu pengajaran dengan melakukan kawalan terhadap waktu pengajaran melalui polisi sekolah; (g) mengekalkan kelihatan di sekolah dengan member petunjuk kepada guru dan pelajar berupaya memperuntukkan waktu berada di sekolah serta membuat rondaan di bilik darjah; (h) menyediakan ganjaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepada guru dengan mencipta iklim kondusif serta struktur kerja yang jelas dan memberi insentif atau penghargaan lain terhadap prestasi guru; (i) menggalakkan perkembangan professional dengan menggunakan pelbagai cara dalam usaha memajukan pengajaran dengan memajukan perkembangan profesional guru; (j) menetapkan piawaian akademik dan menggerakkan piawaian untuk mencapai harapan tinggi pencapaian sekolah; (k) menyediakan ganjaran kepada pelajar dengan memberi ganjaran sebagai tanda menghargai peningkatan pencapaian akademik dan menggalakkan pelajar untuk lebih berusaha memajukan pencapaian akademik dengan lebih cemerlang.


### 11.1.2 Pemboleh Ubah Bersandar

Prestasi kerja guru besar merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Pemboleh ubah bersandar ini dibuat merujuk kepada kajian lepas iaitu, McCrea & Costa (2010) dan Tschannen-Moran & Garies (2004) yang didapati mempunyai persamaan dalam elemen penilaian iaitu, (a) prestasi kerja pengurusan tugas, (b) prestasi pengurusan kepimpinan instruksional dan (c) prestasi kerja pengurusan kepimpinan moral. Ketiga-tiga pecahan komponen pemboleh ubah bersandar ini melibatkan prestasi kerja guru besar berdasarkan tiga dimensi utama dan elemen-elemen pemboleh ubah bebas iaitu, amalan kepimpinan instruksional (Hallinger dan Murphy, 1987). Pembolehubah bersandar ini juga merujuk kepada kelayakan akademik, pengalaman sebagai kepimpinan sekolah, pencapaian akademik sekolah, ko-akademik kokurikulum dan kemenjadian murid. Pencapaian akademik sekolah dalam kajian ini adalah merujuk kepada perbezaan pencapaian gred purata sekolah dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rajah 1.1 adalah kerangka konsep kajian yang menunjukkan hubungan antara tiga aspek kajian, iaitu, efikasi kendiri, kepemimpinan instruksional dan prestasi kerja guru besar.




*Rajah 1.1*. Kerangka Konsep Kajian.

Sumber: Hallinger dan Murphy (1987) McCrea dan Costa (2010) Tschannen-Moran & Garies (2004

## 1.12 Faktor Efikasi Kendiri

Faktor efikasi kendiri terdiri daripada efikasi pengurusan tugas, efikasi kepemimpinan instruksional dan efikasi kepemimpinan moral. Faktor efikasi pengurusan tugas merujuk kepada faktor efikasi guru besar dalam menjalankan tugas-tugas di sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seperti mengawal pengagihan masa, mewujudkan kertas kerja, mendahulukan kerja utama, mengendalikan tekanan kerja dan membentuk polisi dan prosedur kerja.

Faktor Efikasi Kepemimpinan Pengajaran merupakan efikasi guru besar dalam melaksanakan sebelas fungsi elemen kepemimpinan instruksional, iaitu merangka matlamat sekolah, memperjelas matlamat sekolah, mencerap dan menilai pengajaran guru, membuat penyelarasan kurikulum, memantau kemajuan akademik pelajar, mengawal dan melindungi waktu pengajaran, memberikan sokongan dalam aktiviti pengajaran/sentiasa kelihatan, memberi insentif terhadap usaha guru, membudayakan perkembangan staf, menetap dan menguatkuasakan standard akademik dan menyediakan ganjaran untuk pelajar.

Efikasi Faktor Kepemimpinan Moral merangkumi efikasi guru besar dalam mempromosikan nilai-nilai murni seperti sikap yang diterima pelajar, semangat cinta akan sekolah, mengawal disiplin pelajar, mempromosi imej positif sekolah dan mempromosi sikap-sikap yang beretika.

## 1.13 Faktor Kepimpinan Instruksional

Faktor kepimpinan instruksional melibatkan tiga domain utama, iaitu domain pentakrifan matlamat sekolah, domain pengurusan program-program instruksional/kurikulum, dan domain pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran. Domain pentakrifan matlamat sekolah merujuk kepada tindakan- tindakan guru besar mendefinisikan visi dan matlamat yang hendak dicapai. Domain ini telah dipecahkan kepada dua fungsi elemen, iaitu fungsi elemen merangka matlamat sekolah dan fungsi elemen memperjelaskan matlamat sekolah. Fungsi elemen merangka matlamat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sekolah merujuk kepada peranan dan penglibatan guru besar dalam menetapkan matlamat akademik sekolah serta merangka matlamat yang bersesuaian dengan sekolah dan guru. Fungsi elemen memperjelas matlamat sekolah merangkumi tugas guru besar untuk menjelaskan matlamat-matlamat akademik sekolah kepada semua komuniti sekolah iaitu guru, pelajar dan ibu bapa. Peranan ini bagi memastikan matlamat yang telah ditetapkan dapat dihayati dan dicapai melalui kerjasama daripada semua pihak.

Domain kedua, iaitu berkaitan dengan pengurusan program pengajaran. Beberapa tindakan yang mesti dilakukan oleh guru besar dalam domain pengurusan program instruksional ialah fungsi elemen mencerap/menyelia dan menilai pengajaran guru, membuat penyelarasan kurikulum dan fungsi elemen memantau kemajuan akademik pelajar. Fungsi elemen mencerap dan menilai pengajaran guru merujuk kepada peranan guru besar dalam memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan lancar. Guru Besar perlu mencerap dan menilai kerja guru dan pelajar. Mereka juga perlu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan guru dalam proses pengajaran agar matlamat sekolah dapat dicapai. Fungsi elemen menyelaras kurikulum merangkumi tugas penyelarasan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum, tanggungjawab guru dan bahan- bahan pengajaran sekolah. Penyelarasan ini penting bagi menjamin proses pengajaran selari dengan objektif kurikulum sekolah. Fungsi elemen memantau kemajuan akademik murid adalah merujuk kepada penglibatan pengetua dalam mengenal pasti dan mendapatkan laporan prestasi akademik, perbincangan dengan tenaga pengajar dan menyebarkannya kepada seluruh warga sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Domain ketiga dalam kepemimpinan instruksional ialah pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran iaitu, norma dan sikap guru serta murid yang boleh mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran. Ia merangkumi fungsi elemen mengawal dan melindungi waktu pengajaran, fungsi elemen memberi sokongan dalam aktiviti pengajaran/ketampakan, fungsi elemen memberi insentif terhadap usaha guru, fungsi elemen membudayakan perkembangan staf, fungsi elemen menetap dan menguatkuasakan dasar/standard akademik, dan fungsi elemen menyediakan ganjaran untuk pelajar. Fungsi elemen mengawal dan melindungi waktu pengajaran merupakan peranan pengetua dalam mengawal waktu pembelajaran pelajar agar tidak diganggu oleh aktiviti-aktiviti lain. Penegasan terhadap waktu pembelajaran juga perlu diberi keutamaan. Fungsi elemen memberi sokongan dalam aktiviti pengajaran merujuk kepada peranan guru besar selaku selalu kelihatan/menampakkan diri dalam memberi sokongan dalam aktiviti pengajaran. Keadaan ini merangkumi kesediaan guru besar untuk berbincang, melawat kelas, melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan mengajar pada waktu tertentu. Fungsi elemen memberi insentif terhadap usaha guru-guru bertujuan untuk memotivasikan guru terhadap komitmen mereka. Insentif ini merupakan pengiktirafan dalam bentuk pujian dan laporan prestasi yang baik. Fungsi elemen membudayakan perkembangan staf merujuk kepada peranan guru besar untuk memastikan dan menggalakkan guru mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan yang bersesuaian. Guru besar juga memberi peluang kepada guru bagi membincangkan kursus-kursus yang perlu diikuti. Fungsi elemen menetap dan menguatkuasakan dasar/standard akademik peranan guru besar dalam memastikan dasar akademik dipatuhi sepenuhnya dan memaklumkan kepada murid. Antara contoh dasar akademik adalah memulakan kelas pada waktunya, mengajar hingga waktu tamat, penguatkuasaan menyiapkan kerja rumah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan penguatkuasaan disiplin. Menetapkan standard peratusan prestasi akademik yang tinggi mengikut tahap pencapaian yang berbeza. Fungsi elemen menyediakan ganjaran untuk pelajar adalah merujuk kepada peranan guru besar untuk memberi pengiktirafan kepada pencapaian pelajar. Ia juga melibatkan pengiktirafan daripada guru, ibu bapa dan pihak- pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan organisasi sekolah.

## 1.14 Faktor Prestasi Kerja

Prestasi kerja guru besar yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada model McCrea dan Costa (2010) dan Tschannen-Moran & Garies (2004) di mana prestasi kerja guru besar akan dinilai melalui prestasi kerja pengurusan tugas, pengurusan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja kepimpinan moral. Ketiga-tiga komponen ini melibatkan prestasi kerja guru besar berdasarkan kelayakan akademik, pengalaman sebagai kepimpinan sekolah, pencapaian akademik sekolah, ko-akademik kokurikulum, dan kemenjadian murid. Pencapaian akademik sekolah dalam kajian ini adalah merujuk kepada perbezaan pencapaian gred purata sekolah dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Beza ini bernilai positif (meningkat), negatif (menurun) atau sifar (tiada peningkatan). Tahap penglibatan murid dalam bidang kokurikulum dan ko-akademik akan dinilai bagi melambangkan prestasi keseluruhan guru besar memimpin dan mengurus sekolah.

## 1.15 Definisi Operasional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.15.1 Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri didefinisikan sebagai pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksana tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan (Bandura, 1986). Ia juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang itu dalam melaksanakan tingkah laku untuk mencapai sesuatu maksud dengan berjaya. Bandura (1986) menyatakan efikasi kendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi kendiri rendah (Wood dan Bandura, 1989). Efikasi kendiri dalam kajian ini berfokus kepada pertimbangan guru besar mengenai kemampuannya dalam mengurus dan memimpin organisasi sekolahnya. Daripada kajian yang lepas, guru besar sering mempersepsikan diri mereka dengan nilai yang lebih tinggi dibandingkan dengan persepsi guru (Shafari, 2001).

### 1.15.2 Efikasi Pengurusan Tugas

Efikasi pengurusan tugas merujuk kepada kepercayaan seseorang pemimpin pengajaran dalam kebolehannya untuk merancang dan melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi menghasilkan sesuatu pencapaian (Bandura, 1997). Efikasi pengurusan tugas tersebut terbentuk daripada empat sumber utama. Antaranya ialah pengurusan tugas berasaskan (1) pengalaman masteri, (2) pengalaman peniruan, (3) pujukan sosial dan (4) keadaan afektif (Anderson, Krajewski, Goffin, & Jackson, 2008; Hannah, Avolio, Luthans & Harms, 2008; Paglis & Green, 2002)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.15.3 Efikasi Kepemimpinan Instruksional

Menurut Bandura (1986, 1997), efikasi kendiri merujuk kepada pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksana tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang ditetapkan. Oleh itu, dalam kajian ini efikasi kepimpinan instruksional merujuk kepada pertimbangan keyakinan guru besar bagi mengurus dan mentadbir sekolah yang menekankan kepada keberkesanan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (Day, Leithwood, & Sammons, 2008; Fuller, Loab, Arshan, Chen, & Yi, 2007; Leithwood, Harris, & Hopkins, 2008).

### 1.15.4 Efikasi Kepemimpinan Moral

Menurut (Maurer & Davidson, 1998) kepemimpinan moral adalah berkait rapat dengan penubuhan dan penyelenggaraan visi dan misi sekolah. Kursunoglu dan Tanriogen (2009) telah menyarankan pentingnya nilai moral dalam kepemimpinan instruksional guru besar. Nilai seperti bertimbang rasa terhadap orang lain, simpati, baik hati dan menghormati orang lain dapat meningkatkan kepercayaan orang lain. Mereka mendapati banyak pekerja kecewa kerana pihak pentadbir tidak mempercayai, tidak memberi ganjaran dan tidak menghargai apa yang telah mereka lakukan. Apabila pemimpin mendemonstrasikan nilai sebagai asas sehariannya, mereka akan dapat memimpin dengan amanah dan betul.

### 1.15.5 Kepimpinan Instruksional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kepemimpinan instruksional dalam kajian ini merujuk kepada peranan guru besar dalam aktiviti menentukan matlamat sekolah, mengurus program-program pengajaran dan mewujudkan iklim pembelajaran untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di sekolah ((Blasé & Blasé, 1999; Crum & Sherman, 2008; Hallinger & Murphy, 1987; Horst & Martin, 2007; Jenkins (2009) Leithwood & Jantzi, 2008; Marks & Printy, 2003; Wahlstrom & Louis, 2008). Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi fungsi-fungsi merangka matlamat sekolah; memperjelas matlamat sekolah, mencerap dan menilai pengajaran guru; membuat penyelarasan kurikulum; memantau kemajuan akademik pelajar; mengawal dan melindungi waktu pengajaran; memberi sokongan dalam aktiviti-aktiviti pengajaran/sentiasa kelihatan memberi insentif terhadap usaha guru; membudayakan perkembangan staf; menetap dan menguatkuasakan dasar/standard akademik pelajar; dan menyediakan ganjaran untuk pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.15.6 Mendefinisikan Matlamat Sekolah

Menurut Ubben dan Hughes (1987) adalah sesuatu yang imperative bagi guru besar selaku kepimpinan instruksional untuk mempertahankan matlamat atau misi sekolah. Ini dapat dilakukan dengan memastikan bahawa nilai, matlamat, dan objektif dalam pernyataan dalam wawasan atau misi sekolah dijadikan dasar kepada amalan harian sekolah khususnya untuk mencapai kecemerlangan dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Matlamat sekolah dijelmakan daripada pernyataan visi/wawasan yang merupakan gambaran atau pandangan melalui mata minda tentang masa hadapan (Covey, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.15.7 Mengurus Program Instruksional

Domain ini merujuk kepada peranan pemimpin instruksional dalam mengurus pengajaran dan menyelaras kurikulum sekolah. Menurut Kamarudin Hj.Kachar (1989) guru besar perlu berhubung rapat dengan guru-guru dalam dua aspek lain yang berkaitan, iaitu menyelaras kurikulum dan memantau kemajuan pelajar. Berdasarkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kurikulum dan pengajaran, guru besar sebagai pemimpin instruksional memastikan pelajar-pelajar menerima pengajaran sebagaimana yang digariskan oleh pihak Kementerian Pelajaran.

### 1.15.8 Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran

Penyeliaan merupakan tanggungjawab pihak guru besar seperti mana yang dinyatakan dalam Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987, iaitu menjadikan penyeliaan/pemantauan sebagai sebahagian tugas harian bagi memastikan pengajaran guru berada dalam keadaan yang baik dan mempunyai standard dan kualiti yang tinggi. Penyeliaan dan pemantauan seharusnya bukan dilakukan oleh guru besar atau guru-guru kanan sahaja malah boleh dilakukan juga oleh rakan sejawat.

### 1.15.9 Menyelaras Kurikulum

Menurut Hallinger dan Murphy (1987), elemen ini memastikan guru besar atau pengetua harus mempunyai peranan yang aktif dalam menyelaras kandungan dan aktiviti kurikulum, namun dalam aspek pelaksanaan kurikulum tersebut di bilik darjah, guru-guru perlu diberi pengupayaan (*empowerment*) dan kelenturan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(*flexibility*). Malah, guru besar yang kerap membuat lawatan ke kelas-kelas mampu untuk membuat pemantauan secara berkala terhadap kemajuan pelajar.

### 1.15.10 Memantau Kemajuan Pelajar

Elemen memantau kemajuan pelajar adalah merupakan kawalan berterusan bagi memastikan mutu dan suasana pengajaran dan pembelajaran sentiasa pada tahap yang berkualiti.Tumpuan utama diberi kepada pengurusan kurikulum khusus kepada pencerapan dalam bilik darjah. De Boise (1984) menyatakan "*Management by walking around*" dapat memastikan kemajuan pelajar berjalan dengan lancer dan berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.15.11 Iklim Pembelajaran Positif

Pemimpin instruksional memberi penekanan kepada iklim pembelajaran positif untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang unggul dan kondusif. Elemen ini member kesan dan pengaruh positif kepada keseimbangan pertumbuhan jasmani, rohani, interlek dan emosi pelajar. Ciri khas bagi suasana pembelajaran yang ideal akan wujud dalam atmosfera yang tertib dan suasana persekitaran pembelajaran yang menarik, Mortimore (1995).

### 1.15.12 Melindungi Waktu Pengajaran Dan Pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Elemen ini merujuk kepada penekanan ke atas aspek kawalan terhadap waktu pengajaran daripada gangguan luaran, di samping menggalakkan penggunaan waktu pengajaran yang berkesan di bilik darjah (Hallinger dan Murphy (1987).

### 1.15.13 Guru Besar

Guru Besar merupakan pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik dan dipertanggungjawabkan mengetuai mengurus dan mentadbir sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan di bawah kendalian Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam kajian ini, guru besar yang dilibatkan adalah guru besar yang berkhidmat sekurang-kurangnya dua tahun di tempat beliau berkhidmat sekarang kerana tempoh dua tahun adalah memadai bagi seseorang itu membuat kesimpulan tentang ciri-ciri sekolah yang dianggotainya (Sala, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.15.14 Guru

Dalam kajian ini, guru merujuk kepada Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Penolong Kanan Ko-kurikulum, Ketua Panitia dan Guru-Guru Akademik biasa. Bidang tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka ialah mengajar dan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan akademik dan bukan akademik di sekolah.

### 1.15.15 Prestasi Kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Prestasi kerja dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada istilah *performance* dalam bahasa Inggeris, yang bermaksud pekerjaan, perbuatan. Dalam maksud lebih luas, kata-kata *performance* selalu digunakan dalam kata-kata seperti *job performance* atau *work performance* yang bermakna hasil kerja atau prestasi. Pada umumnya para ahli pengurusan memberi pengertian prestasi sebagai prestasi kerja dan produktiviti kerja. Nachbagauer & Riedl (2002) mengemukakan prestasi adalah prestasi kerja yang dapat ditunjukkan oleh seorang pekerja atau pegawai sebagai hasil kerja yang dapat dicapainya dalam tempoh waktu tertentu dalam melakukan pekerjaan yang dibebankan kepadanya, berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kesungguhan.

## 1.16 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan di dua ratus (200) buah sekolah kebangsaan di Sarawak. Seramai dua ratus (200) orang guru besar yang dikenal pasti sebagai bahan kajian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbandingan tahap efikasi kendiri dan kepemimpinan instruksional dalam kalangan guru besar mempengaruhi prestasi kerja di sekolah kebangsaan di Sarawak. Maka, dapatan daripada kajian ini tidak menggambarkan secara keseluruhan tahap efikasi kendiri dan kepemimpinan instruksional guru besar di sekolah kebangsaan negeri lain di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

## 2.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Perkembangan teori kognitif sosial dan kepimpinan yang sentiasa mendapat perhatian para sarjana dan cendekiawan menunjukkan betapa pentingnya seseorang pemimpin terhadap organisasinya (Sergiovanni, 2001; Nor Azni Abdul Aziz, Foo Say Fooi, Soaib Asimiran & Aminuddin Hassan, 2015; Hussein Mahmood, 2016; Chen, 2017). Secara ringkasnya, teori kepimpinan telah berkembang sejak seabad yang lalu dengan kemunculan beberapa teori, antaranya Teori Kognitif Sosial, Teori Tekanan Akademik, Teori Prestasi, Teori Sifat, Teori Tingkah Laku, Teori hubungan Tingkah Laku dan seterusnya Teori Interaksi (Bass & Stogdill, 1990; Harris et al. 2003; Rivai & Basri, 2005: Murphy, 1984; Glasman, 1986; Leithwood dan Montgomery, 1986; Ubben & Hughes, 1997). Teori-teori tersebut dikaji, dipelajari, dan semakin berkembang dengan kewujudan beberapa gaya kepimpinan yang berkaitan dengan efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional, kepimpinan moral dan prestasi kerja. Bagaimanapun kebanyakan teori dan model kepimpinan kognitif sosial tersebut


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dikaji, diuji, disesuaikan, dan diamalkan di sektor korporat. Namun, tiada satu teori yang baik dan menyeluruh yang boleh diaplikasikan kepada organisasi sekolah. Lantaran itu, dalam konteks sekolah di Malaysia, apakah teori kepimpinan pendidikan dan teori kognitif sosial yang sesuai diamalkan?

## 2.2 Teori Kognitif Sosial

Teori Kognitif Sosial yang dipelopori oleh Bandura (1986) memberi satu konsep 'penentuan bersalingan' (*reciprocal determinism*). Teori ini mengandaikan bahawa cara manusia berfungsi dalam kehidupannya dipengaruhi oleh tiga elemen yang membentuk segi tiga iaitu: (a) faktor personal yang meliputi kognitif, perasaan dan unsur biologi, (b) tingkah laku individu dan (c) pengaruh persekitaran yang membentuk interaksi (Rajah 2.1). Bandura menekankan bahawa kognitif berperanan penting untuk menentukan efikasi kendiri, aturan kendiri, informasi dan membentuk tingkah laku individu (Pajeras, 2002




*Rajah 2.1.* Teori Kognitif Sosial. Sumber: Pajeras, 2002

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Efikasi kendiri merupakan satu pengukuran yang digunakan sebagai satu ukuran terhadap pengawalan ke atas persekitaran. Penilaian terhadap efikasi kendiri lebih kepada tugasan, dan situasi tertentu (Pajeras, 1997). Kebanyakan individu yang tidak mempunyai efikasi kendiri agak keliru dengan penilaian terhadap tingkah laku yang mereka akan hasilkan. Pendapat ini disokong oleh Ahn, Bong & Kim, 2016 ; Al-Dhamit & Kreishan, 2016 ; Han, Farruggia & Moss, 2017 ; Rebetz, Rochat, Barsics & Van Der Linden, 2018 bahawa efikasi kendiri dapat membantu seseorang dalam menentukan hasil dan jangkaan keyakinan seseorang dalam kemahiran sosial dan kemahiran tugas. Keyakinan yang dimiliki dapat menjangkakan pencapaian yang tinggi serta dapat menjangkakan kualiti yang baik dalam kerjaya mereka pada masa akan datang. Seseorang yang kurang yakin atau ragu-ragu dengan kebolehpercayaan mereka selalunya memperolehi pencapaian rendah dalam pencapaian tugas dan tidak diterima oleh masyarakat (Pajeras, 2002). Menurut Pajeras (2002), adakalanya efikasi kendiri dan nilai jangkaan seseorang tidak konsisten. Efikasi kendiri yang tinggi tidak dapat menjangkakan tingkah laku yang konsisten dengan kepercayaan jika individu percaya bahawa hasil tingkah laku tersebut memberi kesan yang tidak diingini.

## 2.3 Sumber-Sumber Efikasi Kendiri

Bandura (1986, 1997) mengenal pasti empat sumber efikasi kendiri. Efikasi kendiri berbeza mengikut pengalaman yang lalu, pengalaman yg mewakili, pujukan sosial, dan kesan emosi fisiologi (Goddard, Hoy & Woolfolk, 2000). Pengalaman lalu termasuklah pengalaman dalam kejayaan dan kegagalan seseorang individu. Pengalaman lalu mempengaruhi sifat timbal balik untuk mengukuhkan atau melemahkan persepsi efikasi kendiri. Pengalaman penguasaan atau *mastery*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*experience* (Tschannen-Moran, Hoy & Hoy, 1998), atau tugas-tugas yang lebih mudah dikuasai, mengukuhkan efikasi kendiri. Oleh itu, akses kepada kejayaan adalah penting dalam meningkatkan tahap efikasi kendiri. Jika guru telah berjaya dalam bidang tertentu pada masa lalu, mereka mungkin percaya bahawa mereka akan berjaya dalam bidang yang sama pada masa akan datang. Bandura (1986, 1997), meramalkan bahawa pengalaman penguasaan merupakan sumber yang kuat untuk meningkatkan efikasi. Bagi kepimpinan instruksional guru besar, pengalaman lalu berasal dari kepimpinan sebenar yang boleh berkongsi peluang dengan guru-guru lain. Sumber efikasi boleh datang dari pengalaman penguasaan kerana mereka membawa komuniti pembelajaran profesional atau mentor guru baru (Curtis 2013; Henson, 2001). Kepimpinan instruksional guru besar juga boleh menarik apabila hasil kepimpinan berjaya dirujuk dan sebagai sumber efikasi. Kepercayaan seseorang guru besar memimpin sekolah dengan cemerlang boleh memberi motivasi yang tinggi kepada rakan-rakan guru besar yang lain (Curtis, 2013; Phan, 2014; Ahn, Bong, & Kim, 2016; Al-Dhamit, & Kreishan, 2016; Han, Farruggia, & Moss, 2017; Rebetz, Rochat, Barsics, & Van Der Linden, 2018).

## 2.4 Jangkaan Efikasi Kendiri

Menurut Bandura (1977), jangkaan efikasi adalah keyakinan individu melaksanakan tugasan atau tingkah laku yang diingini untuk mendapatkan hasil yang diharapkan. Keyakinan individu terhadap pelaksanaan tugasan atau tingkah lakunya ditentukan berdasarkan kebolehannya menghadapi situasi-situasi yang sukar. Individu takut atau mengelak daripada kesusahan kerana dia tidak yakin dan tidak percaya dengan kebolehan dirinya untuk berhadapan dengan situasi berkenaan. Walau bagaimanapun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


individu yang yakin dan percaya dengan kebolehan dirinya berjaya mengatasi segala kesukaran dalam kehidupannya.

Jangkaan efikasi kendiri dapat menentukan setakat mana usaha seseorang dan selama mana individu berkenaan dapat bertahan untuk menghadapi segala halangan dan kesusahan dalam kehidupannya. Di bawah teori kognitif sosial, jangkaan efikasi adalah kesan daripada empat sumber maklumat yang berinteraksi dengan manusia secara semula jadi. Empat sumber tersebut ialah pembelajaran/pengalaman vikarius, pencapaian persembahan individu, pemujukan secara lisan dan kebangkitan emosi dan fisiologi/keadaan psikologi (Bandura, 1977). Ini dapat dihuraikan seperti berikut: (a) Pembelajaran / Pengalaman Vikarius (*Vicarious Learning*): Pemerhatian terhadap kegagalan atau kejayaan seseorang individu lain akan mempengaruhi efikasi kendiri individu. (b) Pencapaian Persembahan Individu (*Performance Accomplishment*): Bergantung kepada kejadian yang pernah dialami. Efikasi kendiri individu akan meningkat sekiranya pada masa lalu, individu sering mencapai kejayaan. (c) Pemujukan Secara Lisan (*Verbal Persuasion*): Rasa efikasi kendiri akan meningkat sekiranya seseorang yang dihormati menyatakan dengan penuh yakin bahawa anda seorang yang dapat mengendalikan situasi dengan sebaik-baiknya dan dengan jayanya.(d) Kebangkitan Emosi Dan Fisiologi/ Keadaan Psikologi (*Emotional/Physiological Arousal*): Tahap kebangkitan emosi yang tinggi akan menyebabkan individu berasa bimbang dan tertekan. Ini seterusnya akan menyebabkan individu tersebut mempunyai tahap efikasi yang rendah.

Interaksi sumber-sumber efikasi kendiri ini seterusnya akan mempengaruhi efikasi kendiri individu serta tindakan yang akan diambil oleh individu tersebut. Hubungan keempat-empat sumber tersebut digambarkan dalam Rajah 2.2. Secara


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keseluruhannya, sumber-sumber efikasi dapat membantu individu mengatasi halangan dan bertindak dengan sewajarnya bagi meningkatkan efikasi kendiri. Menurut Bandura (1997), kebimbangan mempunyai kesan bersama terhadap efikasi kendiri. Apabila kepercayaan terhadap diri meningkat, maka tahap kebimbangan akan menurun dan begitulah sebaliknya.

Pada asalnya, teori ini digunakan oleh Bandura dan rakan-rakanya untuk merawat beberapa masalah klinikal seperti phobia, tingkah laku, merokok dan tingkah laku asertif. Konsep ini kemudiannya telah diperluas kepada domain sikap terhadap kerjaya. Hasilnya didapati bahawa konsep ini mempunyai banyak kegunaan dalam mengkaji sikap terhadap kerjaya (Betz, 2000) termasuklah kerjaya sebagai guru besar atau pengetua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 2.2*. Hubungan Sumber-Sumber Efikasi Kendiri Dengan Tindakan Yang Akan Diambil. Sumber: Betz, 2000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengalaman *vicarious* atau pengalaman yang mewakili, dikenali sebagai kejayaan yang dialami melalui pemerhatian orang lain dan tahap pengaruh efikasi pemimpin sekolah (Bandura, 1997). Selepas memerhatikan model yang sama, individu membuat pertimbangan mengenai keupayaan mereka sendiri untuk mencapai prestasi yang ditetapkan. Pengalaman *vicarious* mempunyai impak yang lebih besar jika pemerhatian individu boleh dikaitkan dengan model. Tschannen-Moran et al. (1998) mendapati bahawa, kesan daripada model kepercayaan prestasi pemerhati bergantung kepada sejauh mana darjah pemerhati mengenal pasti model. Pengalaman *vicarious* pemimpin guru besar diperolehi melalui pemerhatian persembahan pembangunan professional, bengkel dan mesyuarat organisasi. Pentadbiran dan sokongan fakulti juga menjadi sumber efikasi penting dalam model kejayaan guru besar (Curtis, 2013). Peluang untuk menyelia guru besar, pengetua, ketua-ketua jabatan, atau pemimpin pasukan untuk menangani kebimbangan di sekolah perlu merujuk kepada pengalaman yang dilalui (Muijs & Harris, 2006; Ahn, Bong, & Kim, 2016). Pembelajaran *Vicarous* berlaku apabila pemimpin sekolah mempunyai peluang untuk bekerjasama dan membuat refleksi bersama.

Pujukan sosial adalah sumber efikasi yang diperolehi daripada maklum balas daripada orang lain. Ia adalah satu bentuk sokongan interpersonal. Kedua-dua maklum balas secara lisan dan bukan lisan kukuh atau lemah disebabkan kepercayaan efikasi (Bandura, 1997). Kredibiliti pemujuk adalah faktor penting. Jika terdapat sedikit kredibiliti dalam individu, efikasi kendiri individu mungkin kurang terjejas oleh teknik pujukan social. Peluang pendidikan, sokongan pentadbiran, dan ucapan motivasi daripada pentadbir, rakan sekerja, dan profesional pendidikan lain sebagai contoh sumber untuk mengukuhkan atau melemahkan efikasi. Kesedaran terhadap harapan yang tinggi, atau kekurangan jangkaan, juga boleh mengukuhkan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


melemahkan efikasi kendiri melalui pujukan sosial. Maklum balas pentadbir memberi penilaian yang formal adalah contoh jenis maklum balas yang boleh menjejaskan efikasi. Pujukan sosial juga boleh wujud daripada kerjasama berikutan penguasaan pengalaman. Pemahaman tentang punca-punca kesan kepercayaan efikasi pemimpin sekolah boleh memberi panduan dalam mewujudkan latihan ideal dan ketetapan untuk pemimpin sekolah yang berjaya (Pajares, 1997; Guccione, 2014; Taylor, Jungert, Mageau, Schattke, Dedic, Rosenfield, & Koestner, 2014).

Kesan emosi atau keadaan fisiologi, memberikan isyarat yang boleh memberi kesan kepada tubuh manusia dan efikasi (Bandura, 1997). Tekanan, kebimbangan, dan keupayaan untuk bertolak ansur dengan perubahan adalah contoh bidang afektif yang menaikkan atau menurunkan efikasi. Jumlah kawalan dimiliki oleh seseorang individu semasa menghadapi tekanan perubahan menyumbang kepada kesan emosi yang membentuk efikasi. Guru besar yang boleh menjangka masalah dan mengawal emosi dan tindak balas mereka kepada masalah *percieve* perubahan secara positif kurang cenderung untuk mengalami efikasi yang lebih rendah. Bandura (1991) menyatakan bahawa pengetahuan diri menyediakan hala tuju untuk mengawal selia kendiri. Pengalaman lepas juga boleh memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keadaan emosi. Sumber efikasi sentiasa bertindak dengan timbal balik alam semula jadi untuk mengukuhkan kepercayaan efikasi yang positif atau negatif.

Mengenal pasti sumber efikasi kendiri telah menyumbang maklumat penting dalam pengajaran profesion dan teori kognitif sosial. Pergantungan konteks efikasi kendiri menunjukkan bahawa sumber-sumber efikasi diterokai berhubung dengan kepimpinan guru besar. Maklumat khusus tentang kepimpinan sekolah berpotensi membantu dalam menentukan tanggungjawab kepimpinan guru besar dengan cara-


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


cara memaksimumkan kapasiti kepakaran kepimpinan. Parjaras (1997) mencadangkan bahawa penyelidik perlu mengkaji bagaimana maklumat daripada sumber-sumber yang berbeza bersepadu dalam pembentukan penghakiman efikasi. Pembelajaran yang optimum dan pengajaran persekitaran boleh dianalisis di seluruh sumber efikasi kepimpinan untuk melatih bukan sahaja pemimpin masa depan tetapi mengekalkan dan menyokong kepimpinan instruksional guru besar.

## 2.5 Efikasi Kendiri Guru Besar

Konsep kecekapan dalam kepemimpinan instruksional ini telah digunakan untuk mengkaji efikasi kendiri guru besar. Adaptasi daripada konsep kecekapan dalam kepemimpinan pelajaran ini, kajian efikasi kendiri guru besar telah difokuskan kepada tiga faktor efikasi iaitu efikasi pengurusan kerja, efikasi kepemimpinan instruksional dan efikasi kepemimpinan moral (Bandura, 1997). Efikasi ini diterangkan seperti dalam Rajah 2.3.




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 2.3*. Bandura, 1997. Efikasi Kendiri Guru Besar

Dalam usaha melakukan transformasi pendidikan pada masa kini pemimpin sekolah telah diberikan tahap tanggungjawab yang membebankan untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Curtis, 2013). Peranan pemimpin sekolah telah berubah daripada seorang guru sehingga menjadi pemimpin pengajaran. Walaupun pemimpin sekolah telah berjaya dalam memimpin sesebuah sekolah namun amalan mengenal pasti dan memanfaatkan bakat di sekolah-sekolah telah jarang digunakan (Curtis, 2013). Menjelang abad ke-21, banyak sekolah dan daerah berhadapan dengan perubahan yang drastik untuk mengkaji peluang kepimpinan guru (Johnson & Donaldson, 2007). Peluang-peluang ini amat diperlukan bagi membantu guru besar dalam merialisasikan visi sekolah di samping mewujudkan ruang baru untuk kemajuan guru. Dengan hampir separuh daripada semua guru yang berpengalaman dalam profesion keguruan pada 5 tahun pertama adalah penting untuk mengkaji konstruk yang menggalakkan kelestarian guru dan kejayaan yang berkaitan dengan pencapaian pelajar (Johnson & Donaldson, 2007; DuFour, & Mattos, 2013; Niqab, Sharma, Wei, & Maulod, 2014; Nor Azni Abdul Aziz, Foo Say Fooi, Soaib Asimiran & Aminuddin Hassan, 2015; Hussein Mahmood, 2016).

Pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar merupakan konstruk penting sebagai model kepimpinan bersama dalam penyelidikan pendidikan sebagai permintaan pentadbir sekolah telah meningkat dengan pelbagai langkah akauntabiliti (Defour & Eaker, 1998; Fullan, 2008). Efikasi kendiri guru besar adalah berkait rapat dengan ramalan pencapaian akademik pelajar (Sanders & Horn, 1998; Stronge, 2010). Ini penting untuk membina keupayaan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk tahap efikasi yang lebih tinggi. Sebagai ujian penting yang tinggi dan trend pendidikan yang didorong oleh data terus berkembang di Amerika Syarikat, maklumat yang berkaitan dengan alat-alat yang akan meningkatkan kedua-dua pencapaian pelajar dan sekolah menjadi lebih berharga. Kepimpinan instruksional bukan sahaja menyediakan laluan untuk guru meningkatkan keberkesanan tetapi juga menyediakan bantuan kepada guru besar sekolah di bawah tekanan daripada peningkatan permintaan akauntabiliti (Stronge, 2010; Keedy & Finch, 1994). Kepimpinan instruksional guru besar telah muncul menggunakan saluran tidak rasmi semasa melakukan perancangan bersama dan pembelajaran, professional pembelajaran komuniti dan fokus penetapan matlamat (Curtis, 2013**;** Newton, Reveros and Costa, 2013). Penilaian model guru baru yang mengenal pasti keberkesanan guru, bersama-sama dengan permintaan peningkatan pentadbiran, telah menyediakan banyak peluang kepada peranan kepimpinan guru (Riveros et al., 2013). Penyelidikan yang berterusan dalam konstruk tertentu dan tabiat yang membawa kepada pemimpin instruksional berjaya dan berkesan akan membantu dalam memformalkan peranan kepimpinan guru. Kebanyakan guru besar berkesan membina kapasiti di sekolah-sekolah melalui peranan kepimpinan formal (Bandura, 1986).

Efikasi atau kepercayaan kepada keupayaan untuk melaksanakan tugas-tugas dengan jayanya, merupakan kolarasi yang positif terhadap efikasi kendiri guru besar dan pencapaian pelajar (Bandura, 1997). Tumpuan kajian efikasi kendiri guru besar adalah sebahagian besarnya berfokus kepada kualitatif dan dinamik, ciri-ciri, dan keadaan sekitar pemimpin sekolah yang berjaya (York-Barr & Duke, 2004). Para pemimpin sekolah sering muncul melalui kumpulan dinamik tidak rasmi di sekolah (Riveros, Newton, & Costa, 2013). Para pemimpin sekolah sering mempamerkan ciri-ciri yang serupa dengan yang terdapat dalam kalangan guru besar dengan efikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kendiri yang tinggi. Dengan penilaian baru kaedah dikaitkan dengan piawaian teras biasa negeri dan langkah-langkah berasaskan hasil, kaedah yang lebih jelas kemunculan keberkesanan guru dapat dibezakan (Curtis, 2013). Sekolah-sekolah boleh mendapat manfaat dengan menggunakan kaedah penilaian baru untuk mengenal pasti kepimpinan guru besar. Membina kapasiti pemimpin sekolah dengan tahap efikasi yang efektif boleh memberi kesan positif ke atas pencapaian pelajar. Implikasi memperkasakan guru besar melalui strategi yang paling mujarab berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan kepimpinan secara kolektif dan akhirnya boleh membawa kepada pencapaian pelajar (Curtis, 2013; Mohd Yusri Ibrahim & Aziz Amin, 2014; Sufean Hussin, 2014b).

Kepimpinan sekolah yang berkesan mempunyai kesan positif ke atas pencapaian pelajar (Leithwood, Louis, Anderson, & Wahlstrom, 2004; Marzano et al. 2005; Supian Hashim dan Khadijah Daud, 2014; Nor Azni Abdul Aziz, Foo Say Fooi, Soaib Asimiran & Aminuddin Hassan, 2015). Kajian kepimpinan sekolah memberi tumpuan terutamanya kepada keberkesanan utama, dan terdapat kurang memberi tumpuan kepada guru sebagai pemimpin sekolah (Johnson & Donaldson, 2007). Guru besar yang berefikasi tinggi berjaya meningkatkan jangkaan untuk guru-guru dan pelajar (Tschannen-Moran & Gareis, 2004). Guru Besar berefikasi tinggi juga telah dikaitkan dengan jangkaan peningkatan amalan seluruh sekolah yang menggalakkan pencapaian pelajar (Bandura, 1977; Tschannen-Moran & Gareis, 2004). Efikasi guru besar mempunyai hubungan yang lebih kukuh untuk pencapaian pelajar daripada status sosioekonomi (Hoy, Tarter, & Hoy 2006). Efikasi kendiri merujuk kepada kepercayaan dalam keupayaan untuk melaksanakan tindakan kursus yang diperlukan untuk mencapai matlamat yang diingini (Bandura, 1999). Konstruk ini mempunyai korelasi yang kuat dengan pencapaian pelajar (Henson, Bennett,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sienty & Chambers, 2000; Goddard, Hoy, & Hoy, 2000; Pajares, 2002; Kuo, Walker, Schroder, & Belland, 2014 ; Phan, 2014). Pemerhatian dalam kajian telah menunjukkan bahawa peranan guru besar yang berefikasi tinggi menyumbang kepada bidang penyelidikan semasa dan menyediakan ruang untuk kajian akan datang mengenai cara untuk mengukuhkan keberkesanan guru.

Dapatan daripada kajian-kajian lalu telah menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempunyai kaitan dengan kejayaan pemimpin instruksional dan individu (Bandura, 1977; Hoy & Woolfolk, 1993; Turner, Chandler & Heffer, 2009). Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pemimpin instruksional sekolah yang berkesan mempunyai efikasi yang lebih tinggi daripada pemimpin sekolah yang kurang berkesan (DeMoulin, 1993; Dimmock & Hattie, 1996; Nor Azni Abdul Aziz, Foo Say Fooi, Soaib Asimiran & Aminuddin Hassan, 2015; Hussein Mahmood, 2016; Chen, 2017). Menurut (Sazali, Zurida dan Mustapa, 2004; Teng Lung Kiu, 2006; Wan Hamzah, 2006) kepercayaan seseorang terhadap kemampuan melaksanakan sesuatu tugas, merupakan suatu bidang yang penting untuk diterokai pada masa akan datang. Namun begitu ciri peribadi efikasi kendiri kurang diberi perhatian oleh penyelidik-penyelidik (Bandura, 1977), sedangkan beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kejayaan seseorang itu boleh diramalkan dengan efikasi kendiri (Bandura, 1997; Chaudhary, Rangnekar, & Barua, M. K.,2012).

Kajian-kajian terkini juga telah menunjukkan bahawa guru besar mempunyai pengaruh yang sederhana ke atas pencapaian pelajar (Hendriks & Steen, 2012; Leithwood, Harris, & Hopkins, 2008; Robinson, Lloyd, & Rowe, 2008; Witziers, Bosker, & Kruger, 2003; Hallinger & Heck, 2002). Selain itu, sebahagian besar pengaruh guru besar adalah secara tidak langsung memberi penekanan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meningkatkan pengajaran bilik darjah dan pembelajaran murid (Robinson, Lloyd, & Rowe, 2008; Hendriks & Steen, 2012; Hallinger & Heck, 1998; Hussein Mahmood, 2016; Chen, 2017). Pencapaian prestasi murid berlaku melalui tingkah laku, kepercayaan, pengetahuan, amalan dan kompetensi guru-guru mereka (Hendriks & Steen, 2012; Leithwood, Harris, & Hopkins, 2008).Walaupun semakin banyak kajian yang telah dilakukan beberapa tahun kebelakangan ini namun (Muijs, Harris, Lumby, Marrison, & Sood, 2006) telah menyatakan bahawa masih ramai dalam kalangan pengkaji yang ingin membuat kajian mengenai pengaruh guru besar dalam pencapaian prestasi pelajar, bagaimana guru-guru menjadi pengantara pengaruh ini, dan sejauh mana pengaruh amalan kepimpinan guru besar ini berlaku.

Dalam bab ini menjelaskan bahawa amalan kepimpinan pengajaran yang berkesan meningkatkan kepercayaan efikasi guru dan seterusnya boleh meningkatkan pengajaran bilik darjah dan pencapaian prestasi pelajar berdasarkan (1) pengaruh tidak langsung kepimpinan instruksional dalam pencapaian pelajar (Hendriks & Steen, 2012; Hallinger & Heck, 1998), (2) berperanan sebagai proksi untuk sumber kepercayaan efikasi guru (Ross, Hogaboam-Gray, & Gray, 2004; Ebmeier, 2003), dan (3) pengaruh efikasi kendiri ke atas pencapaian pelajar (Moolenaar, Sleegers, & Daly, 2012; Fancera & Bliss 2011; Guo, Piasta, Justice & Kaderavek, 2010; Caprara, Barbaranelli, Steca, & Malone, 2006). Beberapa kajian telah menegaskan bahawa amalan kepimpinan instruksional bukan sahaja secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar melalui keberkesanan efikasi guru tetapi juga menyediakan pengesahan teori kognitif sosial dan sumber kepercayaan efikasi kendiri yang sering tidak hadir dalam kajian (Klassen, Tze, Betts, & Gordon, 2011; Tschannen-Moran & Johnson, 2011; Ghaith & Yaghi, 1997; Pajares, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Efikasi kendiri didapati mempunyai perkaitan dengan keberkesanan latihan (Earley, 1994), kesungguhan dan kecekalan individu, pencapaian prestasi kerja sebenar individu, kehadiran kerja, pemilihan dan pembangunan kerjaya (Barr, 2002). Malah Gawerecki (2003) dalam meta analisis ke atas 114 kajian telah mensintesiskan bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara efikasi kendiri dengan prestasi kerja guru besar. Sungguhpun begitu, kajian tentang pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar berkaitan dengan ciri-ciri sekolah berkesan kurang dilakukan.

## 2.6 Teori, Konsep dan Model Kepimpinan Instruksional

Teori kepemimpinan instruksional yang menjadi rujukan adalah yang dikemukakan oleh ahli teori Murphy *et al.* (1984), Leithwood & Montgomery (1986), dan Glasman (1986). Teori yang dikemukakan oleh Murphy *et al.* (1984) didapati lebih dominan daripada teori yang dikemukakan oleh Leithwood & Montgomery (1986) dan Glasman (1986). Ini adalah kerana menurut Baharom (2004), teori yang dikemukakan oleh Murphy *et al.* (1984) menjelaskan secara terperinci aspek-aspek di peringkat sekolah dan di bilik darjah.

Kepimpinan instruksional merujuk kepada beberapa amalan yang digunakan oleh guru besar untuk meningkatkan pengajaran bilik darjah dan pencapaian pelajar (Supian Hashim dan Khadijah Daud, 2014: Nor Azni, Foo, Soaib & Aminuddin Hassan, 2015: Hallinger, 2005; 2003; Quinn, 2002; Hallinger & Murphy, 1987; Murphy, Hallinger, & Mitman, 1983). Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan konsisten dan kejelasan mengenai amalan-amalan atau klasifikasi mereka (Quinn,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2002; Bamburg & Andrews, 1991). Walaupun beberapa kajian telah dikenalpasti dan diklasifikasikan amalan kepimpinan instruksional (Alig-Mielcarek & Hoy, 2005; Witziers, Bosker, & Kruger, 2003; Southworth, 2002; Blase & Blase, 2000; 1999; Glasman & Fuller, 1992; Bossert, Dwyer, Rowan, & Lee, 1982), amalan dan dimensi yang dikonsepkan oleh Hallinger (2005) adalah yang paling komprehensif dan menepati kehendak kajian (Grissom & Loeb, 2011; Hallinger, 2011a; Goddard, Neumerski, Goddard, Salloum, & Berebitsky, 2010; Hallinger, 2003). Dimensi kepimpinan instruksional terdiri daripada *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) dan merangkumi penentuan misi sekolah, menguruskan program pengajaran, dan menggalakkan iklim pembelajaran positif (Hallinger, 2011a; 2005; 2003; Leitner, 1994; Hallinger & Murphy, 1987; Hallinger & Murphy, 1985).

Kajian ini memberi tumpuan kepada amalan-amalan yang sesuai dengan dimensi PIMRS kerana komprehensif, kekerapan dalam pendidikan kesusasteraan pentadbiran, dan digunakan dalam kajian sastera yang mutakhir (Hallinger, 2011a; Robinson, Lloyd, & Rowe, 2008; Witziers, Bosker, & Kruger, 2003). Selain itu, banyak amalan kepimpinan instruksional yang sesuai dengan dimensi PIMRS contohnya, merangka dan menyampaikan matlamat, menggalakkan pembangunan profesional, dan mengekalkan penglihatan. Ini merupakan kajian yang komprehensif dan menyeluruh kepimpinan instruksional contohnya, kepimpinan untuk pembelajaran, kepimpinan instruksional (Hallinger, 2011b; Goddard, Neumerski, Goddard, Salloum, & Berebitsky, 2010; Murphy, Elliott, Goldring, & Porter, 2007; Hallinger, 2003; Marks & Printy, 2003).

Dalam kajian DuFour, & Mattos (2013) menyatakan pemimpin sekolah yang berkesan merupakan pemimpin pengajaran dan bukan bertugas sebagai pentadbir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sahaja. Hasil-hasil kajian tentang sekolah berkesan pada tahun 1980an terutama di Amerika Syarikat mendapati bahawa kepemimpinan instruksional mempunyai kesan yang signifikan terhadap pelaksanaan inovasi pendidikan dan juga pembelajaran pelajar (Branch, Hanushek & Rivkin, 2012; Hallinger, 2005; Rahimah & Zulkifli, 1999). Daripada kajian-kajian tentang sekolah yang pernah mencapai kecemerlangan menunjukkan kepemimpinan pengajaran sekolah yang bersungguh-sungguh dan padu mempunyai pertalian yang signifikan dengan budaya sekolah, semangat guru dan pencapaian akademik pelajar (Sala, 2003; Marks & Printy, 2003). Tambahan pula Sergiovanni (2001) telah menyarankan bahawa kewibawaan dan kemudahan yang ada pada guru besar atau pengetua boleh menjadikan dirinya sebagai pemimpin yang berkesan dalam inovasi pembelajaran. Beliau seterusnya menyatakan sekiranya kecemerlangan sekolah hendak diperolehi, seseorang pemimpin sekolah perlu memainkan peranan kepemimpinan yang cekap. Ini bermaksud prestasi guru besar dalam kepemimpinan pengajaran merupakan penggunaan pengetahuan dan kemahiran yang relevan, yang dimiliki dan di tunjukkan menerusi tingkah laku (Sergiovanni, 1991).

Guru Besar yang berkesan seharusnya mempunyai ciri-ciri kepimpinan instruksional (Hallinger dan Murphy, 1987a). Kepimpinan instruksional merujuk kepada peranan pengetua/guru besar di mana beliau berupaya mengeksploitasi usaha-usaha dan kebolehan guru-guru di bawah kawalannya di samping menyedia dan melaksana untuk menghasilkan keberkesanan program-program instruksional di sekolah (Hallinger, 2005, Hussien, 1993). Kerangka konsep kepimpinan instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1987) adalah panduan kepada kajian ini. Konsep ini mengetengahkan tiga dimensi atau domain, iaitu seseorang guru besar seharusnya berupaya (a) mendefinisikan misi atau matlamat sekolah, (b) mengurus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


program instruksional, dan (c) mempromosikan iklim pembelajaran sekolah. Di dalam domain mendefinisi misi sekolah menurut Hallinger dan Murphy (1987) ia mengandungi elemen merangka dan menyampaikan matlamat sekolah. Manakala dimensi kedua pula, mengurus kurikulum dan pengajaran melibatkan elemen penyeliaan pengajaran, menyelaras kurikulum, dan memantau kemajuan pelajar. Bagi domain ketiga, iaitu mewujudkan iklim pembelajaran positif yang mengandungi amalan kepimpinan instruksional dalam melindungi waktu pengajaran dan pembelajaran, membudayakan perkembangan professional staf, mengekalkan ketampakan, menyediakan ganjaran kepada guru, penguatkuasaan standard akademik, dan menyediakan insentif kepada pelajar.


## 2.7 Teori Tekanan Akademik Murphy et al. (1984)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori yang digunakan oleh Murphy *et al*. (1984) dikenali sebagai Konsep Tekanan Akademik. Mengikut teori ini, dasar dan amalan sekolah yang dilaksanakan oleh guru besar mempengaruhi tingkah laku guru dan pelajar agar serasi dengan matlamat sekolah. Jangkaan tinggi dalam pencapaian akademik pelajar dapat dihubungkan melalui dasar dan amalan guru besar pada kedua-dua peringkat iaitu di peringkat sekolah dan peringkat bilik darjah. Teori Tekanan Akademik Murphy *et al.* (1984) digambarkan melalui Rajah 2.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*Rajah 2.4.* Teori Tekanan Akademik. Sumber: Murphy *et al,* 1984

Di peringkat sekolah, dasar sekolah yang boleh memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar adalah yang berkaitan dengan fungsi sekolah dan strukturnya. Ini termasuk tujuan atau matlamat sekolah, dasar pengelompokan pelajar mengikut kebolehan, dasar bagi menjaga dan melindungi masa pengajaran daripada gangguan dan dasar mengenai persekitaran yang teratur dan tenteram di sekolah serta dasar-dasar mengenai kemajuan pelajar. Ini termasuklah dasar-dasar mengenai kerja rumah, pengesanan kemajuan pelajar dan penggredan, pemulihan serta laporan kemajuan pelajar.


Pada peringkat bilik darjah, guru dapat mewujudkan tekanan akademik ini dengan lima cara iaitu: (i) mewujudkan iklim yang menuntut pencapaian akademik bagi setiap pelajar, (ii) menentukan kejayaan akademik pelajar, (iii) mengurus kelas secara teratur dan berkesan, (iv) cara guru melaksanakan amalan pengajaran yang dapat memajukan kejayaan, dan (v) menyediakan peluang bagi pelajar mengamalkan tanggungjawab dan kepemimpinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.8 Teori Hubungan Tingkah Laku Guru Besar Dengan Pembelajaran Pelajar Leithwood Dan Montgomery (1986).

Teori ini menekankan tingkah laku yang ditunjukkan oleh guru besar dalam hubungannya dengan pengurusan sekolah. Mengikut teori ini, terdapat dua jenis strategi yang biasa dilakukan oleh guru besar iaitu strategi umum dan strategi khusus. Teori Hubungan Tingkah laku guru besar dengan Pembelajaran Pelajar oleh Leithwood dan Montgomery (1986) digambarkan melalui Rajah 2.5.




*Rajah 2.5.* Teori Hubungan Tingkah laku Guru Besar dengan Pembelajaran Pelajar

Sumber: Leithwood dan Montgomery, 1986

Strategi umum termasuklah tingkah laku guru besar yang berkaitan dengan kaki tangan, kepimpinannya, komunikasi dalam sekolah, komunikasi antara sekolah dan komuniti, dan penyelesaian hal-hal rutin. Strategi khusus pula adalah yang berkaitan dengan program. Ini termasuklah aspek-aspek matlamat sekolah, matlamat program pelaksanaan dan kawalan program, penyeliaan dan penilaian kakitangan, penyediaan sumber sokongan dan hubungan secara langsung dengan pelajar. Kedua-dua strategi ini merupakan dimensi yang boleh dikaji untuk melihat keberkesanan sekolah. Leithwood dan Montgomery (1986) menggunakan dimensi ini untuk melihat


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


keberkesanan guru besar dalam kajian mereka. Mereka mendapati, guru besar yang berkesan dapat memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan kesan negatif terhadap pembelajaran pelajar.

## 2.9 Teori Interaksi Guru Besar Dengan Guru Glasman (1986)

Mengikut teori interaksi guru besar dengan guru Glasman (1986), guru besar boleh mempengaruhi prestasi pelajar melalui interaksi dengan guru. Melalui interaksi ini, mereka berkongsi maklumat mengenai pencapaian pelajar dan menggunakan matlamat tersebut untuk perbincangan seterusnya. Perbincangan guru besar dengan guru bertujuan (i) memperincikan lagi matlamat pendidikan untuk dijadikan sebagai program pendidikan, (ii) menilai program pendidikan yang tertentu, (iii) menilai guru, dan (iv) menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran. Mengikut model ini pencapaian pelajar dijadikan sebagai mekanisme untuk guru besar berinteraksi secara professional dengan guru. Teori Interaksi Guru Besar dengan Guru Glasman (1986) digambarkan melalui Rajah 2.6.




*Rajah 2.6.* Teori Interaksi Guru Besar Dengan Guru. Sumber: Glasman, 1986

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 2.10 Konsep Kepemimpinan Instruksional

Konsep mengenai kepemimpinan instruksional telah dikemukakan oleh beberapa orang tokoh dan pakar dalam bidang kepemimpinan instruksional. Menurut Brown & Sheppard (1996) dalam Baharom (2004), tokoh yang terkemuka dalam bidang ini ialah seperti Hallinger & Murphy (1985), Larsen (1987), Krug (1990), Rutherford (1985), Dwyer (1986), Bivoise (1984), Niece (1989), Bartel (1990), Cotton & Saward (1980), Persell & Cookson (1982) dan Leithwood, Begley & Cousins (1990). Ini ditunjukkan dalam Jadual 2.1

**Jadual 2.1**

Kajian Tentang Kepimpinan Instruksional

| Fungsi Kajian Tingkahlaku | Tokoh-Tokoh Kajian Kepimpinan Instruksional | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Hallinger&Murphy (1985) | Larsen (1987) | Krug (1990) | Rutherford (1995) | Dwyer (1986) | Niece (1989) | Bartel (1990) | Cotton & Savard (1980) | Debevoise (1984) | Leithwood, Begley & Cousins (1990) |
| Penentuan matlamat sekolah | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ |
| Penyebaran matlamat sekolah | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Penyeliaan dan penilaian pengajaran | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Penyelarasan kurikulum | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Penjagaan masa pengajaran | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | ✓ |
| Pemberian insentif untuk guru | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ |
| Sokongan dalam aktiviti p&p | ✓ | | | | | | | | | |
| Pengukuhan usaha guru | ✓ | | | | | | | | | |
| Penggalakan perkembangan profesional | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ |
| Penguatkuasaan Dasar akademik | ✓ | | | | | | | | | |
| Pemberian insentif untuk pembelajaran | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | | | ✓ |
| Berpandangan jauh | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ |
| Pengawasan kemajuan Pelajar | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Berpengetahuan Dalam | | | | | | ✓ | | | | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| pengajaran | | | | | | | | | | |
| Peruntukan & penyusunan Pengajaran | | ✓ | | | ✓ | | | | | ✓ |
| Penjadualan | | | | | ✓ | | | | | |
| Pemupukan model peranan | | | | | ✓ | | | | | ✓ |
| Respon kepada Komuniti | | | | | | | ✓ | | | |
| Respon kepada pelajar | | ✓ | | | | | ✓ | ✓ | | ✓ |

Sumber: Brown & Sheppard (1996)

Daripada Jadual 2.1 di atas maka, dapatlah disimpulkan bahawa huraian fungsi-fungsi Kepemimpinan instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger *et al.* (1987) adalah lebih menyeluruh berbanding dengan tokoh-tokoh lain.

## 2.11 Teori Kepimpinan Instruksional Guru Besar

Dalam kajian ini penyelidik memilih elemen-elemen kepimpinan instruksional guru besar yang telah diutarakan dalam model konsep Hallinger dan Murphy (1987) bagi meninjau keberkesanan tingkah laku kepimpinan instruksional guru besar mempengaruhi komitmen dan kepuasan guru serta perbezaan pencapaian dalam peperiksaan awam.

### 2.11.1 Model Teori Kepimpinan Instruksional

Hasil kajian yang dijalankan di negara barat oleh penyelidik-penyelidik seperti Murphy et al.,(1982), Hallinger dan Murphy (1982), Leithwood (1984), Dwyer, (1984,1986) Cawelti (1987) dan Sharifah & Azizah (1988) beberapa model teori kepimpinan pengajaran guru besar telah dibentuk seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dengan menggunakan model konsep Hallinger dan Murphy (1987), kajian kepimpinan pengajaran guru besar dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu (i) D1 - dimensi pentakrifan misi dan matlamat sekolah, (ii) D2 - dimensi pengurusan program-program pengajaran dan (iii) D3 - dimensi pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga dimensi ini kemudiannya dipecahkan kepada sebelas fungsi iaitu (i) F1 - fungsi merangka matlamat akademik sekolah, (ii) F2 - fungsi memperjelas matlamat sekolah, (iii) F3 - fungsi mencerap dan men ilai pengajaran guru (iv) F4 - fungsi menyelaras kurikulum, (v) F5 - fungsi memantau kemajuan akademik pelajar, (vi) F6 - fungsi mengawal dan melindungi waktu pengajaran, (vii) F7 - fungsi memberi sokongan dalam aktiviti pengajaran/ketampakan, (viii) F8 - fungsi memberi insentif terhadap usaha guru, (ix) F9 - fungsi membudayakan perkembangan staf, (x) F10 - fungsi menetap dan menguatkuasakan dasar atau standard akademik dan (xi) F11 - fungsi menyediakan ganjaran untuk pelajar.

### 2.11.2 Model Kepemimpinan Instruksional

Tinjauan kajian-kajian yang lepas menunjukkan terdapat beberapa model kepemimpinan instruksional yang telah dihasilkan. Model-model tersebut dihasilkan oleh tokoh-tokoh seperti Ferguson (1981), Hallinger & Murphy (1987), Hanny (1987), Cawelti (1987) dan Sharifah & Azizah (1988). Model-model kajian tersebut ditunjukkan pada Jadual 2.2.

Menurut Baharom (2004), walaupun model-model ini kelihatan tidak sama, namun hanya terdapat sedikit perbezaan terhadap fungsi asas yang perlu dilakukan oleh seseorang guru besar untuk menjalankan pemimpin instruksional. Model yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dihasilkan oleh Hallinger dan Murphy (1987) adalah paling lengkap, berbanding dengan model yang dikemukakan Ferguson (1981), Hanny (1987), Cawelti (1987) dan Sharifah & Azizah (1988). Model Kepemimpinan Instruksional Hallinger & Murphy (1987) akan dijadikan sebagai model utama kajian ini. Model ini akan digunakan dalam mengkaji tahap kepemimpinan instruksional guru besar dan melihat hubungannya dengan efikasi kendiri guru besar serta kesannya terhadap prestasi kerja mereka.

**Jadual 2.2**

*Model-Model Kepimpinan Instruksional.*

| Penyelidik | Fungsi-Fungsi Kepemimpinan Instruksional |
|---|---|
| Hallinger dan Murphy (1987) | • Penentuan matlamat sekolah<br>• Penyebaran matlamat sekolah<br>• Penyeliaan dan penilaian pengajaran<br>• Penyelarasan kurikulum<br>• Pengawasan kemajuan pelajar<br>• Penjagaan waktu pengajaran<br>• Sokongan dalam aktiviti pengajaran<br>• Pengukuhan usaha guru<br>• Penggalakan perkembangan professional<br>• Penguatkuasaan dasar akademik pelajar<br>• Pemberian intensif untuk pembelajaran |
| Hanny (1987) | • Mengetahui perkembangan kurikulum<br>• Mengetahui keberkesanan kurikulum<br>• Mengetahui penyeliaan klinikal<br>• Mengetahui perkembangan kakitangan<br>• Mengetahui penilaian guru |
| Ferguson(1981) | • Perkembangan kurikulum<br>• Pelaksanaan kurikulum<br>• Organisasi untuk peningkatan pengajaran<br>• Perwujudan iklim positif untuk pengajaran dan pembelajaran. |
| Sharifah dan Azizah (1988) | • Memudahkan berlakunya perubahan<br>• Membantu guru berkembang dari profesional<br>• Menyelia pengajaran dalam bilik darjah |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| | • Memerhati pengajaran guru |
| Cawelti (1987) | • Perkembangan kurikulum; penyeliaan klinikal<br>• Perkembangan kakitangan; dan penilaian guru |

Sumber: Baharom (2004)

### 2.11.3 Kerangka Kepimpinan Instruksional: Dimensi Dan Fungsi

Hallinger dan Murphy (1987) telah mengemukakan kerangka kepimpinan instruksional menegaskan bahawa terdapat tiga dimensi kepimpinan instruksional, iaitu mendefinisikan misi sekolah, mengurus kurikulum dan pengajaran, dan mempromosikan iklim pembelajaran sekolah. Ketiga-tiga dimensi tersebut ditunjuk dalam Jadual 2.3. Setiap dimensi mengandungi beberapa pengkhususan fungsi tugasan yang seterusnya melibatkan kepelbagaian tingkah laku dan amalan guru besar.

**Jadual 2.3**

*Kerangka Kepimpinan Instruksional (Hallinger dan Murphy 1987)*

| **Dimensi** | **Fungsi** |
|---|---|
| Mendefinisikan misi sekolah | 1. Merangka Matlamat Sekolah |
| | 2. Menyampaikan Matlamat Sekolah |
| Mengurus kurikulum dan pengajaran | 3. Penyeliaan dan Penilaian Instruksi |
| | 4. Menyelaras Kurikulum |
| | 5. Memantau Kemajuan Pelajar |
| Mempromosikan iklim pembelajaran sekolah | 6. Melindungi Waktu P & P |
| | 7. Membudayakan Perkembangan Profesional |
| | 8. Mengekalkan Ketampakan (*Visibility*) |
| | 9. Menyediakan Ganjaran Kepada Guru |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| | 10. Penguatkuasaan Standard Akademik |
| | 11. Menyediakan Insentif Kepada Pelajar |

### 2.11.4 Model Teori Kepimpinan Instruksional Dwyer

Dwyer (1986) melihat tingkah laku kepimpinan instruksional guru besar mempengaruhi secara langsung terhadap organisasi, amalan pengajaran, iklim sekolah dan prestasi pelajar. Model Dwyer ini ditunjukkan dalam Rajah 2.7 di bawah: Model Dwyer telah mengemukakan tingkah laku rutin guru besar seperti menetapkan matlamat sekolah, merancang, menilai prestasi guru dan pelajar, komunikasi, pengesanan, pembahagian sumber dan pengurusannya serta pentadbiran. Secara langsung ia memberi kesan terhadap iklim dan organisasi pengajaran di sekolah.




*Rajah 2.7.* Peranan Guru Besar Dalam Pengurusan Pengajaran

Sumber: Dwyer, DC. (1986), The search of instructional leadership

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.11.5 Hubungan Teori Efikasi Dan Prestasi Kerja

Pada kajian lepas, banyak penyelidikan telah menyumbang dan memperkukuh teori pembelajaran sosial atau teori kognitif sosial yang dipelopori oleh Bandura (1977), antaranya ialah efikasi kendiri. Efikasi kendiri ialah jangkaan seseorang bahawa dia telah bertingkah laku seperti yang diperlukan untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu prestasi kerja (Bandura, 1977). Ia juga diertikan sebagai keyakinan terhadap sesuatu keupayaan untuk menyusun dan melaksanakan kognitif, tingkah laku dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk kejayaan terhadap sesuatu tugas (Bandura, 1986, Zimmerman, 1989).

Teori ini menerangkan bahawa tingkah laku bermotivasi boleh memberi penjelasan terbaik dengan merujuk kepada proses kognitif secara sedar yang membabitkan keupayaan untuk menjangka matlamat dan ganjaran, penggunaan pertimbangan, penilaian dan pembuatan keputusan berbanding dengan kognitif tidak sedar secara biologi atau proses mekanikal. Oleh itu efikasi diri bukanlah tret personaliti atau pembawaan, dan ia bukannya biologikal (Borich & Tombari, 1997).


Efikasi merupakan ciri kompetensi. Efikasi diri boleh diukur berdasarkan pembahagian yang bersifat magnitud, kekuatan dan umum. Menurut Bandura (1977) tingkah laku kita selalunya dikaitkan dengan perasaan sama ada kita boleh membentuk tingkah laku. Secara umum kita memilih untuk melakukan sesuatu yang kita rasa boleh lakukan dengan tekun dalam melakukan aktiviti untuk mendapatkan ganjaran, perasaan kompeten atau efikasi kendiri (Schneider, 1988). Ia merupakan penilaian atau penaksiran yang dilakukan seseorang mengenai kompetensi dirinya untuk mencapai kejayaan dalam tugas tertentu. Oleh itu efikasi kendiri ialah situasi-khusus. (Borich dan Tombari, 1997).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Prestasi kerja juga boleh dikaitkan dengan motivasi kerja. Motivasi kerja adalah sesuatu yang menimbulkan dorongan atau semangat kerja. Hoy & Woolfolk, (1993) dan Sergiovanni (2001) menyatakan bahawa motivasi kerja adalah keinginan seseorang untuk menunaikan tugas-tugasnya. Menurut Borich & Tombari (1997) tinggi rendahnya motivasi kerja seseorang itu sangat mempengaruhi prestasi kerjanya dalam menyelesaikan tugas-tugasnya.

Dalam teori efikasi, jangkaan terhadap efikasi berbeza daripada jangkaan terhadap prestasi kerja. Jangkaan efikasi bermaksud individu percaya bahawa mereka akan berjaya membentuk tingkah laku yang diperlukan untuk menghasilkan prestasi kerja**,** sebaliknya jangkaan terhadap natijah berkaitan dengan andaian bahawa tingkah laku akan menghasilkan prestasi kerja tertentu. Sebagai contoh, guru besar boleh mempercayai tingkah laku tertentu akan menghasilkan natijah tertentu yang dijangka tetapi mereka mungkin tidak mempercayai bahawa mereka boleh melaksanakan tingkah laku yang akan menghasilkan sesuatu hasil pencapaian (Travers & Cooper (1996). Dalam bentuk gamba rajah 2.8 menunjukkan hubungan jangkaan efikasi dan jangkaan pencapaian prestasi adalah seperti berikut.




Rajah 2.8. Hubungan Jangkaan Efikasi dan Jangkaan Pencapaian Prestasi (Travers & Cooper 1996)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain daripada itu, jangkaan efikasi mungkin tidak melibatkan semua tingkah laku kerana individu mungkin mempunyai persepsi efikasi yang rendah dalam sesuatu lingkungan kemahiran seperti akademik, sebaliknya mungkin mempunyai persepsi yang tinggi dalam efikasi bagi lingkungan kemahiran yang lain misalnya sosial dan fizikal (Travers & Cooper (1996).

Prestasi yang selalu dikaitkan secara terus dengan efikasi ialah tingkah laku dan pencapaian. Sejak awal, pelopor teori ini telah menghubungkan tanggapan terhadap efikasi kendiri dengan pencapaian. Bandura (1977) telah melaporkan kajian yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan pencapaian prestasi yang berkaitan dengan kerja. Stadjkovich dan Luthans (1998) yang membuat sintesis ke atas 114 kajian empirikal mendapati terdapat hubungan antara efikasi dan pencapaian kerja. Oleh itu, teori dan penyelidikan tentang efikasi telah membuat postulat bahawa efikasi memberi kesan kepada pencapaian dan prestasi manusia.

Model yang dibuat oleh Locke dan Lathan (1990) dan Eden (1988) kesemuanya menyarankan jangkaan matlamat diri yang di set dan efikasi kendiri menyumbang kepada pencapaian. Begitu juga beberapa kajian lain membuktikan efikasi diri boleh memberi prestasi positif. Contohnya seperti remaja yang tinggi efikasi tentang kompetensi sosial tidak akan menunjukkan tingkah laku bermasalah. Wanita yang menghadapi masalah keguguran akan lebih baik apabila mempunyai efikasi yang tinggi. Kaunselor akan lebih berkesan membantu klien jika efikasi mereka tinggi. Efikasi diri juga akan menjadikan seseorang tahan sakit dan meningkatkan kesihatan mereka, boleh berhenti merokok, melupakan kesan penyakit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kanser, meninggalkan tabiat meminum alkohol, dan mengurangkan sensitiviti mereka terhadap kesan HIV (Philipchalk, 1995).

Selain daripada itu, efikasi juga boleh menjadi faktor pengantara kepada sesuatu prestasi. Efikasi diri telah dibuktikan sebagai peramal yang boleh dipercayai dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian tugas. Ini dibuktikan oleh Bandura dan Wood (1989) Oleh kerana kepentingan efikasi dalam pencapaian, teori ini banyak diaplikasikan dalam berbagai bidang seperti pendidikan, pengurusan sumber manusia, tingkah laku organisasi, sukan, kesihatan dan sebagainya (Robbins, 1989, Al-Eisa, Furayyan & Alhemoud (2009). Dalam konteks organisasi misalnya, Gibson, Ivancevich dan Donelly Jr. (1997) berpandukan teori oleh Bandura telah membina satu model bagi menunjukkan hubungan efikasi kendiri dengan pencapaian dalam sesebuah organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bandura (1986) telah mendefinisikan efikasi kendiri adalah merujuk kepada pertimbangan (*judgements)* seseorang itu mengenai kemampuannya mengelola dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Efikasi kendiri tiada kena mengena dengan kemahiran seseorang itu, tetapi efikasi kendiri adalah berkenaan dengan pertimbangan seseorang itu mengenai apa-apa perkara yang boleh dilakukannya dengan kemahiran yang dimilikinya. Bandura (1986) menyatakan efikasi kendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi, bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi kendiri rendah (Wood & Bandura, 1989).

Beberapa kajian telah menunjukkan efikasi kendiri mempunyai perkaitan dengan kejayaan pemimpin dan individu (Bandura, 1977 dan Hoy & Woolfolk, 1993).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dapatan kajian juga menunjukkan pemimpin sekolah berkesan mempunyai efikasi yang lebih tinggi daripada pemimpin sekolah yang kurang berkesan (DeMoulin, 1993 dan Dimmock & Hattie, 1996). Guru besar atau pengetua yang berefikasi kendiri tinggi akan dihormati oleh stafnya kerana ia sering menggunakan "kuasa pakar atau rujukan" daripada menggunakan "kuasa sah, paksaan atau ganjaran" dalam melaksanakan tugas hariannya (McCormick, 2001). Gist, & Mitchell, 1992) dalam Sazali *et. al* (2002) pula menyatakan kepercayaan seseorang itu terhadap kemampuan bagi melaksanakan sesuatu tugas, merupakan suatu bidang yang penting untuk diterokai pada masa akan datang, dan pandangan ini disokong oleh Hannah, Avolio, Luthans & Harms (2008) yang menyatakan pembinaan efikasi kendiri guru besar adalah penting bagi sebarang kejayaan intervensi perubahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 2.11.6 Hubungan Konsep Efikasi Kendiri Dengan Prestasi Kerja

Menurut Bandura (1977), "konsep kendiri mencerminkan kepercayaan seseorang terhadap keberkesanan peribadinya." Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pandangan umum seseorang individu dalam kehidupan seperti harga diri, konsep diri dan lain-lain. Beberapa kajian yang lain juga mencadangkan bahawa efikasi kendiri mungkin berkaitan dengan harga diri (Caprara, Barbaranelli, Steca, & Malone (2006). Ini turut ditekankan oleh Haycock et al., (1998) dalam kajian yang lain. Dengan membangunkan dan membina harga diri, seseorang itu dapat meningkatkan kekuatan mereka berdasarkan kekecewaan dan mendapatkan pengesahan sendiri (Tjosvold, 1993). Oleh itu, ia boleh dilihat bahawa efikasi kendiri memainkan peranan penting dalam mengubah dan mempengaruhi tingkah laku seseorang individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Beberapa penyelidikan akademik telah membuktikan bahawa efikasi kendiri adalah berkaitan dengan kawalan diri, daya tahan, prestasi dan usaha untuk menyelesaikan masalah dengan berkesan (Bandura, 1986; Gist & Mitchell, 1992; Hysong & Quinones, 1997; Prussia, Anderson, & Manz, 1998; Stajkovic & Luthans, 1998). Ia mungkin menunjukkan bahawa seseorang yang berefikasi kendiri yang tinggi akan mengatasi individu yang kurang berkesan berhubung dengan faktor-faktor seperti kenaikan pangkat atau kejayaan dalam bidang kerjaya atau gaji. Kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor yang dinyatakan di atas adalah berkaitan dengan efikasi kendiri. Pelbagai kajian yang telah dijalankan mengenai subjek efikasi kendiri telah mendapati bahawa ia menjadi pengantara hubungan antara strategi kepimpinan diri dan prestasi (Prussia et al., 1998) dan juga antara pujukan lisan, prestasi pencapaian, cita-cita dan fisiologi arousal (VanVianen, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kejayaan seseorang dalam sesuatu bidang adalah berkait rapat dengan efikasi kendiri (Bandura, 1997). Lebih tinggi efikasi kendiri seseorang maka ia dapat menghasilkan sesuatu kerja yang baik, kepuasan kerja yang lebih tinggi dan prestasi kerja yang lebih, tambah pula lebih baik fizikal dan kesihatan mental (Bandura, 1997), dan prestasi akademik yang lebih baik (Bandura, 1997; Robbins et al., 2004). Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai efikasi kendiri yang lebih tinggi menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik (Robbins et al., 2004). Komponen efikasi kendiri yang mempunyai skema yang tinggi mungkin menyebabkan hasil yang sama dengan yang terdapat bagi individu yang mempunyai efikasi kendiri bersifat tinggi. Yang berkaitan dengan konsep ini, kajian lepas dalam bidang lain menunjukkan bahawa memanipulasi persepsi individu berkenaan dengan motivasi akan memberi kesan kepada prestasi mereka (Prussia et al., 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Terdapat banyak bukti yang mengaitkan kepentingan efikasi kendiri guru besar dan prestasinya keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan teknologi canggih di tempat kerja seperti internet atau perisian baru (Hill et al., 1987), keupayaan untuk menghadapi perubahan semasa dalam pelan kerjaya (Stumpf et al., 1987), keupayaan untuk menjana idea-idea baru dan berkembang ke peringkat pengurusan (Gist & Mitchell, 1992), keupayaan untuk prestasi yang lebih baik sebagai satu pasukan (Wood et al., 1990), keupayaan untuk memperoleh lebih kemahiran (Mitchell, Hopper, Daniels, George-Falvy, & James, (1994). Terdapat beberapa ulasan yang mengkaji kesan efikasi kendiri terhadap kepimpinan sekolah namun terdapat sangat sedikit yang telah memeriksa kesan keseluruhan ke atas prestasi pekerja serta menghubungkan efikasi kendiri terus kepada motivasi dengan prestasi. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa kedua-dua efikasi kendiri dan motivasi adalah sebahagian daripada prestasi yang sebagai faktor menyumbang kepada kualiti perkhidmatan yang baik, keberkesanan dan kecekapan di tempat kerja.

Walaupun ramai pengkaji yang terdiri daripada golongan akademik berusaha memahami hubungan sifat-sifat prestasi namun bilangan penyelidikan sangat sedikit mengkaji mekanisme personaliti mempengaruhi prestasi" (Barrick et al., 2002). Oleh itu secara umumnya ia boleh dinyatakan bahawa efikasi kendiri boleh menjadi pelopor kepada komitmen kerjaya. Kajian ini cuba untuk menjawab sama ada efikasi kendiri memberi kesan motivasi dan prestasi kepada guru besar. Oleh itu, ia boleh dianggap bahawa mungkin terdapat tahap hubungan antara motivasi, prestasi kerja dan efikasi kendiri. Selaras dengan kajian sebelum ini, kajian semasa menunjukkan bahawa "efikasi kendiri boleh dipertimbangkan sebagai faktor positif menyumbang kepada semangat guru dan prestasi seterusnya". Tujuan kajian ini adalah untuk melaksanakan kajian untuk mengumpulkan dan menganalisis data penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkaitan dengan hubungan antara efikasi kendiri, motivasi pekerja dan prestasi kerja guru besar.

### 2.11.7 Bagaimana Efikasi Kendiri Mempengaruhi Prestasi Di Tempat Kerja

Menurut Alfred Bandura (1977), efikasi kendiri memberi kesan kepada pembelajaran dan prestasi di sekolah dalam lima cara: (a) Efikasi kendiri mempengaruhi matlamat peribadi dan kepercayaan seseorang untuk membuat pilihan, tahap cabaran dan komitmen terhadap matlamat peribadi individu. Guru Besar yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang rendah akan memilih matlamat kurang mencabar untuk diri mereka sendiri dan sebaliknya. (b) Efikasi kendiri mempengaruhi prestasi kerja, menggerakkan motivasi kerja, melaksanakan dan mengerahkan usaha pada tahap yang konsisten dengan kepercayaan efikasi kendiri. Guru Besar yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan bekerja keras untuk berusaha bagaimana melaksanakan tugas-tugas baru kerana mereka yakin mereka akan berjaya. (c) Efikasi kendiri mempengaruhi kegigihan seseorang untuk mencuba tugas-tugas baru yang mencabar dengan jangka masa yang lama dan berterusan. Guru Besar yang berefikasi tinggi akan meneruskan usaha lagi dalam menghadapi tugas yang sukar kerana mereka lebih yakin bahawa mereka akan berusaha dan berjaya melaksanakan tugas. (d) Efikasi kendiri mempengaruhi daya ketahanan seseorang dan bagaimana ia menghadapi situasi buruk dan memberi respons kepada kekecewaan. Individu yang mempunyai efikasi kendiri yang lebih tinggi akan lebih cepat pulih daripada krisis daripada orang-orang yang berefikasi rendah. (e) Kepercayaan efikasi kendiri mempengaruhi pengalaman dan kebimbangan individu apabila mereka melibatkan diri dalam tugas tekanan fisiologi. Individu yang mempunyai tahap efikasi yang lebih rendah mungkin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengalami tindak balas tekanan fisiologi yang lebih sengit dalam menghadapi cabaran daripada mereka yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang lebih tinggi. Ini seterusnya boleh menjejaskan prestasi kerja dan ketabahan mereka dalam menghadapi cabaran.

### 2.11.8 Efikasi Kendiri Yang Tinggi

Kajian Bandura (1982) menunjukkan bahawa individu yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi melihat : (a) Tugas yang sukar sebagai cabaran yang perlu dikuasai (b) Membangunkan hubungan yang kuat dan minat yang lebih mendalam dengan tugas-tugas yang berkaitan dengan kerja (c)Menetapkan matlamat yang lebih mencabar (d)Lebih komited dengan kerja mereka (e)Mengekalkan usaha mereka dalam menghadapi halangan atau kegagalan (f)Pulih dengan cepat dari rintangan dan kekecewaan (g)Atribut halangan itu kepada usaha atau pengetahuan yang boleh diperolehi atau diatasi.

### 2.11.9 Efikasi Kendiri Yang Rendah

Kajian Bandura (1982) juga menunjukkan bahawa individu dengan efikasi kendiri yang rendah melihat: (a) Melihat tugas yang sukar sebagai ancaman yang perlu dielakkan (b)Percayalah bahawa tugas yang lebih sukar adalah di luar keupayaan mereka (c)Persevere pada kegagalan dan hasil negative dan (d) Cepat hilang keyakinan dalam kebolehan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Stajkovic dan Fred (1998) kajian mengenai efikasi kendiri dan prestasi kerja yang berkaitan dengan: A meta-analisis. meta analysis ini (114 kajian, k = 157, N = 21.616) mengkaji hubungan antara efikasi kendiri dan prestasi kerja. Keputusan utama meta-analisis yang ditunjukkan korelasi purata wajaran yang signifikan antara efikasi kendiri dan prestasi yang berkaitan dengan kerja, G (r ±) = .38, dan dalam kumpulan kepelbagaian besar korelasi individu. Untuk mengambil kira variasi ini, penulis telah menjalankan 2 peringkat teori yang didorong oleh analisis moderator oleh rayuan sampel k korelasi pertama mengikut tahap kerumitan tugas (rendah, sederhana dan tinggi), dan kemudian kepada 2 kelas mengikut jenis tetapan pengajian (simulasi-lab vs sebenar-bidang). Arahan baru untuk pembangunan teori masa depan dan penyelidikan telah mencadangkan, dan implikasi praktikal hasil kajian telah dibincangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zimmerman, Banudra, & Martinez-Pons, (1992) yang bertujuan untuk melakukan meta analysis yang menganalisis hasil penyelidikan individu yang mempunyai kaitan dengan hubungan antara-efikasi kendiri, motivasi pekerja dan kerja berkaitan prestasi pekerja. Dari hasil kajian, ia telah diperhatikan bahawa teori efikasi kendiri boleh digunakan untuk bekerja prestasi yang berkaitan dari segi motivasi yang berbeza aspek berkaitan pekerja serta kegiatan organisasi. Dalam kajian ini penyelidik cuba untuk menilai pengaruh efikasi kendiri terhadap prestasi individu di tempat kerja dan mekanisme dengan mana efikasi kendiri seseorang individu ditentukan prestasi dan motivasi / kerjanya berkaitan. Oleh itu, ia menjadi perlu untuk mengenal pasti implikasi praktikal satu hasil yang berkaitan untuk meningkatkan efikasi kendiri pekerja untuk memberi motivasi kepada mereka dan memperbaiki prestasi mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hurter (2008) mengemukakan bahawa kakitangan yang komited telah semakin menjadi aset bernilai dalam organisasi. Bagi maksud ini kajian berhubung dengan komitmen pekerja telah dilihat sebagai komitmen kepada organisasi dan terhadap pekerjaan mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara persepsi efikasi kendiri dan komitmen pekerja di sebuah syarikat pembuatan gula Afrika Selatan. Keputusan kajian Hurter (2008) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara efikasi kendiri dan komitmen pekerja. Pekerja yang tidak komited menunjukkan tahap efikasi kendiri yang lebih rendah.

Rubina dan Azam (2004) menjalankan satu kajian untuk meneroka hubungan antara tekanan, prestasi kerja guru dan efikasi kendiri guru sekolah wanita. Kajian ini telah dijalankan dengan sampel empat ratus dua puluh (420) orang guru yang dipilih secara rawak di sekolah pilihan penyelidik. Keputusan kajian menunjukkan bahawa guru-guru menunjukkan tahap sederhana tekanan dan markah tertinggi telah dipaparkan pada tekanan kerja yang berkaitan. Korelasi negatif yang signifikan antara tekanan, prestasi kerja guru dan efikasi kendiri guru. Analisis regresi berganda yang sederhana boleh memainkan peranan yang sederhana dalam hubungan prestasi tekanan dan kerja guru.

Zellars et al (2002) telah menjalankan satu kajian mengenai hubungan antara yang berkaitan dengan kerja efikasi kendiri dan menahan tekanan organisasi. Mereka mendapati bahawa efikasi kendiri menyumbang kepada peningkatan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi kerja berat dalam sesebuah organisasi, dengan membantu pekerja untuk menerima tugas-tugas sukar dalam domain mereka sebagai cabaran yang perlu ditangani dan menyediakan penyelesaian yang mungkin untuk mereka dan bukan melihatnya sebagai sukar dan keadaan tertekan. Kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menggunakan reka bentuk korelasi dengan efikasi kendiri dan beban kerja organisasi sebagai pemboleh ubah pertimbangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara efikasi kendiri yang tinggi dan keupayaan untuk menangani beban kerja.

### 2.11.10 Hubungan Antara Kepimpinan Instruksional Dengan Efikasi Kendiri

Peranan guru besar sebagai pemimpin instruksional dan kesannya terhadap guru telah dijalankan secara meluas. Edmonds (1979; Lewandowski, 2005) menyatakan, terdapat beberapa buah sekolah yang tidak baik walaupun guru besar nya baik tetapi tidak terdapat sebarang sekolah yang baik seandainya guru besarnya adalah tidak baik. Pernyataan ini menjelaskan peri pentingnya peranan seseorang guru besar dalam menjamin hala tuju sesebuah sekolah. Lortie (1975) dalam kajiannya membuktikan bahawa pentadbiran yang tidak membantu serta maklum balas yang sedikit akan meninggalkan kesan negatif terhadap keyakinan diri guru. Malahan, Bandura turut menekankan tentang kepentingan maklum balas dan penghargaan dalam meningkatkan efikasi guru secara kolektif. Hal yang sama dipersetujui oleh Pajares (2002) yang menegaskan terdapatnya hubung kait di antara keberkesanan pentadbiran sekolah dengan efikasi guru.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Hoy, Tarter dan Witkoskie (1992) ke atas 44 buah sekolah rendah di Amerika Syarikat mendapati sokongan guru besar merupakan peramal yang efektif dalam menentukan keberkesanan sekolah. Secara umumnya, guru besar yang berkesan dapat memupuk persekitaran sekolah yang sihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


di samping meningkatkan keyakinan guru (Hoy & Tarter, 1992; Leithwood, 1994); seterusnya meningkatkan efikasi guru dan berakhir dengan peningkatan prestasi akademik pelajar.

Coladarci dan Breton (1997) pula dalam kajiannya ke atas 865 orang guru di Maine menunjukkan kekerapan jumlah penyeliaan yang diterima tidak mempengaruhi efikasi guru ($t$ = 1.33, $p$ > .5). Sebaliknya, utiliti penyeliaan yang diterima mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi guru, iaitu $t$ = 2.44, $p$ < .5. Daripada kajian beliau didapati guru yang beranggapan bahawa proses penyeliaan dapat membantu mereka mempunyai efikasi kendiri yang tinggi berbanding guru-guru yang dilaporkan kurang berpandangan positif terhadap penyeliaan. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah itu berada pada paras sederhana (+.13).

Kurt, Duyar dan Calik (2012) mendapati bahawa amalan kepemimpinan instruksional mempunyai hubungan yang signifikan, positif, dan langsung dengan efikasi kendiri (= 0.35) dan kedua-dua hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan efikasi kendiri diselesaikan oleh keberkesanan guru kolektif (= 0.23). Sebaliknya, Demir (2008) mendapati terdapat hubungan yang signifikan, positif, dan langsung antara amalan kepimpinan instruksional dengan efikasi kendiri (= 0.50), dan kedua-dua hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan efikasi kendiri melalui budaya kerjasama guru (= 0.79). Ebmeier (2003) dan Coladarci dan Breton (1997) mengkaji hubungan antara penyeliaan guru besar sekolah dan efikasi kendiri guru di Amerika Syarikat. Walaupun Coladarci dan Breton (1997) memerhatikan, hubungan positif yang signifikan (= 0.13) selepas mengawal ciri-ciri guru tertentu, Ebmeier (2003) mendapati terdapat hubungan yang signifikan, positif dan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


langsung antara penyeliaan guru besar sekolah dan efikasi kendiri guru melalui efikasi guru dalam pengajaran sokongan daripada guru besar sekolah (= 0.27).

Fancera dan Bliss (2011) menganalisis hubungan antara amalan kepimpinan instruksional (iaitu, melindungi masa pengajaran) dan efikasi kendiri dalam satu kajian sekolah-sekolah tinggi di Amerika Syarikat. Mereka mendapati bahawa melindungi masa pengajaran tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi guru (= 0.03) selepas mengawal status sosio-ekonomi peringkat sekolah. Stipek (2012) mengkaji hubungan antara ciri-ciri latar belakang murid (cth, bangsa dan kemiskinan), persepsi pentadbir sekolah dan sokongan ibu bapa, dan efikasi kendiri dalam kalangan guru-guru pendidikan rendah di Amerika Syarikat. Selepas pelarasan bagi ciri-ciri latar belakang pelajar, Stipek (2012) mendapati, hubungan positif yang signifikan antara sokongan pentadbiran dan efikasi kendiri (= 0.21).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Leithwood dan Jantzi (2008) menyiasat hubungan antara indeks yang terdiri daripada beberapa amalan kepimpinan instruksional (contohnya, menetapkan matlamat, menyediakan pembangunan profesional, model pengajaran berkesan, menggalakkan kerjasama, dan memantau kemajuan pelajar) dan efikasi kendiri guru berkaitan dengan literasi dan numerasi di England. Mereka mendapati, hubungan positif yang signifikan dengan efikasi kendiri guru (literasi = 0.52 dan numerasi 0.51) dan efikasi kendiri (celik = 0.58 dan numerasi = 0.53)**.** Ross dan Gray (2006) telah menjalankan dua kajian menyiasat hubungan antara indeks amalan kepemimpinan instruksional (terdiri daripada menetapkan matlamat, menyediakan pembangunan profesional, dan menawarkan sokongan pengajaran) dan efikasi kendiri guru di Kanada. Penemuan mereka dalam setiap kajian adalah hampir sama: Amalan kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri mempunyai, hubungan positif yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


signifikan (dengan = 0.42 [2006a] dan = 0.48 [2006b]). Caprara, Barbaranelli, Steca & Malone (2006) menganalisis hubungan antara indeks amalan kepemimpinan instruksional (iaitu, usaha menggalakkan kerjasama guru, dan penyediaan bahan pengajaran) dan efikasi guru di Itali. Mereka mendapati yang penting, hubungan positif antara amalan kepimpinan instruksional dan efikasi guru (= 0.37).

Skaalvik dan Skaalvik (2008) mengkaji kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri di Norway. Satu komponen yang lebih kecil daripada kajian mereka telah mengkaji hubungan antara sokongan penyeliaan dari guru besar sekolah dan efikasi kendiri guru. Mereka memerhatikan, hubungan positif yang signifikan antara sokongan penyeliaan guru besar dengan efikasi kendiri guru (= 0.50); Walau bagaimanapun, hubungan di antara sokongan penyeliaan guru besar dan efikasi kendiri guru tidak ketara secara statistik. Akhir sekali, Newmann, Rutter, dan Smith (1989) mengkaji hubungan antara amalan kepimpinan instruksional (iaitu, menetapkan matlamat, penyelesaian masalah, dan guru sokongan dan pengiktirafan) dan efikasi kendiri di Amerika Syarikat. Tidak seperti penemuan daripada kajian-kajian lain iaitu, dalam kajian mereka mendapati tiada hubungan statistik yang signifikan selepas pelarasan untuk pelbagai pemboleh ubah konteks sekolah (= 0.03). Kajian yang tidak mendedahkan pekali regresi piawai penemuan dan tidak disokong dengan kesan pemerhatian penyeliaan (Chester & Beaudin, 1996) dan model pengajaran berkesan, menetapkan matlamat, dan menawarkan sokongan pengajaran pada kepercayaan efikasi guru (Lee, Zhang, & Yin, 2011; Walker & Shepard, 2011; Hipp & Bredeson, 1995). Sebagai contoh, Chester dan Beaudin (1996) mengkaji hubungan antara guru dan ciri-ciri sekolah dan perubahan dalam kepercayaan efikasi guru di kalangan guru bandar di Amerika Syarikat. Selepas pelarasan bagi kerjasama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru dan bahan pengajaran, mereka mendapati bahawa pemerhatian penyeliaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan perubahan dalam efikasi kendiri.

Lee, Zhang, dan Yin (2011) mengkaji sumber efikasi kendiri guru di Hong Kong. Mereka mendapati pemimpin sekolah, contohnya, memberi ganjaran kepada guru, memberi sokongan kepada guru-guru, dan melibatkan guru dalam membuat keputusan pengajaran sekolah, mempunyai, hubungan positif yang signifikan dengan efikasi kendiri guru selepas mengawal kerjasama guru. Walker dan Shepard (2011) menyiasat hubungan antara amalan kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru di Amerika Syarikat dan mendapati penyampaian matlamat pengajaran dan model jangkaan pengajaran mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan efikasi kendiri. Hipp dan Bredeson (1995), dalam kajian guru di Amerika Syarikat, mendapati bahawa model jangkaan pengajaran dan guru memberi ganjaran, serta indeks termasuk lima amalan kepemimpinan instruksional, mempunyai signifikan, korelasi positif dengan efikasi kendiri guru. Akhir sekali, kajian oleh Hoy dan Woolfolk (1993) dan Lee, Dedrick, dan Smith (1991) adalah unik berbanding dengan mereka sebelum ini kerana langkah-langkah amalan kepemimpinan instruksional mewakili guru besar sekolah dilakukan untuk melindungi guru dari persekitaran yang berbahaya. Kedua-dua kajian mempunyai hubungan positif antara amalan kepimpinan instruksional dengan efikasi kendiri guru di Amerika Syarikat. Selepas pelarasan bagi beberapa kovariat (contohnya, kerjasama guru, pengetahuan guru, pelajar berkelakuan tidak senonoh, sokongan sumber, dan penekanan akademik sekolah).

Daripada dapatan kajian lampau, dapatlah kita simpulkan bahawa guru besar selaku penyelia perlu memainkan peranan penting bagi menyediakan guru-guru yang berefikasi tinggi agar kecemerlangan sekolah dapat dijana. Memandangkan efikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru mempunyai kesan terhadap tingkah laku guru dan hasil pembelajaran murid, maka adalah amat penting kepada pihak sekolah untuk menilai semula sistem yang ada. Hal ini dapat direalisasikan melalui amalan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti untuk mencapai prestasi kerja yang cemerlang.

## 2.12 Teori Prestasi Kerja

Prestasi merupakan istilah yang diberikan untuk kata *performance* dalam bahasa Inggeris, yang bermaksud pekerjaan atau perbuatan. Dalam maksud lebih luas, kata-kata *performance* selalu digunakan dalam kata-kata seperti *job performance* atau *work performance* yang bermakna hasil kerja atau prestasi. Pada umumnya para ahli pengurusan memberi pengertian prestasi sebagai prestasi kerja dan produktiviti kerja. Sehubungan itu, beberapa orang pengkaji terkini mengemukakan prestasi adalah prestasi kerja yang dapat ditunjukkan oleh seorang pekerja atau pegawai sebagai hasil kerja yang dapat dicapainya dalam tempoh waktu tertentu dalam melakukan pekerjaan yang dibebankan kepadanya, berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kesungguhan ( Nachbagauer & Riedl, 2002 ; Darmody & Smyth, 2016 ; Dhanda, 2016 ; Kelly & Northrop, 2015 ; McNeill, 2016 ; Nyamubi, 2017).

Prestasi menurut Rivai dan Basri (2005) adalah hasil atau tahap kejayaan seseorang secara keseluruhan selama tempoh tertentu di dalam melaksanakan tugas berbanding dengan pelbagai kemungkinan, seperti standard hasil kerja, target atau sasaran atau kriteria yang telah ditentukan terlebih dahulu dan telah dipersetujui bersama. Selanjutnya (Prawirosentono, 2000; Rivai, Vethzal & Basri. 2005) mengemukakan bahawa prestasi adalah hasil kerja yang boleh dicapai oleh seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


atau sekumpulan orang dalam suatu organisasi, sesuai dengan tanggungjawab masing-masing, dalam rangka usaha mencapai matlamat organisasi bersangkutan secara sah, tidak melanggar undang-undang dan sesuai dengan moral mahupun etika.

Definisi lain tentang prestasi adalah penyelesaian tugas oleh individu atau kumpulan baik secara kuantitatif mahupun secara kualitatif (Schermerhorn, Hunt and Osborn, 2002). Hal ini sesuai dengan pendapat yang dikemukakan oleh Akbar (2005) bahawa prestasi adalah penampilan hasil karya seseorang yang berkualiti dalam suatu organisasi (Thomas, & Bretz, 1994). Maka, tujuan yang hendak dicapai dalam prestasi adalah meningkatkan motivasi seseorang agar berperi laku kerja sesuai dan mengikut dengan tujuan yang hendak dicapai. Teece, Pisano, & Shuen, (1997) menyatakan bahawa prestasi merupakan gambaran tentang sesuatu yang dicapai dalam suatu masa, biasanya diwujudkan dalam prestasi yang diperlihatkan. Secara sederhana, prestasi boleh ditafsirkan sebagai gambaran umum dalam hal yang telah dicapai atau prestasi yang ditunjukkan dalam bidang masing-masing.


Pada umumnya prestasi kerja dipengaruhi oleh kecakapan, kemahiran, pengalaman dan kesungguhan yang bersangkutan. Amstrong dan Baron dalam Stoner (1998) mengemukakan bahawa prestasi dipengaruhi oleh empat faktor yang dominan, yakni (a) faktor kepimpinan yang meliputi kualiti, bimbingan dan motivasi; (b) faktor peribadi yang meliputi motivasi dan komitmen, kemahiran dan kompetensi; (c) faktor sistem yang meliputi kemudahan kerja dan sistem kerja; (d) faktor situasi yang meliputi suasana persekitaran kerja, unsur dalaman dan luaran.

Stoner (2006) juga mengemukakan, prestasi seorang pekerja merupakan perkara yang rumit dan bersepadu yang kejayaannya dipengaruhi oleh beberapa faktor, baik faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman yang mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


prestasi seseorang antara lain adalah bakat, minat, motivasi, kesihatan. Faktor luaran yang mempengaruhi prestasi seseorang antara lain adalah persekitaran, cara dan pengurusan. Menurut Sutermeister (1999), Welbourne, Johnson, & Erez, (1998), faktor yang mempengaruhi prestasi pekerja adalah motivasi, kemampuan, pengetahuan, kepakaran, pendidikan, pengalaman, latihan, minat, sikap, personaliti, keadaan-keadaan fizikal dan keperluan-keperluan individu yang terdiri daripada keperluan biologi, keperluan sosial dan keperluan egostik. Sedangkan menurut Gibson (1987) pemboleh ubah kemampuan dan kemahiran merupakan faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku kerja dan prestasi individu. Locke dan Latham (1990) mengemukakan bahawa prestasi dipengaruhi beberapa pemboleh ubah yang saling berkaitan dan digambarkannya sebagai berikut.




*Rajah 2.9.* Sumber: Locke dan Latham, 1990


## 2.13 Pelbagai Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Kerja

Prestasi dipengaruhi oleh pencapaian sasaran peribadi, efikasi diri dan nilai terhadap insentif yang diperolehi dari prestasi tersebut. Sedangkan pencapaian tujuan peribadi ditentukan oleh peluang objektif dan subjektif akan kejayaan, kepercayaan akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berjaya, keputusan untuk mencuba serta nilai insentif yang dipengaruhi oleh tawaran insentif tersebut. Berbeza dengan Robin (2004) yang mengemukakan bahawa prestasi dipengaruhi oleh pemboleh ubah motivasi, kemampuan dan kesempatan. Hubungan antara variabel ini dikemukakan seperti ditunjukkan pada rajah di bawah. Motivasi pada dasarnya adalah proses yang menentukan seberapa banyak usaha yang akan dicurahkan untuk melaksanakan pekerjaan. Motivasi atau dorongan untuk bekerja ini sangat menentukan bagi tercapainya sesuatu tujuan (Kamery,2004).




*Rajah 2.10*. Sumber: Stephen P. Robin, 2004

Menurut Kamery (2004) faktor yang mempengaruhi prestasi dapat disimpulkan bahawa prestasi dipengaruhi oleh faktor yang berpunca daripada dalaman seperti: motivasi, kemampuan, pengetahuan, kepakaran, pendidikan, pengalaman, latihan, minat, sikap, personaliti, keadaan-keadaan fizikal dan keperluan-keperluan individual, keberkesanan diri. Prestasi juga dipengaruhi dari sumber luaran seperti ganjaran, lingkungan, cara dan pengurusan.

### 2.13.1 Hubungan Efikasi Kendiri Dengan Prestasi Kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Efikasi kendiri merupakan terjermahan dari Bahasa Inggeris, *self efficacy*. Konstruk tentang *self efficacy* diperkenalkan pertama kali oleh Bandura (1987) yang memperkenalkan teori kognitif sosial. *Efficacy* didefinisikan sebagai kapasiti untuk mendapatkan hasil atau pengaruh yang diinginkannya dan *self* sebagai orang yang dirujuk (Wallatey, 2001). Defenisi ini merujuk kepada orang yang mempunyai kapasiti yang digunakan untuk mendapatkan hasil atau pengaruh yang diinginkannya. Namun definisi yang dikemukakan tersebut nampak masih bersifat umum. Definisi lain yang lebih spesifik dikemukakan oleh Jones (1998), keberkesanan diri adalah keyakinan seseorang tentang kemampuannya untuk melaksanakan suatu tingkah laku dengan berjaya.

Kata keberkesanan berkaitan dengan kebiasaan hidup manusia yang didasarkan atas prinsip-prinsip watak, seperti integriti, kerendahan hati, kesetiaan, sekatan diri, keberanian, keadilan, kesabaran, kerajinan, kesederhanaan dan kesopanan yang seharusnya dikembangkan dari dalam diri menuju ke luar diri, bukan dengan pemaksaan dari luar ke dalam diri manusia. Seseorang dikatakan berkesan apabila individu dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan, memaksimumkan peluang dan terus menerus belajar serta menggabungkan prinsip-prinsip lain dalam lingkaran pertumbuhan (Jones, 1998).

Efikasi kendiri mempengaruhi motivasi, baik ketika pengurus memberikan ganjaran mahupun ketika pekerja sendiri memberikan kemampuannya. Makin tinggi efikasi kendiri maka makin besar motivasi dan prestasi. Menurut Cherrington (1994) bahawa efikasi kendiri didefenisikan sebagai keyakinan seseorang dengan kemampuannya untuk melaksanakan suatu tugas yang tertentu. Diakuinya bahawa dalam beberapa hal konsep efikasi kendiri sama dengan *self-esteem* dan *locus of*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*control*. Namun, keberkesanan diri adalah menyangkut tugas yang spesifik berbanding dengan persepsi umum daripada keseluruhan kompetensi. Substansial definisi efikasi kendiri di atas, boleh dikatakan lebih spesifik dan secara hakiki mempunyai perbezaan erti dengan *self-esteem*.

Bandura dalam Luthan (2005) merumuskan bahawa jangkaan menentukan perilaku atau prestasi dilakukan atau tidak, oleh kerana itu jangkaan sangat menentukan sumbangan pada perilaku bahkan juga menjadi penentu lama tidaknya suatu perilaku dapat dipertahankan apabila berhadapan dengan masalah. Individu yang mempunyai jangkaan efikasi kendiri yang rendah akan berpengaruh terhadap tingkah laku yang rendah pula. Dalam konteks ini tidak adanya jangkaan efikasi kendiri akan membuat rendahnya penyertaan dan memilih menyerah ketika menghadapi kesulitan (Brown, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keyakinan kepada kemampuan sendiri mempengaruhi motivasi peribadi, makin tinggi efikasi kendiri maka tahap stres makin rendah (Lent, Brown & Larking, 1984). Sebaliknya, makin tinggi keyakinan kepada kemampuan sendiri, maka makin kukuh tekadnya untuk menyelesaikan tugas dengan baik (Cherrington, 1994). Keyakinan kepada keberkesanan mempengaruhi tahap cabaran dalam menyelesaikan tugas. Secara ringkas dapat dikatakan bahawa bukan hanya kemampuan kerja yang menentukan kejayaan pelaksanaan tugas, melainkan juga ditentukan oleh tahap keyakinan pada kemampuan sehingga dapat menambah intensiti motivasi dan kegigihan kerja pekerja. Definisi tersebut dikaitkan dengan pengambilan keputusan atas kemampuan yang dimiliki seseorang dalam menghadapi situasi di masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di dalam melaksanakan pelbagai tugas, orang yang mempunyai efikasi kendiri tinggi adalah sebagai orang yang berprestasi sangat baik. Mereka yang mempunyai efikasi kendiri dengan senang hati menghadapi cabaran, sedangkan mereka yang ragu-ragu tentang kemampuannya tidak berani mencuba dan mudah menyerah (Multon, Brown & Lent, 1991). Rasa percaya diri meningkatkan hasrat untuk berprestasi, sedangkan keraguan menurunkannya. Tahap efikasi kendiri merupakan alat ramalan yang lebih tepat untuk prestasi seseorang berbanding kemahiran atau latihan yang dimiliki sebelum seseorang diupah (Goleman, 1999). Tahap efikasi kendiri ditentukan oleh pengalaman sebelumnya (kejayaan dan kegagalan), pengalaman yang diiktiraf oleh orang lain (dengan mengamati kejayaan dan kegagalan orang lain), pujukan lisan (dari teman, rakan sekerja, saudara) dan keadaan emosi (kebimbangan). Persepsi yang dimiliki oleh seseorang terhadap kemampuannya untuk melaksanakan tugas akan meningkatkan kemungkinan tugas tersebut dapat diselesaikan dengan jayanya (Goleman, 1999).

Secara ringkas dapat disebutkan dua pengertian penting dari efikasi kendiri menurut (Kreitner & Kinicki, 2008) iaitu: Efikasi kendiri atau keberkesanan jangkaan (*self effication - efficacy expectation*) adalah "Persepsi diri sendiri mengenai seberapa baik dirinya dapat berfungsi dalam keadaan tertentu ". Efikasi kendiri berkaitan dengan keyakinan bahawa individu mempunyai keupayaan melakukan tindakan yang diharapkan. Jangkaan hasil (*outcome expectation*): anggaran atau anggaran diri bahawa tingkah laku yang dilakukan diri itu akan mencapai hasil tertentu.


Keberkesanan adalah penilaian diri, apakah boleh melakukan tindakan yang baik atau buruk, betul atau salah, boleh atau tidak boleh melaksanakan sesuatu tugas sesuai dengan yang dikehendaki. Keberkesanan ini berbeza dengan aspirasi (cita-cita),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kerana cita-cita menggambarkan sesuatu yang ideal yang seharusnya (boleh dicapai), sedang keberkesanan menggambarkan penilaian kemampuan diri. Efikasi kendiri menurut Kinicky (2007) menguatkan jalan menuju kejayaan ataupun kegagalan. Hal ini digambarkannya sebagai berikut:

### 2.13.2 Hubungan Efikasi Kendiri Dengan Prestasi (Kinicky, 2007)




*Rajah 2.11.* Sumber: Robert Kreitner dan Angelo Kinicky, 2008

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.13.3 Efikasi Kendiri Menguatkan Jalan Menuju Kejayaan Dan Kegagalan

Tinggi atau rendahnya efikasi diri menurut Kreitner dan Kinicky (2008), digabungkan dengan persekitaran yang responsif atau tidak responsif, akan menghasilkan empat kemungkinan ramalan tingkah laku sebagai berikut:

Jadual 2.4

*Kombinasi Efikasi Dengan Persekitaran Sebagai Ramalan Tingkah Laku*

| **Keberkesanan** | **Persekitaran** | **Ramalan hasil tingkah laku** |
|---|---|---|
| Tinggi | Responsif | Berjaya, melaksanakan tugas yang sesuai dengan Kemampuannya |
| Rendah | Tidak Responsif | Kemurungan, melihat orang lain berjaya pada tugas yang dianggapnya sukar |
| Tinggi | Tidak Responsif | Berusaha keras mengubah persekitaran menjadi responsif, melakukan protes, aktiviti sosial, bahkan memaksakan perubahan |
| Rendah | Responsif | Orang menjadi acuh tak acuh, pasrah, merasa tidak mampu |

Sumber: Kreitner dan Kinicky (2008)

Efikasi diri berkembang sebagai hasil dari pengumpulan kejayaan seseorang dalam satu bidang tertentu, daripada pemerhatian-pemerhatian terhadap kejayaan dan kegagalan orang lain, dari pujukan orang lain, dan dari keadaan fisiologi yang dimilikinya, seperti keadaan takut atau gelisah (*nervousness*), atau kecemasan (*anxiety*) apabila melakukan sesuatu. Perbandingan sosial antara prestasi dengan prestasi orang lain, terutama kumpulan sebaya dan saudara kandung, juga merupakan sumber yang kuat bagi efikasi diri (Kreitner dan Kinicky ,2008).

Teori penentuan tujuan yang dipelopori oleh Locke dalam Greenberg & Baron (2008) mengisyaratkan bahawa individu komited pada tujuan tersebut. Pengaruh


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tersebut berhubung dengan adanya kekhususan tujuan, adanya cabaran dan maklum balas terhadap prestasi. Secara khusus boleh dikatakan bahawa penetapan tujuan khusus dapat meningkatkan prestasi; tujuan yang sukar, apabila diterima, menghasilkan prestasi yang lebih tinggi daripada matlamat yang mudah; dan maklum balas menghasilkan prestasi yang lebih tinggi daripada tidak ada maklum balas. Berdasarkan pandangan ini maka menentukan tujuan yang khusus dan mencabar bagi para pekerja merupakan perkara terbaik yang boleh dilakukan pengurus untuk meningkatkan prestasi. Ketika peringkat *goal commitment* dan *self-efficacy* tinggi, prestasi seseorang didorong pada tujuan. Berikut gambar *Goal Setting Theory* yang dikemukakan oleh Locke dan Latham (2002: 707-717)

### 2.13.4 Teori Matlamat Penentuan oleh Locke dan Latham (2002)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi





*Rajah: 2.12*. Sumber: Locke, EA dan Latham GP, 2002

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selanjutnya Bandura dalam Robbins ,Tracy & Trzesniewski (2008) mengemukakan teori Efikasi Kendiri yang juga dikenali sebagai "teori kognitif sosial" atau "teori pembelajaran sosial") merujuk kepada keyakinan bahawa ia mampu melaksanakan suatu tugas. Semakin tinggi efikasi diri, maka semakin tinggi rasa percaya diri yang dimiliki dalam kemampuan untuk berjaya dalam suatu tugas. Individu dengan efikasi diri tinggi akan berusaha lebih keras untuk mengalahkan cabaran. Maka, seorang pemimpin instruksional boleh membantu guru-guru mencapai tahap keberkesanan diri yang tinggi yakni dengan menyatukan teori pencapaian matlamat dengan teori efikasi diri.

Teori penentuan tujuan dan teori efikasi diri tidak saling bersaing, justeru saling melengkapi, seperti yang ditunjukkan berikut:





*Rajah 2.13.* Sumber: Based on Locke dan GP Latham, 2002

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 2.13.5 Kesan Pencapaian Matlamat Dan Efikasi Kendiri Atas Prestasi Kerja

Sesuai dengan teori pembelajaran sosial (*Social Learning theory*) bahawa ada dua komponen kognitif dari motivasi, yang pertama adalah *expectation* dan yang kedua adalah *goal setting* dan apa yang dikenali sebagai *self regulation* dari *reinforcement* (Bandura dalam Feldman, 1983). Teori ini ditunjukkan gambar rajah 2.11.




*Rajah 2.14.* Sumber: Bandura dalam Feldman, 1983 *Summary of the social learning theory model of motivation and its determinants*

Teori pembelajaran social (Feldman, 1983) menegaskan bahawa hasil pengalaman dan pengamatan personal pada pengalaman yang lain, pembangunan manusia bergantung pada: (1) kemampuannya untuk melaksanakan tugas dengan berjaya dalam pelbagai jenis tingkah laku; dan (2) kemungkinan yang hendak dicapai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam pelbagai tingkah laku akan diikuti oleh nilai-nilai yang akan masuk dari hasil yang hendak dicapai. Bahagian pertama dari jangkaan berkaitan dengan kemampuan seseorang untuk mencapai prestasi kerja dengan jayanya adalah disyorkan sebagai *efficacy expectations*. Bahagian kedua, melakukan sesuatu dengan persepsi dari hubungan yang baik antara perilaku dan tujuan yang dihasilkan yang dikenali sebagai *outcome exspectation*. Hubungan antara komponen *social learning theory* dan *expectancy theory* cukup jelas. Ekspektansi teori digerakkan langsung oleh usaha menuju prestasi (*Effort Performance*) dan disebut *expectancy theory* (Feldman, 1983). Keduanya menunjukkan kepercayaan seseorang bahawa ia akan berjaya atau menunjukkan prestasi kerja yang baik dan berjaya.

Berdasarkan penjelasan terhadap motivasi kerja dan faktor-faktor yang mempengaruhinya boleh membuktikan bahawa motivasi kerja adalah dorongan yang ada pada diri individu untuk mencapai matlamat kerja dengan menunjukkan keinginan, perhatian dan kemahuan individu untuk menyelesaikan tugas-tugas dan tanggungjawabnya.

Kajian mengenai prestasi kerja pegawai telah banyak dilakukan, baik di institusi pendidikan mahupun di syarikat-syarikat swasta. Samsudin (2006), meneliti tentang pengaruh tingkat pendidikan, latihan, motivasi, pengalaman kerja, sikap loyal dan budaya kerja secara bersama-sama terhadap prestasi kerja ketua-ketua kampung di daerah Katingan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan, latihan, motivasi, pengalaman kerja, sikap loyal dan budaya kerja secara bersama-sama mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi kerja ketua-ketua kampung.

Di samping itu, Wardan (2003) telah melakukan pelaksanaan model pengukuran prestasi di Daerah Tampin. Hasil kajian menyimpulkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pelaksanaan model adalah mudah dilaksanakan, tetapi memerlukan dana yang mencukupi. Sedangkan Ballout (2009) mengkaji tentang analisis hubungan efikasi kendiri terhadap prestasi kerja diselesaikan oleh efikasi kendiri. Hasil kajian ini menunjukkan strategi kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap efikasi kendiri. Demikian juga efikasi kendiri mempunyai pengaruh positif dan signifikan terhadap prestasi kerja, dan terakhir adalah bahawa efikasi kendiri sebagai pengantara hubungan antara kepimpinan instruksional dengan kejayaan prestasi kerja.

## 2.14 Kesimpulan

Guru Besar yang berkesan seharusnya menggerakkan organisasinya berlandaskan kepada tugas asas mereka dan tidak kepada aspek lain. Kebanyakan sekolah dan guru besar pada masa kini terbabit dengan pelbagai aktiviti sehingga mereka tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya, jadi tidak hairanlah banyak sekolah pada masa kini bergerak dalam keadaan *'mediocre'*. Jadi kemampuan guru besar memimpin organisasi sekolah terletak kepada kecekapan guru besar menyusun dan melaksanakan kerja-kerja mengikut keutamaan dengan menjadikan visi dan misi Kementerian Pelajaran sebagai matlamat utama (Chen, 2017 ; Norsilawati, 1998). Kejayaan dan kecemerlangan yang diperolehi dalam bidang pendidikan tidak seharusnya mempunyai batasan. Ia tidak harus dikaitkan dengan faktor latar belakang sosioekonomi, budaya, ras ataupun faktor lokasi. Menurut (Hussein Mahmood, 2016 ; Norsilawati, 1998), kegagalan dan pencapaian yang rendah tidak boleh menyalahkan faktor-faktor tersebut. Peningkatan kualiti dan kecemerlangan pendidikan tidak berlaku begitu sahaja. Ia perlu dirancang, dinilai dan dikawal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berpandukan kepada matlamat yang telah ditetapkan. Guru besar selaku pemimpin sekolah seharusnya tahu dan faham zon mana dalam organisasi sekolah yang harus diberi perhatian istimewa atau didahulukan sama ada zon bilik darjah di mana berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran ataupun zon pandangan seluruh sekolah yang mementingkan proses perancangan, pemantauan dan pembahagian sumber dilaksanakan. Kepemimpinan guru besar dijangkakan akan jadi lebih berkesan dengan adanya kesedaran efikasi kendiri yang tinggi dengan mengamalkan gaya kepimpinan instruksional yang berkesan dan seterusnya disusuli dengan prestasi kerja yang cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pengenalan

Bab ini menumpukan kepada perkara-perkara utama yang akan dibincangkan meliputi semua aspek berkaitan dengan prosedur kajian ini dijalankan iaitu, reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian. Seterusnya turut dibincangkan ialah instrumen kajian yang digunakan, kajian rintis yang akan dijalankan, kebolehpercayaan dan kesahan alat ukur, prosedur atau tatacara pengumpulan data yang akan dilaksanakan dan akhirnya kaedah penganalisisan statistik terhadap data-data yang diperolehi.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah prosedur spesifik dalam proses membuat kajian, mengutip data, menganalisis data dan menulis laporan kajian (Creswell, 2012). Reka bentuk kajian berasakan tinjauan deskriptif melalui soal selidik digunakan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menganalisis perbezaan pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar dan seterusnya menganalisis perbandingan tahap efikasi kendiri guru besar berdasarkan pengalaman, gender, akademik dan lokasi sekolah. Reka bentuk tinjauan deskriptif sesuai untuk mengenalpasti hubungan dan pengaruh amalan kepimpinan instruksional guru besar yang meramal terhadap prestasi kerja serta menilai hubungan antara kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri dengan prestasi kerja (Creswell, 2012). Tinjauan deskriptif juga membolehkan pengkaji menerangkan hubungan sesuatu variabel dengan variabel yang lain (Johnson & Christensen, 2004). Gay dan Diehl (1992) juga berpendapat bahawa reka bentuk tinjauan deskriptif bertujuan menguji hipotesis atau menjawab persoalan berkaitan situasi semasa bagi subjek kajian, mengenal pasti pengaruh antara dua pemboleh ubah atau lebih dan. menggunakan bentuk hubungan ini untuk membuat ramalan. Kumar (1999) berpendapat bahawa reka bentuk tinjauan sesuai untuk menerangkan keadaan atau kejadian semasa. Johnson & Christensen (2004) bersetuju bahawa *survey design is the more appropriate to gather several kinds of data in a broad size to achieve the objective of the study*. Dalam perkara yang sama Best dan Kahn (2003) mempertahankan bahawa reka bentuk tinjauan deskriptif adalah berkaitan dengan keadaan atau tahap prestasi yang wujud, pandangan yang ditimbulkan, proses yang sedang berlaku, kesan yang terbukti atau sesuatu trend yang sedang membangun.

Berdasarkan kepada objektif dan soalan kajian terdapat empat fokus utama kajian, iaitu:

1. Menganalisis perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2. Menganalisis perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja berdasarkan gender, kelayakan akademik, lokasi sekolah dan pengalaman responden.
3. Menganalisis hubungan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak.
4. Mengenalpasti pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional guru besar terhadap prestasi kerja.

Untuk memenuhi fokus awal kajian ini, reka bentuk deskriptif akan digunakan. Reka bentuk ini dilihat sesuai untuk memberikan gambaran komprehensif terhadap pemboleh ubah yang dikaji iaitu berkaitan dengan konstruk-konstruk pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional mempengaruhi prestasi kerja. Tahap setiap satu konstruk tersebut juga boleh dikenalpasti menggunakan petunjuk seperti min, sisihan piawai dan peratusan. Reka bentuk deskriptif juga dapat memberikan gambaran terhadap faktor-faktor yang dilihat boleh mempengaruhi guru besar iaitu faktor demografi, korelasi antara pengalaman kepimpinan guru besar, efikasi kendiri dan prestasi kerja. Bagi fokus kajian ini, reka bentuk korelasi digunakan kerana kelebihan kajian korelasi dapat menentukan hubungan atau menggunakan hubungan untuk membuat ramalan (Gay, 1992). Hubungan kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru besar terhadap prestasi kerja pula akan menggunakan analisis regresi untuk mengukur sumbangan pemboleh ubah tidak bersandar terhadap kedua-dua pemboleh ubah bersandar.

Prosedur kajian akan bermula dengan pengenalpastian objektif-objektif penyelidikan diikuti pembinaan instrumen kajian. Jawapan oleh responden akan membantu pengkaji untuk memiliki satu pemahaman yang lebih baik dan mengenal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pasti hubungan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan seterusnya memahami sejauh mana pengaruhnya terhadap prestasi kerja.

### 3.3 Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini ialah terdiri daripada 313 orang guru besar daripada sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan (Cina) yang terdiri daripada kategori sekolah bandar,luar bandar dan pedalaman zon tengah Sarawak iaitu, daerah Sibu, Selangau, Sarikei, Julau, Meradong, Kanowit, Song dan Kapit. Bagi tujuan kajian ini, guru-guru besar dan sekolah-sekolah di mana kajian ini dijalankan tidak dinyatakan secara spesifik mengikut daerah kerana mematuhi etika dalam menjalankan penyelidikan. Populasi keseluruhan kajian terhadap guru besar ini adalah seperti pecahan berikut: Sibu (94), Selangau(21), Sarikei(50), Julau (33), Meradong(18), Kanowit(35), Song(17) dan Kapit(45).

Jumlah guru besar yang dipilih sebagai sampel kajian ini ialah seramai 200 orang. Kriteria lokasi pemilihan sekolah sama ada bandar atau luar bandar atau pedalaman tidak diambil kira dalam kajian ini kerana ianya didapati tidak mempengaruhi aspek efikasi dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar (Boyatzis, 2001; Goleman, 1999). Rasional penyelidik memilih 200 orang guru besar sebagai responden yang dipilih kerana mengikut (Ranjit Kumar, 2005**;** Sekaran, 2003), saiz sampel melebihi 150 adalah sesuai untuk kebanyakan kajian yang berbentuk tinjauan deskriptif dan bagi Gay dan Diehl (1992) jumlah ini juga mencukupi untuk kajian korelasi dan perbandingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bagi kajian ini, kaedah tinjauan secara rawak berstrata mengikut lokasi sekolah iaitu, bandar, luar bandar dan pedalaman. Apabila melakukan persampelan, kerangka persampelan adalah perlu (Johnson & Christenen, 2004). Persampelan secara rawak berstrata sesuai dilakukan bagi populasi yang tidak seragam kerana kaedah ini dapat mengurangkan ralat persampelan, mengurangkan variasi dan memberi anggaran yang lebih tepat (Johnson & Christenen, 2012).

## 3.4 Pengiraan Sampel Kajian

Jadual 3.1

*Jadual Persampelan Kajian Mengikut Lokasi*

| Lokasi | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| Bandar | 22 | 12.4 |
| Luar Bandar | 89 | 50.0 |
| Pedalaman | 67 | 37.6 |
| Jumlah | 178 | 100 |

Berdasarkan jadual 3.1 di atas jumlah sampel yang dipilih ialah sebanyak 178 soal selidik yang diterima daripada 200 soal selidik yang telah diedarkan. Sampel ini dipilih secara rawak berstrata berkadaran berdasarkan lokasi sekolah, yang terdiri daripada sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan bandar (12.4%), luar bandar (50%) dan pedalaman(37.6%). Jumlah sampel ini adalah merupakan jumlah yang memadai (Sekaran, 2003). McMillan (2004) menyatakan kadar pulangan yang baik sekurang-kurangnya melebihi 55%. Krecjie dan Morgan (1970) juga mencadangkan bahawa bilangan persampelan  384 boleh diterima dan sesuai untuk populasi kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1,000,000 atau lebih. Sehubungan itu, sebanyak 200 set soal selidik telah diedarkan kepada guru besar dan sebanyak 178 atau 89% sampel berjaya dikutip semula.

Secara keseluruhannya persampelan rawak berstrata ini adalah bersesuaian dengan kajian, memberikan maklumat yang terperinci dan efisien kerana dengan saiz sampel yang sama terdapat wakil daripada semua populasi guru besar di Malaysia. Pemilihan sampel seramai 200 orang juga bertepatan dengan formula yang dicadangkan oleh Cochrane (1977). Jumlah sampel sebanyak 200 orang juga adalah mencukupi berdasarkan cadangan daripada Roscoe (1975) yang menyatakan bahawa sampel di antara 30 hingga 500 orang adalah bersesuaian dalam sesuatu kajian.

Menurut Sekaran (2003), jika saiz sampel terlalu besar iaitu melebihi 500 boleh menyebabkan kesilapan dalam mentafsir keputusan kajian kerana saiz sampel yang terlalu besar boleh menghasilkan perkaitan yang signifikan walaupun perkaitannya terlalu kecil dan tidak praktikal. Jadual 3.1 menunjukkan persampelan kajian ini. Bilangan 200 orang responden digunakan setelah mengambil kira peratusan pengembalian soal-selidik melalui pos dan mengambil kira masalah *outliers*, soal-selidik yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat untuk dianalisis. Bilangan sampel kajian ini yang boleh dianalisis adalah seramai 178 atau 89% daripada jumlah sampel yang dipilih.

## 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah medium yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat untuk menjawab soalan kajian (Cohen, Manion & Morrison, 2000; McMillan & Schumacher, 2006). Alat kajian atau instrumen yang digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kajian ini adalah soal selidik. Creswell (2012) mengatakan bahawa alat kajian yang boleh digunakan untuk sesuatu kajian ialah alat kajian sedia ada, alat kajian yang diubah suai, alat kajian yang digabungkan, dan alat kajian yang dibina sendiri.

Soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan meningkatkan kejayaan penyelidikan. Soal selidik merupakan instrumen yang cekap kerana banyak data dapat dikumpul dalam masa yang singkat (Sekaran, 2003). Creswell (2012) berpendapat bahawa penggunaan soal selidik adalah amat berkesan jika disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Soal selidik juga merupakan satu cara paling mudah untuk memperolehi maklumat dan mempunyai lebih kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha mendapatkan maklumat kuantitatif dan kualitatif. Selain itu, soal selidik juga amat sesuai untuk mendapatkan reaksi daripada responden yang jauh dengan pengawasan yang minimum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik (Lihat Lampiran A). Penggunaan soal selidik merupakan alat pengumpulan data yang banyak digunakan dalam kajian kepimpinan pendidikan. Soal selidik berupaya mengumpul data secara terperinci, tersusun dan piawai. Alat ukur ini mudah ditadbir. Selain menjimatkan masa, tenaga, minda dan wang pada masa proses pengumpulan data dilakukan. Soal selidik sesuai digunakan dalam penyelidikan yang mensasarkan saiz populasi yang besar, corak yang bertabur, kesuntukan logistik dan kesuntukan masa. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini menggunakan skala Likert. Skala Likert digunakan kerana bilangan kategori untuk setiap pemboleh ubah adalah lima.

Pemilihan soal selidik untuk kajian ini dibuat berasaskan pandangan McMillan dan Schumacher (2006) yang mengatakan penyelidik perlu membuat pertimbangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sama ada ingin membina sendiri soal selidik atau mengadaptasi soal selidik sedia ada.Menurut beliau, sekiranya bidang yang dikaji belum ada soal selidik maka penyelidik perlu membina sendiri soal selidik untuk tujuan tersebut. Sebaliknya jika bidang yang dikaji sudah ada soal selidik, penyelidik digalakkan menggunakan atau mengubahsuai soal selidik tersebut kerana boleh menjimatkan masa dan kewangan. Menurut beliau lagi, soal selidik sedia ada juga biasanya mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Atas alasan inilah maka penyelidik mengubahsuai soal selidik sedia ada untuk mengukur pengalaman pembangunan kepimpinan, efikasi kendiri guru besar dan keberkesanan sekolah.

Soal selidik dipilih sebagai instrumen kerana sifatnya yang mudah difahami oleh responden dan boleh melibatkan ramai responden. (Cohen, Manion & Marison, 2011). Soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang lebih tinggi kerana ketepatan dan kebenaran maklumat yang diberikan oleh responden tidak dipengaruhi oleh penyelidik dan dapat meminimumkan bias peribadi penyelidik (Sekaran, 2003).

Soal selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian. Bahagian A mengandungi item berkaitan maklumat demografi. Bahagian B mengandungi item-item dimensi tahap efikasi kendiri guru besar. Bahagian C mengandungi item-item dimensi tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar dan Bahagian D mengandungi item-item dimensi tahap prestasi kerja guru besar.

### 3.5.1 Bahagian A: Demografi

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat beberapa ciri demografi responden iaitu (i). Maklumat sekolah; daerah, gred sekolah, gred purata sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(GPS), dan lokasi sekolah. (ii). Maklumat peribadi responden; jantina, bangsa, kelayakan akademik, pengalaman kerja dan pengalaman sebagai guru besar di sekolah semasa. Dalam bahagian demografi mengandungi ruang pilihan tanda (/) bagi maklumat berkaitan.

### 3.5.2 Bahagian B: Tahap Efikasi Kendiri Guru Besar

Bahagian B dibahagikan kepada tiga bahagian mengandungi 18 item iaitu, i. Efikasi pengurusan tugas, ii. Efikasi pengurusan kepimpinan instruksional dan iii. Efikasi pengurusan kepimpinan moral. Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan instrument yang diadaptasi daripada *The Principal Sense of Efficacy Scale* ( Tschannen-Moran dan Gareis, 2004) untuk menganalisis tahap efikasi kendiri guru besar. Instrumen ini adalah berbentuk soal selidik yang akan dijawab oleh 200 orang responden(guru besar) di Zon Tengah Sarawak. Instrumen PSES direka khas bagi guru besar untuk menilai kebolehan mereka dalam efikasi kepimpinan instruksional, efikasi pengurusan tugas dan efikasi kepimpinan moral di sekolah. Instrumen *The Principal Sense of Efficacy Scale* (Tschannen-Moran dan Gareis, 2004) dibahagikan kepada tiga faktor efikasi kendiri yang dinilai melalui skala Likert diadaptasi daripada (Nemoto, & Beglar, 2014) iaitu, efikasi kepimpinan instruksional, efikasi pengurusan tugas dan efikasi kepimpinan moral. Setiap faktor diwakili 6 item soalan menjadikan jumlahnya 18 item. Semua sampel item dimulakan dengan prasa "sebagai guru besar, sejauh manakah anda boleh….?"(Tschannen-Moran dan Gareis, 2004). Analisis ini menggunakan skala Likert yang diberi skor 1 hingga 5 di mana 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak setuju, 3= Kurang setuju, 4= Setuju, 5= Sangat setuju (Tscannen-Moran & Gareis,2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Semua soal selidik ini dijawab oleh guru besar sebagai responden yang dipilih. Walaupun instrumen ini dibuktikan sesuai dari segi kebolehpercayaan dan kesahannya, bagi mengatasi masalah silang budaya yang berkemungkinan dihadapi kerana kajian ini bergantung sepenuhnya kepada soal selidik yang dibentuk di negara barat, maka kaedah terjemahan *back to back* dan *google translation* dilakukan oleh beberapa orang guru pakar bahasa sekolah menengah dari SMK Kanowit, Sarawak yang telah dilantik oleh penyelidik.

### 3.5.3 Bahagian C: Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar

Instrumen kedua digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) yang dipelopori oleh Hallinger (1983). Instrumen PIMRS digunakan untuk menganalisis sejauh mana amalan kepimpinan instruksional guru besar mempengaruhi prestasi kerja. Tiga dimensi kepimpinan instruksional akan diuji menggunakan skala Likert iaitu, mendefinisikan misi sekolah, mengurus program instruksional dan mempromosikan iklim pembelajaran yang positif ( Hallinger, (1983, 1999, 2008). Setiap dimensi dipecahkan kepada 10 fungsi elemen kepimpinan instruksional iaitu, i.Merangka matlamat sekolah, ii.Menyampaikan matlamat sekolah, iii.Menyelia dan menilai instruksional, iv.Menyelaras kurikulum, v.Memantau perkembangan murid, vi.Mengawal masa instruksional, vii.Mengekalkan ketampakan yang tinggi, viii.Memberi ganjaran kepada guru, ix.Mempromosi program pembangunan profesional staf, x.Memberi insentif kepada pelajar.Aspek ini melibatkan 50 item soal selidik amalan kepimpinan instruksional. Setiap item dianalisis berdasarkan skor 1 hingga 5 mengikut skala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Likert diadaptasi daripada Nemoto & Beglar,( 2014) iaitu, 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak setuju, 3= Kurang setuju, 4= Setuju, 5= Sangat setuju ( Hallinger, 2008).

### 3.5.4 Bahagian D: Tahap Prestasi Kerja Guru Besar

Instrumen ketiga ini merupakan instrumen digunakan untuk mengukur prestasi kerja yang di adaptasi daripada *Personality Inventory Performance NEO-3* ( McCrae dan Costa, 2010) dan gabungan dengan instrumen *The Principal Sense of Efficacy Scale* (Tschannen-Moran dan Gareis, 2008). Penggabungan instrumen ini sesuai digunakan kerana terdapat persamaan unsur-unsur item soal selidik yang berkaitan. Instrumen ini digunakan untuk menganalisis tahap prestasi kerja guru besar dan mengenalpasti sejauh manakah hubungannya dengan efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional guru besar. Tiga dimensi prestasi kerja akan diukur melalui skala Likert iaitu, i. Prestasi kerja amalan kepimpinan instruksional, ii. Dimensi prestasi kerja pengurusan tugas, iii. Dimensi prestasi kerja kepimpinan moral. Dimensi prestasi kerja pengurusan tugas mengandungi 7 item soal selidik, dimensi prestasi kerja amalan kepimpinan instruksional 7 item, dan prestasi kerja kepimpinan moral mengandungi 9 item soal selidik. Setiap item soalan soal selidik diperuntukkan skor 1 hingga 5 mengikut skala Likert diadaptasi daripada (Nemoto, & Beglar, 2014) iaitu, 1= Sangat tidak setuju, 2= Tidak setuju, 3= Kurang setuju, 4= Setuju, 5= Sangat setuju.

## 3.6 Kajian Rintis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian rintis dijalankan untuk mendapat maklum balas mengenai ketepatan dan kejelasan instrumen kajian serta kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Menurut Chua Yan Piaw (2006) kajian rintis melibatkan sebilangan responden yang kecil untuk menguji kesesuaian soalan dan kefahaman mereka. Chua Yan Piaw (2006) juga menjelaskan bahawa kajian rintis merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar. Kajian rintis perlu dilaksanakan untuk menilai ciri-ciri psikometrik item-item yang dibina dan memurnikan alat kajian untuk kegunaan dalam kajian sebenar. Dari segi instrumen kajian, hasil kajian rintis ini akan membantu menentukan aspek kebolehpercayaan alat kajian, kesahan kriteria, kesahan gagasan, kesesuaian, ketepatan dan kejelasan item yang dipilih, dapat melihat jika terdapat soalan yang mengelirukan dan juga kejelasan arahan yang diberikan dalam soal selidik. Kajian rintis akan membantu penyelidik mengenal pasti tahap kebolehlaksanaan dan kemunasabahan sesuatu kajian utama yang akan dijalankan.

Dalam aspek pengurusan instrumen pula, kajian rintis dapat membantu pengkaji menentukan kesesuaian masa yang diperuntukkan untuk menjawab soal selidik, kejelasan arahan dalam pelaksanaannya, pengurusan mentadbir soal selidik berjalan lancar dan melihat sama ada responden selesa dan berminat menyempurnakan soal selidik.

Bilangan sampel untuk kajian rintis mesti melebihi 20 orang (McMillan & Schumacher, 2006). Pengkaji menjalankan kajian rintis melibatkan seramai 30 orang guru besar dari Bahagian Miri, Sarawak. Soal selidik telah ditadbir kepada responden yang terdiri daripada guru besar yang telah berkhidmat sebagai guru besar lebih 3 tahun. Pemilihan sampel kajian rintis dibuat secara rawak. Kajian rintis ini dijalankan pada bulan 16 Jun 2016 setelah mendapat kebenaran daripada EPRD (05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Mei 2016) dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak (30 Mei 2016). Kajian rintis ditadbir seperti pengumpulan data kajian sebenar untuk mengkaji kecekapan pengurusan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

### 3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian menentukan ketekalan instrumen mengukur sesuatu konsep (Nunally,1978; Sekaran, 2003). Sebelum menilai ketekalan dalaman instrumen kajian, matriks antara korelasi dilakukan bagi setiap dimensi untuk memastikan sejauh mana sesuatu trait yang sama wujud dalam setiap item. Korelasi antara item yang rendah menunjukkan bahawa item-item yang tidak sesuai digunakan dalam instrumen. Oleh itu, item-item yang mempunyai korelasi yang rendah (kurang daripada 0.3) dengan item-item dalam ukuran perlu dikeluarkan sebelum analisis kebolehpercayaan (Hair, 1995).

Menurut Nunally (1978) nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang boleh diterima adalah 0.7 untuk instrumen yang baru dibina. Pada asasnya, kebolehpercayaan merujuk kepada darjah pengukuran di mana satu set alat ukur akan mengukur apa yang perlu diukur secara konsisten (Gay, 1992). Untuk mengukur kebolehpercayaan item kajian, ujian *Alpha Cronbach* akan digunakan.

Menurut Sekaran (2003), *Alpha Cronbach* merupakan pekali kebolehpercayaan yang dapat menunjukkan bagaimana item-item dalam soal selidik berhubung antara satu sama lain. Jika nilai *Alpha Cronbach* menghampiri 1.0 bermakna kebolehpercayaan adalah tinggi, baik dan berkesan. Nilai *Alpha Cronbach* yang kurang daripada 0.6 bermakna lemah dan tidak diterima, nilai *Alpha Cronbach*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


di antara 0.6 hingga 0.7 boleh diterima dan nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.8 adalah sangat baik. Oleh sebab kajian ini menggunakan instrumen kajian dan juga terdapat item-item yang diubah suai oleh pengkaji. Oleh itu, nilai *Alpha Cronbach* 0.7 akan diterima untuk pengukuran nilai kebolehpercayaan.

### 3.7.1 Kesahan Muka

Ujian Multicollinearity bertujuan untuk menguji kewujudan korelasi antara pemboleh ubah bebas dalam model regresi. Model regresi yang baik tiada korelasi antara pemboleh ubah bebas. Jika pemboleh ubah bebas saling berkorelasi, maka pemboleh ubah ini tidak ortogonal. Pemboleh ubah ortogonal adalah pemboleh ubah bebas yang nilai korelasi antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas adalah sama dengan nol. Dalam kajian ini, *Varian Inflation Factor (VIF)* dan *tolerence* digunakan sebagai ukuran bagi mengenal pasti kewujudan masalah *multicollinearity* antara pemboleh ubah dalam persamaan regresi yang dibentuk. Masalah *multicollinearity* berlaku dalam VIF adalah lebih besar daripada nilai 4 dan nilai *tolerence* kurang daripada 0.20 (Hishamuddin et. al., 2007).

Jadual 4.40

*Nilai Tolerence Dan VIF Pemboleh Ubah Bebas*

| Bil | Pemboleh ubah | Tolerance | VIF |
|---|---|---|---|
| 1 | Efikasi Kendiri | .465 | 2.152 |
| 2 | Kepimpinan Instruksional | .465 | 2.152 |


Berdasarkan jadual 4.40, hasil ujian *multicollearity* menunjukkan nilai *Tolerance* untuk kesemua pemboleh ubah bebas lebih besar daripada 0.20. Manakala nilai VIF adalah kurang daripada 4. Oleh itu, didapati pemboleh ubah bebas tidak memiliki masalah *multicollearity*

## 4.15 Ujian Heteroscedasticity

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Ujian *Heteroscedasticity* dijalankan untuk menguji sama ada model model regresi terjadi ketidaksamaan *variance* dari residual satu pengamatan ke pengamatan yang lain. Jika *variance* dari residual satu pengamatan ke pengamatan lain tetap disebut *Homocedasticity* dan jika berbeza atau tidak tetap disebut *heteroscedasticity*. Model regresi yang baik adalah *Homocedasticity* dan tidak terjadi *heteroscedasticity*.




*Rajah 4.1.* Plot regresi Normal Skor Prestasi Kerja

Rajah 4.1 menunjukkan titik-titik berkumpul dan tersebar secara majmuk di atas dan bawah angka 0. Maka tidak terjadi *Heteroscedasticity* pada model regresi. *Variance* dari residual satu pengamatan ke pengamatan yang lain adalah tetap iaitu *Homocedasticity*.


## 4.16 Ujian Linearity (Residual)

Ujian *linearity* (residual) dapat dikenalpasti dengan melihat penyebaran data pada garis diagonal dari grafik atau dengan melihat histogram dari residual. Data yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tersebar di sekitar garis diagonal dan mengikuti arah garis diagonal atau grafik histogramnya menunjukkan pola tersebar normal. Dengan ini model regresi memenuhi syarat normality. Data yang tersebar jauh dari diagonal atau tidak mengikuti arah garis diagonal atau grafik histogram tidak menunjukkan pola tersebar normal.Keadaan ini menyebabkan model regresi tidak memenuhi syarat normality.




*Rajah 4.2*. Plot Taburan Skor Prestasi Kerja

Rajah 4.2 menunjukkan data tersebar dan mengikut arah garis diagonal. Hal ini menunjukkan bahawa pola penyebaran data adalah normal dan model regresi telah memenuhi syarat normality.

## 4.17 Ujian Regresi Pelbagai Efikasi Kendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Analisis regresi pelbagai dilaksanakan untuk menentukan pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap efikasi kendiri guru besar. Keputusan ujian regresi pelbagai ditunjukkan dalam jadual 4.41.

Jadual 4.41

*Keputusan Analisis Ujian Regresi Pelbagai Pemboleh Ubah Peramal Efikasi Kendiri dan Kepimpinan Instruksional terhadap Prestasi Kerja Guru Besar*

**Ringkasan Model [b]**

| Model | R | $R^2$ | $R^2$ Terselaras | Ralat Piawai Peramal |
|---|---|---|---|---|
| 1 | .741[a] | .549 | .543 | .22950 |

a. Peramal: Efikasi Kendiri dan Kepimpinan Instruksional

b. Pemboleh ubah bersandar: Prestasi Kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis regresi pelbagai telah menunjukkan peramal efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional telah mempengaruhi sebanyak 54.9% ke atas perubahan varian dalam prestasi kerja [R=0.741, $R^2$ = 0.549, $R^2$ terselaras = 0.543, F (106.35, p<0.05]. Dapatan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.41 menunjukkan peramal efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional merupakan peramal kepada prestasi kerja guru besar.

Jadual 4.42

*Pemboleh ubah bersandar: Prestasi Kerja*

**Ringkasan Model [b]**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Ringkasan Model [b]**

| Model | B | Sig |
|---|---|---|
| Kepimpinan Instruksional | 0.648 | 0.000 |
| Efikasi Kendiri | 0.120 | 0.109 |

Daripada jadual 4.42 menunjukkan hanya kepimpinan instruksional mempengaruhi sebanyak 64% ke atas varians prestasi kerja. Perkara ini menjelaskan bahawa apabila kepimpinan instruksional 1 unit, prestasi kerja guru besar akan bertambah sebanyak 0.648 unit. Dapatan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.42 menunjukkan peramal kepimpinan instruksional merupakan peramal kepada prestasi kerja guru besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.43

*Keputusan Analisis Ujian Regresi Pelbagai Pemboleh Ubah Peramal Efikasi Kendiri terhadap Kepimpinan Instruksional Guru Besar*

**Ringkasan Model [b]**

| Model | R | $R^2$ | $R^2$ Terselaras | Ralat Piawai Peramal |
|---|---|---|---|---|
| 1 | .730[a] | .533 | .530 | .20892 |

a. Peramal: Efikasi Kendiri

b. Pemboleh ubah bersandar: Kepimpinan Instruksional

Analisis regresi pelbagai telah menunjukkan peramal efikasi kendiri telah mempengaruhi sebanyak 53.3% ke atas perubahan varian dalam kepimpinan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


instruksional [R=0.730, $R^2$ = 0.533, $R^2$ terselaras = 0.530, F (202.90, p<0.05]. Perkara ini menjelaskan bahawa apabila kepimpinan instruksional 1 unit, prestasi kerja guru besar akan bertambah sebanyak 0.533 unit. Nilai R berganda terselaras menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian adalah 0.530, p<.05.

Dapatan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.42 dan 4.43 menunjukkan peramal efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional merupakan peramal kepada prestasi kerja guru besar. Keputusan analisis regresi pelbagai menunjukkan "Ho5 :Tidak terdapat pengaruh efikasi kendiri guru besar terhadap kepimpinan instruksional" ditolak pada aras signifikan p<0.05.

**Rumusan**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini telah membincangkan analisis terhadap dapatan yang diperolehi daripada kajian ini. Objektif kajian tercapai dengan mengukur serta menjawab soalan dan hipotesis kajian seperti dalam jadual 4.44.

Jadual 4.44

*Rumusan Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian*

| Bil | Hipotesis nol Kajian | Jenis Ujian Statistik | Keputusan |
|---|---|---|---|
| 1 | Ho1:Tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender. | Ujian t | Ditolak |
| 2 | Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan instruksional berdasarkan gender. | Ujian t | Ditolak |
| 3 | Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan prestasi kerja berdasarkan gender. | Ujian t | Ditolak |
| 4 | Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri, | Ujian Korelasi Pearson | Ditolak |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | | |
|---|---|---|---|
| | kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak. | | |
| 5 | Ho5 : Tidak terdapat pengaruh efikasi kendiri guru besar terhadap kepimpinan instruksional. | Regresi Pelbagai | Ditolak |

Rumusannya, dapatan keseluruhan keputusan pengujian hipotesis ditunjukkan dalam jadual 4.44 mendapati bahawa hipotesis nol pertama yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender adalah ditolak. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender guru besar. Hipotesis nol kedua yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan instruksional berdasarkan gender juga ditolak. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan instruksional berdasarkan gender dalam kalangan guru besar. Begitu juga hipotesis nol yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan prestasi kerja berdasarkan gender adalah ditolak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan prestasi kerja berdasarkan gender dalam kalangan guru besar. Seterusnya, hipotesis nol yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan dan pengaruh yang signifikan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar juga ditolak. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh yang kuat antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja di kalangan guru besar di zon tengah Sarawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 5

# RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

## 5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir bagi kajian yang dilakukan. Dalam bahagian ini penulis membuat rumusan terhadap kajian, pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Seterusnya perbincangan berkaitan batasan kajian yang dihadapi serta mengemukakan cadangan terhadap organisasi sekolah dan penyelidikan akan datang dan akhirnya sedikit kesimpulan berkaitan kajian yang dilaksanakan.

## 5.2 Perbincangan Keputusan Kajian

Secara khusus, kajian ini menjawab enam persoalan kajian seperti yang digariskan dalam Bab 1: (1) Adakah terdapat perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar? (2)Adakah terdapat perbezaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman responden? (3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan instruksional berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman responden? (4) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan prestasi kerja berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman responden? (5) Adakah terdapat hubungan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar? (6) Adakah terdapat pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional guru besar terhadap prestasi kerja?

Dalam usaha untuk menyediakan jawapan kepada setiap persoalan kajian, kajian ini dirangka untuk mengkaji pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Secara khusus, kajian ini mengkaji perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Seterusnya, mengenalpasti perbezaan efikasi kendiri berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman guru besar. Selanjutnya, mengenalpasti perbezaan kepimpinan instruksional berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman guru besar. Kajian ini juga mengenalpasti perbezaan prestasi kerja berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman responden. Akhirnya, untuk mengenalpasti hubungan dan pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar.

Hasil kajian penyelidikan ini secara khususnya menyokong hubungan hipotesis dalam kerangka penyelidikan yang dicadangkan. Khususnya, kajian ini mendapati prestasi kerja dipengaruhi oleh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional**.** Di samping itu, efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional merupakan peramal kepada prestasi kerja guru besar**.** Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


prestasi kerja berdasarkan gender dalam kalangan guru besar. Hasil kajian juga menunjukkan hubungan antara efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar adalah tinggi. Akhirnya, kajian juga menunjukkan bahawa terdapat pengaruh efikasi kendiri guru besar terhadap kepimpinan instruksional. Perbincangan terperinci mengenai bagaimana keputusan empirikal memberikan jawapan kepada soalan-soalan penyelidikan dibentangkan dalam sub-bahagian yang berikut.

## 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

### 5.3.1 Adakah Terdapat Perbezaan Efikasi Kendiri, Kepimpinan Instruksional Dan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru Besar?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kajian telah dibuat untuk mengkaji perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan untuk mengesan perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar adalah terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan berdasarkan andaian bahawa terdapat perbezaan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar.

Seperti yang dijangka, keputusan kajian ini menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempunyai perbezaan yang signifikan ke atas amalan kepimpinan instruksional. Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi amalan kepimpinan instruksional maka semakin tinggi efikasi kendiri dalam kalangan guru besar di mana $r(178)=0.732$, $P<0.05$. Hasil kajian terdahulu mendapati bahawa guru besar yang berefikasi tinggi berjaya meningkatkan jangkaan untuk guru-guru dan pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(Tschannen-Moran & Gareis, 2004; Ahn, Bong, & Kim, 2016; Baier, Markman, & Pernice-Duca, 2016 ; Zee, & Koomen, 2016). Guru besar yang berefikasi tinggi juga telah dikaitkan dengan jangkaan peningkatan amalan kepimpinan instruksional seluruh sekolah yang menggalakkan pencapaian pelajar (Bandura, 1977; Tschannen-Moran & Gareis, 2004; Taylor, Jungert, Mageau, Schattke, Dedic, Rosenfield, & Koestner, 2014). Efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional merupakan elemen penting untuk kejayaan sesebuah sekolah (Bandura, 2009; Marzano, Waters, & McNulty, 2005). Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa pemimpin instruksional sekolah yang berkesan mempunyai efikasi yang lebih tinggi daripada pemimpin sekolah yang kurang berkesan (DeMoulin, 1993; Dimmock & Hattie, 1996).

Hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempunyai perbezaan yang signifikan ke atas prestasi kerja di mana $r(178)=0.594$, $P<0.05$**.** Kajian membuktikan bahawa semakin tinggi efikasi kendiri maka semakin tinggi prestasi kerjanya. Sehubungan itu, hasil kajian terdahulu mendapati bahawa efikasi kendiri mempunyai perkaitan dan kesan yang kuat ke atas prestasi kerja (Henson, 2001; Earley, 1994; Barr, 2002; Phan, 2014; Han, Farruggia, & Moss, 2017). Malah Gawerecki (2003) dalam meta analisis ke atas 114 kajian telah mensintesiskan bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara efikasi kendiri dengan prestasi kerja guru besar. Di samping itu juga individu yang memiliki efikasi kendiri dan prestasi kerja yang tinggi mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam apa yang dilakukannya dan meningkatkan usaha di saat menghadapi kegagalan, berfokus pada tugas dan memikirkan strategi dalam menghadapi kesulitan, cepat mengembalikan keyakinan setelah mengalami kegagalan, dan menghadapi tekanan atau ancaman dengan keyakinan bahawa mereka mampu mengawalnya (Bandura, 1997: Ghafoor, Qureshi, Azeemi & Hijazi, 2011; Ahn, Bong, & Kim, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hasil dapatan kajian Olusola (2011) dan Gawerecki (2003) dalam meta analisis ke atas 14 kajian telah mensintesiskan bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara efikasi kendiri dengan prestasi kerja guru besar. Di samping itu juga individu yang memiliki efikasi kendiri dan prestasi kerja yang tinggi mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam apa yang dilakukannya dan meningkatkan usaha di saat menghadapi kegagalan, berfokus pada tugas dan memikirkan strategi dalam menghadapi kesulitan, cepat mengembalikan keyakinan setelah mengalami kegagalan, dan menghadapi tekanan atau ancaman dengan keyakinan bahawa mereka mampu mengawalnya (Bandura, 1997: Ghafoor, Qureshi, Azeemi & Hijazi, 2011; Guccione, 2014).

Jelas sekali, dapatan tersebut mengesahkan teori kognitif sosial yang dipelopori oleh Bandura (1986) memberi satu konsep 'penentuan bersalingan' (*reciprocal determinism*). Teori ini mengandaikan bahawa cara manusia berfungsi dalam kehidupannya dipengaruhi oleh tiga elemen yang membentuk segi tiga iaitu: (a) faktor personal yang meliputi kognitif, perasaan dan unsur biologi, (b) tingkah laku individu dan (c) pengaruh persekitaran yang membentuk interaksi. Bandura(1986) menekankan bahawa kognitif berperanan penting untuk menentukan efikasi kendiri, aturan kendiri, informasi dan membentuk tingkah laku individu (Pajeras, 2002). Efikasi kendiri merupakan satu pengukuran yang digunakan sebagai satu ukuran terhadap pengawalan ke atas persekitaran. Penilaian terhadap efikasi kendiri lebih kepada tugasan, dan situasi tertentu (Pajeras, 1997) Keyakinan yang dimiliki dapat menjangkakan pencapaian prestasi kerja yang tinggi (Curtis 2013; Henson, 2001) serta dapat menjangkakan kualiti yang baik dalam kerjaya mereka pada masa akan datang. Seseorang yang kurang yakin atau ragu-ragu dengan kebolehpercayaan mereka selalunya memperolehi prestasi yang rendah dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pencapaian tugas dan tidak diterima oleh masyarakat (Pajeras, 2002). Walau bagaimanapun, menurut Pajeras (2002), adakalanya efikasi kendiri dan nilai jangkaan seseorang tidak konsisten. Efikasi kendiri yang tinggi tidak dapat menjangkakan tingkah laku yang konsisten dengan kepercayaan jika individu percaya bahawa hasil tingkah laku tersebut memberi kesan yang tidak diingini.

Kajian ini mempunyai hubungan dengan teori kognitif sosial (Pajeras, 2002) menyatakan efikasi kendiri berbeza mengikut pengalaman yang lalu, pengalaman yang mewakili, pujukan sosial, dan kesan emosi fisiologi (Goddard et al., 2000). Pengalaman lalu termasuklah pengalaman dalam kejayaan dan kegagalan seseorang individu. Pengalaman lalu mempengaruhi sifat timbal balik untuk mengukuhkan atau melemahkan persepsi efikasi kendiri. Pengalaman penguasaan atau *mastery experience* (Tschannen-Moran et al., 1998), atau tugas-tugas yang lebih mudah dikuasai, mengukuhkan efikasi kendiri. Oleh itu, akses kepada kejayaan adalah penting dalam meningkatkan tahap efikasi kendiri. Jika seseorang guru besar telah berjaya dalam bidang tertentu pada masa lalu, mereka mungkin percaya bahawa mereka akan berjaya dalam bidang yang sama pada masa akan datang.

Kesimpulannya, secara keseluruhan, hasil kajian jelas menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempunyai perbezaan yang signifikan ke atas amalan kepimpinan instruksional. Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi amalan kepimpinan instruksional maka semakin tinggi efikasi kendiri dalam kalangan guru besar. Seterusnya hasil dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempunyai perbezaan yang signifikan ke atas prestasi kerja. Kajian membuktikan bahawa semakin tinggi efikasi kendiri maka semakin tinggi prestasi kerjanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.2 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Efikasi Kendiri Berdasarkan Gender, Kelayakan Akademik, Dan Pengalaman Responden?

Jika sebelum ini beberapa kajian sering mengkaji tentang efikasi kendiri berdasarkan gender, kelayakan akademik, lokasi sekolah dan pengalaman guru besar. Bagi kajian ini tumpuan diberikan dalam memastikan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman dalam kalangan guru besar. Kajian ini dilaksanakan untuk menguji hipotesis yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri berdasarkan gender (Ho1).

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri berdasarkan gender guru besar menunjukkan tidak signifikan (P< 0.63). Ujian *t* menunjukkan kumpulan guru besar lelaki mencatatkan efikasi kendiri yang paling tinggi berbanding dengan guru besar perempuan. Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Andi Audryanah (2007) di 11 buah sekolah di sekolah menengah kebangsaan, Daerah Pontian, Johor di mana keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap efikasi kendiri di antara guru besar lelaki dan perempuan di mana efikasi kendiri guru besar perempuan adalah lebih tinggi. Walaupun demikian, apabila diadakan korelasi antara satu sama lain, tahap efikasi kendiri bagi guru besar lelaki dan perempuan mempunyai hubung kait yang sangat kuat iaitu r = 0.83 jika dibandingkan dengan kajian ini menunjukkan kolerasi r=0.546.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri guru besar berdasarkan kelayakan akademik F=2.505, P<0.05 dan pengalaman guru besar F= .505, P<0.05 adalah tidak signifikan. Kajian ini selaras dengan hasil kajian yang dijalankan oleh (Chaudhary, Rangnekar, & Barua,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2012) mendapati bahawa efikasi kendiri tiada kena mengena dengan pengelaman, dan kemahiran seseorang itu, tetapi efikasi kendiri adalah berkenaan dengan pertimbangan seseorang itu mengenai apa-apa perkara yang boleh dilakukannya dengan kemahiran yang dimilikinya. Kajian (Hanson,2001) juga menyatakan bahawa efikasi kendiri tiada kena mengena dengan jenis sekolah dan gred purata sekolah malah ia adalah dibentuk oleh pengalaman lalu, interaksi dengan rakan sekerja dan pentadbir, persepsi mereka terhadap pemimpin instruksional lain yang berjaya, dan budaya sekolah. Bagi kajian (Hoy, 2014) mendapati seorang guru besar yang berkesan boleh mempengaruhi budaya sekolah dengan berkongsi pengalaman kejayaan seperti budaya sekolah merupakan komponen penting untuk membina atau meningkatkan prestasi kerja. Kajian lepas juga menunjukkan efikasi kendiri antara guru besar lelaki dan perempuan mempunyai korelasi yang kuat di antara satu sama lain (Kuo, Walker, Schroder, & Belland, 2014 ; Henson, 2001; Goddard, Hoy, & Hoy, 2000; Pajares, 1997).

Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pemimpin instruksional sekolah yang berkesan mempunyai efikasi yang lebih tinggi daripada pemimpin sekolah yang kurang berkesan (DeMoulin, 1993; Dimmock & Hattie, 1996). Individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi, bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi kendiri rendah (Wood & Bandura, 1989). Guru besar yang berefikasi tinggi juga berjaya meningkatkan jangkaan untuk guru-guru dan pelajar (Tschannen-Moran & Gareis, 2004). Guru Besar berefikasi tinggi juga telah dikaitkan dengan jangkaan peningkatan amalan seluruh sekolah yang menggalakkan pencapaian pelajar (Bandura, 1997; Tschannen-Moran & Gareis, 2004). Justeru itu, pemerhatian dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa peranan guru besar yang berefikasi tinggi menyumbang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bidang penyelidikan semasa dan menyediakan ruang untuk kajian akan datang mengenai cara untuk mengukuhkan keberkesanan guru.

Sebaliknya, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Pajeras (2002), yang menyatakan adakalanya efikasi kendiri dan nilai jangkaan seseorang tidak konsisten. Efikasi kendiri yang tinggi tidak dapat menjangkakan tingkah laku yang konsisten dengan kepercayaan jika individu percaya bahawa hasil tingkah laku tersebut memberi kesan yang tidak diingini. Malah menurut (Pajeras, 2002) seseorang yang kurang yakin atau ragu-ragu dengan kebolehpercayaan mereka selalunya memperolehi pencapaian rendah dalam pencapaian tugas dan tidak diterima oleh masyarakat.

Kajian Bandura (1997) dan Olusola, (2011) menyokong dan memperjelaskan lagi kajian Pajeras (2002) dengan menyatakan bahawa, ciri-ciri individu yang memiliki efikasi kendiri yang rendah adalah individu yang merasa tidak berdaya, kurang yakin, cepat sedih, cemas, menjauhkan diri dari tugas-tugas yang mencabar, cepat menyerah di saat menghadapi rintangan, aspirasi yang rendah dan komitmen yang lemah terhadap tujuan yang ingin dicapai. Manakala dalam situasi yang mencabar individu-individu ini cenderung akan memikirkan kekurangan mereka serta lambat untuk memulihkan kembali perasaan mampu setelah mengalami kegagalan.

Malah, Model yang dibuat oleh Locke dan Lathan (1990), Hgarland (1985) dan Eden (1988) kesemuanya menyarankan jangkaan matlamat diri yang di set dan efikasi kendiri menyumbang kepada pencapaian. Begitu juga beberapa kajian lain membuktikan efikasi diri boleh memberi prestasi positif. Contohnya seperti remaja yang tinggi efikasi tentang kompetensi sosial tidak akan menunjukkan tingkah laku bermasalah. Wanita yang menghadapi masalah keguguran akan lebih baik apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mempunyai efikasi yang tinggi. Kaunselor akan lebih berkesan membantu klien jika efikasi mereka tinggi. Efikasi diri juga akan menjadikan seseorang tahan sakit dan meningkatkan kesihatan mereka, boleh berhenti merokok, melupakan kesan penyakit kanser, meninggalkan tabiat meminum alkohol dan mengurangkan sensitiviti mereka terhadap kesan HIV (Philipchalk, 1995).

Kesimpulannya, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempunyai hubungan yang signifikan dalam kalangan guru besar berdasarkan gender. Dapatan kajian juga menunjukkan efikasi kendiri antara guru besar lelaki dan perempuan mempunyai korelasi yang kuat di antara satu sama lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor kelayakan akademik, lokasi sekolah pengalaman semasa dan pengalaman sebagai guru besar adalah tidak signifikan dengan efikasi. Justeru itu, pemerhatian dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa peranan guru besar yang berefikasi tinggi tanpa mengira gender menyumbang kepada bidang penyelidikan semasa dan menyediakan ruang untuk kajian akan datang mengenai cara untuk mengukuhkan keberkesanan kepimpinan di sekolah.

### 5.3.3 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Amalan Kepimpinan Instruksional Berdasarkan Gender?

Perbezaan gender dalam topik efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar telah memainkan peranan dalam memproses maklumat (Carsky & Zuckerman, 1991; Darley & Smith, 1995; Meyer-Levy & Mahaswaran, 1991). Literatur kajian menunjukkan bahawa amalan gaya kepimpinan sekolah adalah berbeza berdasarkan jantina (Hirschman & Thompson, 1997; Prakash, 1992). Malah, jantina turut memberi kesan ke atas kepimpinan instruksional (Shavitt

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


et al. 1998). Literatur kajian tentang perbezaan amalan kepimpinan instruksional berdasarkan gender dalam kalangan guru besar pernah dilakukan oleh para pengkaji. Walau bagaimanapun kajian yang menguji perbezaan amalan kepimpinan instruksional berdasarkan gender dalam kalangan guru besar adalah terhad. Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan untuk menguji hipotesis, iaitu Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan instruksional berdasarkan gender.

Hasil dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif kepimpinan instruksional berdasarkan gender guru besar menunjukkan bahawa kumpulan guru besar lelaki mencatatkan min yang paling tinggi min=4.45, SP = 0.29 berbanding dengan guru besar perempuan min = .42 dan SP = 0.35. Ujian *t* kepimpinan instruksional berdasarkan faktor gender guru besar juga menunjukkan kumpulan guru besar lelaki mencatatkan min yang paling tinggi berbanding dengan guru besar perempuan. Namun, hasil ujian ini menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar berdasarkan gender adalah tidak signifikan ($P < 0.593$).

Dapatan kajian ini juga konsisten dengan hasil kajian Latip (2007) di 46 buah sekolah di Negeri Selangor terhadap amalan kepimpinan instruksional guru besar sekolah berdasarkan gender. Hasil dapatan kajian didapati guru besar lelaki dan perempuan telah sama-sama melaksana dan mengamalkan semua sebelas fungsi kepimpinan instruksional pada tahap yang agak tinggi. Dalam kajian beliau terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepimpinan instruksional guru besar berdasarkan gender, kaum, pengalaman mengajar dan umur. Kajian beliau juga turut melihat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan kepimpinan instruksional dan fungsi-fungsinya berdasarkan faktor lokasi sekolah, kategori perkhidmatan, kaum, pengalaman mengajar dan umur. Kerangka kajian berasaskan kepada model kepimpinan instruksional oleh Dwyer (1984) dan Hallinger dan Murphy (1985).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dapatan kajian ini juga konsisten dengan kajian Andi Audryanah (2007) terhadap amalan kepimpinan instruksional guru besar di Daerah Pontian, Johor. Hasil kajian mendapati guru besar sebagai responden menunjukkan tahap efikasi kendiri yang tinggi selari dengan memberikan penekanan yang kuat terhadap kepimpinan instruksional dalam melaksanakan fungsi kepengetuaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan kepemimpinan instruksional guru besar lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan guru besar perempuan. Keputusan ujian-t juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kepemimpinan instruksional di antara guru besar lelaki dan perempuan di mana amalan kepemimpinan instruksional guru besar perempuan adalah lebih tinggi. Walaupun demikian, apabila diadakan korelasi antara satu sama lain, amalan kepemimpinan instruksional mempunyai hubung kait yang sangat kuat iaitu r = 0.83.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian-kajian lepas berdasarkan amalan dan dimensi yang dikonsepkan oleh Hallinger (2005) yang merupakan paling komprehensif dan menepati kehendak kajian (Grissom & Loeb, 2011; Hallinger, 2011a; Goddard, Neumerski, Goddard, Salloum, & Berebitsky, 2010; Hallinger, 2003). Dimensi kepimpinan instruksional terdiri daripada *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) dan merangkumi penentuan misi sekolah, menguruskan program pengajaran, dan menggalakkan iklim pembelajaran positif (Hallinger, 2011a; 2005; 2003; Leitner, 1994; Hallinger & Murphy, 1987; Hallinger & Murphy, 1985).

Hasil kajian ini juga selaras dengan teori yang digunakan oleh Murphy *et al.* (1984) dikenali sebagai Konsep Tekanan Akademik. Mengikut teori ini, dasar dan amalan sekolah yang dilaksanakan oleh guru besar mempengaruhi tingkah laku guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dan pelajar agar serasi dengan matlamat sekolah. Jangkaan tinggi dalam pencapaian akademik pelajar dapat dihubungkan melalui dasar dan amalan guru besar pada kedua-dua peringkat iaitu di peringkat sekolah dan peringkat bilik darjah. Di peringkat sekolah, dasar sekolah yang boleh memberi kesan terhadap pembelajaran pelajar adalah yang berkaitan dengan fungsi sekolah dan strukturnya. Ini termasuk tujuan atau matlamat sekolah, dasar pengelompokan pelajar mengikut kebolehan, dasar bagi menjaga dan melindungi masa pengajaran daripada gangguan dan dasar mengenai persekitaran yang teratur dan tenteram di sekolah serta dasar-dasar mengenai kemajuan pelajar. Ini termasuklah dasar-dasar mengenai kerja rumah, pengesanan kemajuan pelajar dan penggredan, pemulihan serta laporan kemajuan pelajar.

Selari dengan teori konsep tekanan akademik (Murphy *et al.*1984), pada peringkat bilik darjah, guru besar dapat mewujudkan tekanan akademik ini dengan lima cara iaitu: (i) mewujudkan iklim yang menuntut pencapaian akademik bagi setiap pelajar, (ii) menentukan kejayaan akademik pelajar, (iii) mengurus kelas secara teratur dan berkesan, (iv) cara guru melaksanakan amalan pengajaran yang dapat memajukan kejayaan, dan (v) menyediakan peluang bagi pelajar mengamalkan tanggungjawab dan kepemimpinan.

Sebaliknya, beberapa kajian telah menegaskan bahawa amalan kepimpinan instruksional bukan sahaja secara tidak langsung mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar melalui keberkesanan efikasi guru tetapi juga menyediakan pengesahan teori kognitif sosial dan sumber kepercayaan efikasi kendiri yang sering tidak hadir dalam kajian (Klassen, Tze, Betts, & Gordon, 2011; Tschannen-Moran & Johnson, 2011; Labone, 2004; Ghaith & Yaghi, 1997; Pajares, 1996).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kesimpulannya, dapatan kajian mendapati bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional berdasarkan gender menunjukkan bahawa kumpulan guru besar lelaki mencatatkan min yang paling tinggi berbanding dengan guru besar perempuan. Hasil ujian t menunjukkan bahawa amalan kepimpinan instruksional guru besar berdasarkan gender adalah tidak signifikan. Justeru, amalan kepimpinan instruksional mempunyai hubungan yang signifikan dalam kalangan guru besar berdasarkan gender. Justeru, dapatan kajian menunjukkan amalan kepimpinan instruksional dalam kalangan guru besar lelaki dan perempuan mempunyai korelasi yang kuat di antara satu sama lain.

### 5.3.4 Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Prestasi Kerja Berdasarkan Gender, Kelayakan Akademik, Lokasi Sekolah Dan Pengalaman Responden?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian sebelum ini telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan prestasi kerja berdasarkan gender. Dapatan daripada kajian-kajian lalu telah menunjukkan bahawa prestasi kerja mempunyai kaitan dengan gender dan kejayaan individu (Bandura, 1977; Hoy & Woolfolk, 1993; Curtis, 2013; Riveros et al 2013). Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang berkesan mempunyai prestasi kerja yang lebih tinggi daripada pemimpin sekolah yang kurang berkesan (DeMoulin, 1993; Dimmock & Hattie, 1996 ; Wyland, Lester, Ehrhardt, & Standifer, 2016). Menurut (Sazali, Zurida dan Mustapa, 2002; Teng Lung Kiu, 2006; Wan Hamzah, 2006; Masitah Yusof & Aziz Muda 2011) kepercayaan seseorang berdasarkan faktor gender melaksanakan sesuatu tugas, merupakan suatu bidang yang penting untuk diterokai pada masa akan datang. Namun begitu hubungan gender dan prestasi kerja kurang diberi perhatian oleh penyelidik-penyelidik (Bandura, 1977),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


sedangkan beberapa kajian telah menunjukkan bahawa kejayaan seseorang berdasarkan gender boleh diramalkan dengan prestasi (Bandura, 1997; Chaudhary, Rangnekar, & Barua (2012). Oleh itu, kajian ini menguji Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan prestasi kerja berdasarkan gender.

Berdasarkan analisis deskriptif keputusan ujian mengesahkan bahawa kumpulan guru besar perempuan mencatatkan min yang paling tinggi min = 4.46, SP = .38 berbanding dengan guru besar lelaki min = 4.43, SP = .33. Ujian *t* prestasi kerja berdasarkan faktor gender menunjukkan kumpulan guru besar perempuan juga mencatatkan min yang paling tinggi jika dibandingkan dengan guru besar lelaki. Keputusan ujian kajian ini membuktikan bahawa elemen tahap prestasi kerja berdasarkan gender guru besar adalah tidak Signifikan (P> = 0.656). Walaupun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap prestasi kerja antara guru besar lelaki dan perempuan mempunyai korelasi yang kuat di antara satu sama lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi efikasi kendiri maka semakin tinggi prestasi kerjanya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa faktor kelayakan akademik F = .370, P<0.05, pengalaman semasa dan pengalaman sebagai guru besar F = 1.395, P<0.05 adalah tidak signifikan dengan prestasi kerja. Dapatan kajian ini mempunyai ciri-ciri persamaan dengan kajian Andi Audryanah (2007) di 11 buah sekolah di sekolah menengah kebangsaan, Daerah Pontian, di mana keputusan ujian-t menunjukkan prestasi kerja guru besar perempuan adalah lebih tinggi dibandingkan dengan guru besar lelaki.

Malah Gawerecki (2003) dalam meta analisis ke atas 114 kajian telah mensintesiskan bahawa terdapat perkaitan yang kuat antara prestasi kerja dengan gender guru besar. Hasil kajian ini mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


oleh Stadjkovich dan Luthans (1998) yang membuat sintesis ke atas 114 kajian empirikal mendapati terdapat hubungan antara faktor gender dan prestasi kerja. Oleh itu, teori dan penyelidikan tentang faktor gender memberi kesan kepada pencapaian dan prestasi kerja. Sungguhpun begitu, kajian tentang prestasi kerja berdasarkan gender dalam kalangan guru besar terhadap ciri-ciri sekolah berkesan kurang dilakukan.

Dapatan kajian juga memberi pemahaman mendalam tentang teori prestasi kerja. Kajian Rivai dan Basri (2005) menjelaskan bahawa prestasi kerja adalah hasil atau tahap kejayaan seseorang secara keseluruhan selama tempoh tertentu di dalam melaksanakan tugas berbanding dengan pelbagai kemungkinan, seperti standard hasil kerja, target atau sasaran atau kriteria yang telah ditentukan terlebih dahulu dan telah dipersetujui bersama. bangunnya Selanjutnya Prawirosentono (2000) mengemukakan bahawa prestasi adalah hasil kerja yang boleh dicapai oleh seseorang atau sekumpulan orang dalam suatu organisasi, sesuai dengan tanggungjawab masing-masing, dalam rangka usaha mencapai matlamat organisasi bersangkutan secara sah, tidak melanggar undang-undang dan sesuai dengan moral mahupun etika. Prestasi kerja juga boleh dikaitkan dengan motivasi kerja. Motivasi kerja adalah sesuatu yang menimbulkan dorongan atau semangat kerja. Hoy dan Miskel (1987) dan Sergiovanni (1987) menyatakan bahawa motivasi kerja adalah keinginan seseorang untuk menunaikan tugas-tugasnya. Menurut Wiles (1955) tinggi rendahnya motivasi kerja seseorang itu sangat mempengaruhi prestasi kerjanya dalam menyelesaikan tugas-tugasnya.

Kesimpulannya, peranan guru besar sebagai pemimpin sekolah yang berprestasi tinggi memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kualiti dan kecemerlangan serta merupakan tonggak kejayaan sesebuah organisasi sekolah. Sekolah-sekolah yang mencapai kejayaan yang tinggi dalam bidang akademik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dipimpin oleh guru besar yang mempunyai tahap prestasi kerja yang tinggi serta sifat-sifat kepemimpinan yang berkesan. Seterusnya prestasi kerja guru besar sebagai penyumbang kepada jatuh bangunnya sesebuah organisasi sekolah. Malah kepimpinan seorang guru besar adalah penting kerana guru besar merupakan individu yang diharapkan untuk membuat perubahan sekaligus menentukan arah tuju sekolah serta berupaya mempengaruhi kualiti program sekolah melebihi orang lain.

### 5.3.5 Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Tahap Efikasi Kendiri, Kepimpinan Instruksional Dan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Guru Besar?

Efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional merupakan elemen penting untuk kejayaan sesebuah sekolah (Bandura, 2007; Marzano, Waters, & McNulty, 2005). Efikasi, atau kepercayaan kepada keupayaan untuk melaksanakan tugas-tugas dengan jayanya, merupakan korelasi yang positif terhadap kepimpinan instruksional guru besar dan pencapaian prestasi pelajar (Bandura, 1997). Tumpuan kajian kepimpinan instruksional guru besar adalah sebahagian besarnya berfokus kepada kualitatif dan dinamik, ciri-ciri, dan keadaan sekitar pemimpin sekolah yang berjaya (York-Barr & Duke, 2004). Para pemimpin sekolah sering muncul melalui kumpulan dinamik tidak rasmi di sekolah (Riveros, Newton, & Costa, 2013). Para guru besar sering mempamerkan ciri-ciri yang serupa dengan mengamalkan gaya kepimpinan instruksional yang baik dan efikasi kendiri yang tinggi. Justeru itu, kajian ini akan menguji sejauh mana hubungan efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja guru besar berdasarkan hipotesis iaitu, Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


signifikan antara efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak.

Keputusan ujian korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan kepimpinan instruksional guru besar di mana r (178) =0.732, p<0.05. Hubungan antara kedua pemboleh ubah ini adalah kuat dan positif. Hal ini menunjukkan sekiranya efikasi kendiri meningkat, maka tahap kepimpinan instruksional guru besar turut meningkat. Hasil kajian menunjukkan hubungan antara efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional guru besar adalah tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan efikasi pengurusan tugas, efikasi pengurusan kepimpinan instruksional dan efikasi pengurusan moral dan kesemua amalan kepimpinan instruksional diamalkan oleh guru besar pada tahap tinggi sama ada di sekolah bandar, luar bandar dan pedalaman. Dapatan kajian ini menggambarkan guru besar mengamalkan semua amalan kepimpinan instruksional dari aspek pentakrifan visi dan matlamat sekolah, program-program pengajaran dan pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan memuaskan.

Selain mempunyai efikasi kendiri yang tinggi guru besar perlu bertanggungjawab menetapkan visi dan matlamat sekolah yang jelas serta menyebar luas dan memberi penjelasan tentang visi dan matlamat sekolah kepada semua warga sekolah dengan tujuan untuk mempengaruhi, memberi bimbingan, dan dorongan kepada guru dan murid dalam usaha menambah baik dan meningkatkan program-program berkaitan proses pengajaran serta mewujudkan iklim PdP yang positif dan memberangsangkan bagi mencapai matlamat akademik yang ditetapkan. Ini termasuklah dalam memastikan pelaksanaan sesuatu perubahan pendidikan berjaya mencapai matlamatnya di sekolah ( Gulcan, 2012; Hallinger, 2011; Blase dan Blase, 1998; Murphy, 1998; Greenfield, 1995). Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kajian Jo, Dana, & Blase (2010) bahawa guru besar guru besar mempunyai tahap efikasi yang tinggi dan mengamalkan kepimpinan instruksional dengan sentiasa memberi fokus kepada proses PdP dan juga menyokong kepada proses pengajaran, sentiasa berbincang tentang pengajaran, mementingkan kepada pembangunan profesionalisme guru-guru apabila mereka berinteraksi dengan guru-guru tentang proses instruksional. Efikasi kendiri mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan amalan kepimpinan instruksional (Leithwood, Louis, Anderson, & Wahlstrom, 2004; Marzano et al. 2005; Murphy & Hallinger, 1987) untuk pencapaian kecemerlangan pelajar daripada status sosioekonomi (Hoy, Tarter, & Hoy 2006). Dapatan tersebut juga menyokong dapatan kajian Siti Noor (2011) yang mendapati bahawa sekolah berprestasi tinggi memberi penekanan dalam pencapaian sekolah dengan mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang dan seterusnya menjadi contoh yang boleh diteladani oleh sekolah lain. Kajian ini juga menyokong dapatan kajian Ahmad Fauzi (2014) yang menyatakan seseorang guru besar yang berefikasi tinggi dan aktif sebagai pemimpin instruksional dapat meningkatkan tahap akademik di sekolah.

Kedua, dapatan ujian korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan prestasi kerja guru besar di mana r (178) =0.594. Hubungan antara kedua pemboleh ubah ini adalah kuat dan positif. Hal ini menunjukkan sekiranya efikasi kendiri meningkat, maka tahap prestasi kerja guru besar turut meningkat. Hasil kajian menunjukkan hubungan antara efikasi kendiri dan prestasi kerja guru besar adalah tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa efikasi pengurusan tugas, efikasi pengurusan kepimpinan instruksional dan efikasi pengurusan moral diamalkan oleh guru besar pada tahap tinggi sama ada di sekolah bandar, luar bandar dan pedalaman. Begitu juga tahap prestasi kerja pengurusan tugas,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


prestasi kerja kepimpinan instruksional dan elemen prestasi kerja kepimpinan moral turut diamalkan oleh guru besar pada tahap tinggi sama ada di sekolah bandar, luar bandar atau pedalaman. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa guru besar memahami konsep dan mengamalkan elemen prestasi pengurusan tugas, prestasi kerja kepimpinan instruksional dan prestasi kerja kepimpinan moral dari aspek pelaksanaan dasar pendidikan negara dengan baik. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru besar bersedia menerima perubahan dasar dalam pendidikan bagi meningkatkan kerjaya mereka dengan berkesan. Dapatan kajian ini sejajar dengan Senge (2006) yang menyatakan bahawa konsep pelaksanaan pengurusan tugas perlu diwujudkan dan dilaksanakan. Hal ini disebabkan pengurusan tugas dalam kepimpinan mempunyai keupayaan membuat perubahan dan peningkatan untuk mempertahankan daya saing melalui pembelajaran dalam era global yang penuh dengan desakan persaingan Fuziah & Izham, 2011; Marquardt, 2002). Dari aspek senarai tugas, kajian mendapati bahawa guru besar menunjukkan kesediaan mereka melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan baik berdasarkan struktur senarai tugas yang ditetapkan dan bersedia menerima tugasan tambahan jika diperlukan.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan hubungan yang signifikan di antara prestasi kerja kepimpinan instruksional dengan prestasi kerja kepimpinan moral dalam kalangan guru besar. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa guru besar merancang kerja pentadbiran dengan baik dan bekerja keras untuk meningkatkan prestasi kerja. Dapatan kajian tahap prestasi kerja kepimpinan instruksional guru besar dapat ditonjolkan dengan merangka sesuatu tugas dengan sempurna melalui kekerapan pemantauan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sebagai guru besar mereka bertanggungjawab untuk mempertingkatkan prestasi sekolah melalui kecemerlangan guru di bawah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


seliaan masing-masing. Dapatan kajian ini menyokong pendapat (Atan Long et al., 1991; Dunford, Fawcett, & Bennett, 2000; Sharil @ Charil, 2000 ; Chen, 2017 ; Hussein Mahmood, 2016 ) menyatakan bahawa sekolah-sekolah yang mencapai kejayaan yang tinggi dalam bidang akademik dipimpin oleh guru besar yang mempunyai sifat-sifat kepemimpinan instruksional yang berkesan. Dari aspek kepimpinan moral pula dapatan kajian menunjukkan guru besar mengamalkan sikap kerja yang berdaya saing, sering mencapai sasaran kerja dengan cepat dan tepat, tidak berputus asa dan sentiasa konsisten dalam bidang tugas. Dapatan kajian juga mendapati bahawa guru besar bersedia menerima kritikan yang membina dengan pemikiran yang positif, mementingkan kecemerlangan, sentiasa berusaha mendapatkan informasi tambahan melalui pelbagai sumber untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Dapatan kajian ini menyokong pendapat Kotter (2012), Ong, (2012), Lunenburg, (2011), Hofstede et al. (2010),Hopkins, (2005) dan Sharifah (2000) bahawa budaya kerja kepimpinan moral merupakan unsur penentu pada keberkesanan sekolah maka ia perlu diberi fokus untuk meningkatkan mutu pendidikan.

Dari sudut teoritikal, kajian ini menyumbang kepada perkembangan literatur berkaitan kepentingan hubungan efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja. Sebagai contoh, (Pajeras, 1997) membuat penilaian terhadap efikasi kendiri lebih kepada tugasan, dan situasi tertentu. Kebanyakan individu yang tidak mempunyai efikasi kendiri agak keliru dengan penilaian terhadap tingkah laku yang mereka akan hasilkan. Efikasi kendiri dapat membantu seseorang dalam menentukan hasil dan jangkaan keyakinan seseorang dalam kemahiran sosial dan kemahiran tugas. Keyakinan yang dimiliki dapat menjangkakan pencapaian yang tinggi serta dapat menjangkakan kualiti yang baik dalam kerjaya mereka pada masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


akan datang. Seseorang yang kurang yakin atau ragu-ragu dengan kebolehpercayaan mereka selalunya memperolehi pencapaian rendah dalam pencapaian tugas dan tidak diterima oleh masyarakat (Pajeras, 2002). Bandura (1977) telah melaporkan kajian yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan pencapaian prestasi yang berkaitan dengan kerja. Stadjkovich dan Luthans (1998) yang membuat sintesis ke atas 114 kajian empirikal mendapati terdapat hubungan antara efikasi dan pencapaian kerja. Oleh itu, teori dan penyelidikan tentang efikasi telah membuat postulat bahawa efikasi memberi kesan kepada pencapaian dan prestasi manusia.

Dapatan kajian ini juga menyokong kajian (Kurt, Duyar dan Calik, 2012 ; Supian Hashim dan Khadijah Daud, 2014) mendapati bahawa amalan kepemimpinan instruksional mempunyai hubungan yang signifikan, positif, dan langsung dengan efikasi kendiri (= 0.35) dan kedua-dua hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan efikasi kendiri diselesaikan oleh keberkesanan guru kolektif (= 0.23). Sebaliknya, Demir (2008) mendapati terdapat hubungan yang signifikan, positif, dan langsung antara amalan kepimpinan instruksional dengan efikasi kendiri (= 0.50), dan kedua-dua hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan efikasi kendiri melalui budaya kerjasama guru (= 0.79). Fancera dan Bliss (2011) menganalisis hubungan antara amalan kepimpinan instruksional (iaitu, melindungi masa pengajaran) dan efikasi kendiri dalam satu kajian sekolah-sekolah tinggi di Amerika Syarikat. Mereka mendapati bahawa melindungi masa pengajaran tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi guru (= 0.03) selepas mengawal status sosio-ekonomi peringkat sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.3.6 Adakah Terdapat Pengaruh Efikasi Kendiri Dan Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Terhadap Prestasi Kerja?

Pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja merupakan kajian penting untuk menentukan kejayaan sesebuah sekolah (Bandura, 2007; Marzano, Waters, & McNulty, 2005; Nor Azni, Foo, Fooi, Soaib & Aminuddin Hassan, 2015; Supian dan Khadijah, 2014). Alfred Bandura (1977) mendapati bahawa efikasi kendiri memberi kesan kepada kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam lima cara iaitu, (a) efikasi kendiri mempengaruhi matlamat peribadi dan kepercayaan seseorang untuk membuat pilihan, tahap cabaran dan komitmen terhadap matlamat peribadi individu, (b)efikasi kendiri mempengaruhi prestasi kerja, menggerakan motivasi kerja, melaksanakan dan mengerahkan usaha pada tahap yang konsisten dengan kepercayaan efikasi kendiri. (c) efikasi kendiri mempengaruhi kegigihan seseorang untuk mencuba tugas-tugas baru yang mencabar dengan jangka masa yang lama dan berterusan, (d) efikasi kendiri mempengaruhi daya ketahanan seseorang dan bagaimana ia menghadapi situasi buruk dan memberi respon kepada kekecewaan dan (e) kepercayaan efikasi kendiri mempengaruhi pengalaman dan kebimbangan individu apabila mereka melibatkan diri dalam tugas tekanan fisiologi. Walker dan Slear (2011) menyiasat pengaruh amalan kepimpinan instruksional dan efikasi kendiri guru di Amerika Syarikat dan mendapati penyampaian matlamat pengajaran dan model jangkaan pengajaran mempunyai pengaruh positif yang signifikan dengan efikasi kendiri. Hipp dan Bredeson (1995), dalam kajian guru di Amerika Syarikat, mendapati bahawa model jangkaan pengajaran dan guru memberi ganjaran, serta indeks termasuk lima amalan kepemimpinan instruksional, mempunyai signifikan, korelasi positif dengan efikasi kendiri guru. Akhir sekali dapatan kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


akan menguji hipotesis pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar berdasarkan hipotesis berikut:.

Ho5 : Tidak terdapat pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja.

Ujian statistik Regresi Pelbagai dilaksanakan untuk menentukan pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar. Dapatan kajian menunjukkan efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional telah mempengaruhi sebanyak 54.9% (r = 0.59) ke atas prestasi kerja. Daripada 54.9% sebanyak 64 % (r =646) kepimpinan instruksional mempengaruhi prestasi kerja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional merupakan peramal kepada prestasi kerja guru besar. Analisis regresi pelbagai telah menunjukkan peramal efikasi kendiri telah mempengaruhi sebanyak 53.3% (r = 0.533) ke atas kepimpinan instruksional. Dapatan kajian ini menyokong kajian Leithwood dan Jantzi (2006) yang menyiasat hubungan antara indeks yang terdiri daripada beberapa amalan kepimpinan instruksional (contohnya, menetapkan matlamat, menyediakan pembangunan profesional, model pengajaran berkesan, menggalakkan kerjasama, dan memantau kemajuan pelajar) dan efikasi kendiri guru besar berkaitan dengan literasi dan numerasi di England. Mereka mendapati bahawa dapatan kajian menunjukkan efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh yang positif terhadap prestasi kerja iaitu, r= 0.58. Seterusnya dapatan kajian menyokong kajian Ross dan Gray (2006) telah menjalankan dua kajian menyiasat pengaruh indeks amalan kepemimpinan instruksional (terdiri daripada menetapkan matlamat, menyediakan pembangunan profesional, dan menawarkan sokongan pengajaran) dan efikasi kendiri guru di Kanada. Penemuan mereka dalam setiap kajian adalah hampir sama iaitu, amalan kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh yang positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


terhadap efikasi kendiri iaitu, r= 0.42. Caprara, Barbaranelli, Borgogni dan Steca (2003) menganalisis hubungan antara indeks amalan kepemimpinan instruksional (iaitu, usaha menggalakkan kerjasama guru, dan penyediaan bahan pengajaran) dan efikasi guru di Itali. Mereka mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara amalan kepimpinan instruksional dan efikasi guru besar (r = 0.37).

Di sebaliknya dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian Newmann, Rutter, dan Smith (1989) mengkaji pengaruh amalan kepimpinan instruksional (iaitu, menetapkan matlamat, penyelesaian masalah, dan guru sokongan dan pengiktirafan) dan efikasi kendiri di Amerika Syarikat. Tidak seperti penemuan daripada kajian-kajian lain iaitu, dalam kajian mereka mendapati tiada pengaruh statistik yang positif selepas pelarasan untuk pelbagai pemboleh ubah konteks sekolah iaitu, (r= 0.03). Kajian yang tidak menunjukkan pengaruh statistik kemungkinan tidak mendedahkan pekali regresi piawai penemuan dan tidak disokong dengan kesan pemerhatian penyeliaan (Chester & Beaudin, 1996) dan model pengajaran berkesan, menetapkan matlamat, dan menawarkan sokongan pengajaran pada kepercayaan efikasi guru besar (Lee, Zhang, & Yin, 2011; Walker & Slear, 2011; Hipp & Bredeson, 1995).

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa efikasi kendiri mempengaruhi prestasi kerja. Begitu juga kepimpinan instruksional mempengaruhi prestasi kerja dan sebaliknya efikasi kendiri mempengaruhi kepimpinan instruksional. Ini bermakna ia bertentangan dengan hipotesis kajian yang dicadangkan. Oleh itu berdasarkan hasil kajian menunjukkan bahawa efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh yang positif terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.4 Implikasi Dapatan Kajian

### 5.4.1 Implikasi Dapatan Kajian 1

Terdapat petunjuk bahawa terdapat dalam kalangan guru besar kurang memahami secara jelas dan mendalam tentang kepentingan aspek efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi amalan kepimpinan instruksional maka semakin tinggi efikasi kendiri dalam kalangan guru besar. Di samping itu juga kajian membuktikan bahawa semakin tinggi efikasi kendiri guru besar maka semakin tinggi prestasi kerjanya. Berdasarkan kepada kesedaran bahawa individu yang memiliki efikasi kendiri dan prestasi kerja yang tinggi mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam apa yang dilakukannya dan meningkatkan usaha di saat menghadapi kegagalan, berfokus pada tugas dan memikirkan strategi dalam menghadapi kesulitan, cepat mengembalikan keyakinan setelah mengalami kegagalan, dan menghadapi tekanan atau ancaman dengan keyakinan bahawa mereka mampu mengawalnya, maka kajian yang mendalam secara praktikal perlu dilakukan tentang kepentingan efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja. Sebagai memberi kesedaran tentang kepentingan ini maka diharapkan pemimpin sekolah diberikan peluang untuk mengikuti kursus-kursus kepimpinan yang dapat menyuntik pengetahuan dan kemahiran pemimpin sekolah secara lebih berkesan. Oleh yang demikian adalah diharapkan pihak yang berkenaan akan mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi keberkesanan kursus kepada bakal pemimpin sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.4.2 Implikasi Dapatan Kajian 2

Kajian secara mendalam tentang tahap efikasi kendiri berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman dalam kalangan guru besar belum pernah dilakukan di zon tengah Sarawak. Kefahaman yang mendalam perlu diketahui oleh pemimpin sekolah berkaitan tahap efikasi kendiri berdasarkan gender, kelayakan akademik dan pengalaman guru besar sebagai panduan untuk merancang strategi mengurus dan membangunkan sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri berdasarkan gender guru besar adalah tidak signifikan. Hasil kajian menunjukkan kumpulan guru besar lelaki mencatatkan efikasi kendiri yang paling tinggi berbanding dengan guru besar perempuan. Kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi kendiri guru besar berdasarkan kelayakan akademik dan pengalaman guru besar. Kajian lepas mendapati bahawa efikasi kendiri tiada kena mengena dengan pengalaman, dan kemahiran seseorang itu, tetapi efikasi kendiri adalah berkenaan dengan pertimbangan seseorang itu mengenai apa-apa perkara yang boleh dilakukannya dengan kemahiran yang dimilikinya. Di samping itu, efikasi kendiri tiada kena mengena dengan jenis sekolah dan gred purata sekolah malah ia adalah dibentuk oleh pengalaman lalu, interaksi dengan rakan sekerja dan pentadbir, persepsi mereka terhadap pemimpin instruksional yang berjaya dan budaya sekolah.

### 5.4.3 Implikasi Dapatan Kajian 3

Kajian tentang amalan kepimpinan instruksional berdasarkan gender dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak belum pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian ini memberi kefahaman yang mendalam bahawa amalan kepimpinan instruksional adalah berbeza berdasarkan gender. Kajian lepas menunjukkan bahawa gender memberi kesan ke atas kepimpinan instruksional walaupun kajian yang menguji perbezaan amalan kepimpinan instruksional berdasarkan gender dalam kalangan guru besar adalah terhad. Hasil dapatan kajian ini berdasarkan analisis deskriptif dan ujian t kepimpinan instruksional berdasarkan gender guru besar menunjukkan bahawa kumpulan guru besar lelaki mencatatkan min yang paling tinggi berbanding dengan guru besar perempuan. Dapatan kajian ini juga konsisten dengan hasil kajian Latip (2007) yang menunjukkan guru besar lelaki mendapatkan min yang paling tinggi berbanding dengan guru besar perempuan walaupun mereka sama-sama melaksana dan mengamalkan semua sebelas fungsi kepimpinan instruksional pada tahap yang agak tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan amalan kepimpinan instruksional guru besar berdasarkan gender, kaum, pengalaman mengajar dan umur. Kajian yang mendalam perlu dilakukan terhadap fungsi dan elemen kepimpinan instruksional berdasarkan gender demi meningkatkan keberkesanan kepimpinan di sekolah.

### 5.4.4 Implikasi Dapatan Kajian 4

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan guru besar perempuan mempunyai prestasi kerja yang tinggi berbanding dengan guru besar lelaki di zon tengah Sarawak. Walaupun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap prestasi kerja antara guru besar lelaki dan perempuan mempunyai korelasi yang kuat di antara satu sama lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin tinggi efikasi kendiri maka semakin tinggi prestasi kerjanya. Namun demikian, faktor kelayakan akademik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pengalaman guru besar adalah tidak signifikan dengan prestasi kerja. Faktor menyebabkan perbezaan tahap prestasi kerja dalam kalangan guru besar berdasarkan gender kerana terdapat petunjuk guru besar sering menghadiri mesyuarat, taklimat, dan kursus yang dianjurkan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala terdapat petunjuk bahawa guru besar lelaki sering terlibat dengan pelbagai aktiviti ko-akademik dan kokurikulum di peringkat zon, daerah, negeri, dan kebangsaan. Senario tersebut menyebabkan berlakunya perbezaan tahap prestasi kerja dalam kalangan guru besar lelaki yang boleh menyebabkan tumpuan mereka terhadap prestasi kerja kurang berfokus. Hal tersebut perlu diberi perhatian secara mendalam kerana kekerapan guru besar terlibat dengan kergiatan luar sekolah boleh menyebabkan gangguan terhadap prestasi kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.4.5 Implikasi Dapatan Kajian 5

Terdapat petunjuk bahawa efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah zon tengah Sarawak menunjukkan hubungan yang kuat dan signifikan. Hal ini menunjukkan apabila efikasi kendiri meningkat, maka tahap kepimpinan instruksional guru besar turut meningkat. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa guru besar mengamalkan semua elemen dan fungsi amalan kepimpinan instruksional dari aspek pentakrifan visi dan matlamat sekolah, program-program pengajaran dan pemupukan iklim pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan memuaskan. Kedua, dapatan ujian korelasi menunjukkan hubungan antara efikasi kendiri dan prestasi kerja guru besar juga kuat dan positif. Hal ini menunjukkan sekiranya efikasi kendiri meningkat, maka tahap prestasi kerja guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


besar juga turut meningkat. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa guru besar memahami konsep dan mengamalkan elemen prestasi pengurusan tugas, prestasi kerja kepimpinan instruksional dan prestasi kerja kepimpinan moral dari aspek pelaksanaan dasar pendidikan negara dengan baik. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru besar bersedia menerima perubahan dasar dalam pendidikan bagi meningkatkan kerjaya mereka dengan berkesan. Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan hubungan yang signifikan di antara prestasi kerja kepimpinan instruksional dengan prestasi kerja kepimpinan moral dalam kalangan guru besar. Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa guru besar merancang kerja pentadbiran dengan baik dan bekerja keras untuk meningkatkan prestasi kerja. Dapatan kajian tahap prestasi kerja dapat ditonjolkan dengan merangka sesuatu tugas dengan sempurna melalui kekerapan pemantauan pengajaran guru dan pembelajaran murid. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sebagai guru besar mereka bertanggungjawab untuk mempertingkatkan prestasi sekolah melalui kecemerlangan guru di bawah seliaan masing-masing.

### 5.4.6 Implikasi Dapatan Kajian 6

Melalui Ujian Statistik Regresi Pelbagai, dapatan kajian menunjukkan efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional telah mempengaruhi sebanyak 54.9% (r = 0.59) ke atas prestasi kerja dalam kalangan guru besar di sekolah zon tengah Sarawak. Daripada 54.9% sebanyak 64 % (r =646) kepimpinan instruksional mempengaruhi prestasi kerja dan seterusnya efikasi kendiri telah mempengaruhi sebanyak 53.3% (r = 0.533) ke atas kepimpinan instruksional. Efikasi, atau kepercayaan kepada keupayaan untuk melaksanakan tugas-tugas dengan jayanya, merupakan korelasi yang positif terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepimpinan instruksional dan pencapaian prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa para guru besar sering mempamerkan ciri-ciri yang serupa dengan mengamalkan gaya kepimpinan instruksional yang baik dan efikasi kendiri yang tinggi untuk mencapai prestasi kerja yang berkesan. Selain mempunyai efikasi kendiri yang tinggi guru besar perlu bertanggungjawab menetapkan visi dan matlamat sekolah yang jelas serta menyebar luas dan memberi penjelasan tentang visi dan matlamat sekolah kepada semua warga sekolah dengan tujuan untuk mempengaruhi, memberi bimbingan, dan dorongan kepada guru dan murid dalam usaha menambah baik dan meningkatkan program-program berkaitan proses pengajaran serta mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang positif dan memberangsangkan bagi mencapai matlamat akademik yang ditetapkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 5.5 Batasan

Salah satu daripada obligasi mana-mana penyelidikan adalah untuk mengenalpasti batasnya. Walaupun kajian ini memberi sumbangan dalam bidang pengurusan kepimpinan di sekolah, ia mempunyai beberapa batasan yang perlu diakui. Batasan pertama berkaitan dengan sampel. Sampel kajian ini dijalankan ke atas guru besar di lapan daerah yang terletak di zon tengah Sarawak di mana guru besar yang terlibat terdiri daripada sekolah bandar, luar bandar dan pedalaman. Oleh yang demikian sampel tersebut tidak boleh digeneralisasikan ke dalam populasi guru besar di negeri lain dalam Malaysia.

Batasan yang kedua ialah tentang kandungan soal selidik itu sendiri yang digunakan dalam proses pengumpulan data. Kekurangan kawalan penyelidik dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


situasi tersebut boleh membawa kepada salah tafsir oleh peserta, yang boleh mewujudkan masalah kesahan. Tambahan pula, kaedah pentadbiran sendiri boleh juga mempunyai batasan kerana peserta mungkin kadang-kala memberikan jawapan yang dijangka (reaksi sosial berat sebelah) atau bercorak jawapan kepada soalan-soalan. Walaupun masalah reaksi berat sebelah tidak boleh sama sekali dielakkan, justeru terdapat langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan masalah tersebut. Untuk mengendalikan kaedah berat sebelah yang sama, cadangan Podsakoff, MacKenzie, Lee, dan Podsakoff, (2003), telah diambil. Pertama adalah meyakinkan mereka bahawa tidak ada jawapan yang betul atau salah. Langkah kedua yang terlibat adalah dengan memperbaiki item skala. Ini dilakukan dengan memastikan soalan yang dibina adalah mudah, ringkas dan khusus. Strategi mengelakkan soalan negatif berganda dan soalan dua kali (menggabungkan dua atau lebih isu dalam satu soalan) digunakan dalam pembangunan soal selidik.

Batasan ketiga, kajian ini memberi tumpuan kepada pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar di zon tengah Sarawak. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian berkaitan tahap pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar ini tidak boleh digeneralisasikan ke dalam populasi guru besar di negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Batasan kajian yang terakhir berkaitan dengan terjemahan soal selidik. Penyelidik telah menggunakan khidmat penterjemah untuk menterjemahkan soal selidik yang asalnya dalam bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, oleh kerana soal selidik tersebut berasal dari negara luar,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kemungkinan besar terdapat jurang kefahaman dan budaya yang berbeza dalam kandungan soal selidik tersebut apabila diadaptasikan di Malaysia.

## 5.6 Cadangan Kajian Untuk Pengurusan Sekolah

Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan berhubung pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar, beberapa cadangan terhadap pengurusan sekolah boleh dikemukakan. Cadangan-cadangan tersebut merangkumi aspek yang berkaitan dengan efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar,

Pertama, memandangkan kesedaran bahawa guru besar yang memiliki efikasi kendiri, tinggi mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam apa yang dilakukannya untuk meningkatkan usaha dan memikirkan strategi dalam menghadapi kesulitan, yakin serta mampu menghadapi tekanan atau ancaman serta mampu mengawalnya, maka dicadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri menjalankan kajian yang mendalam secara praktikal tentang kepentingan efikasi kendiri dalam kalangan guru besar dan bakal guru besar. Kursus, bengkel, seminar secara berfokus dan lawatan penanda aras perlu dilakukan ke sekolah-sekolah berprestsi tinggi perlu diberi penekanan kepada bakal pemimpin sekolah agar mereka memahami dengan lebih mendalam serta membudayakan tahap efikasi kendiri yang tinggi di sekolah.

Cadangan kedua ialah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia wajar memberi latihan berterusan kepada guru besar di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dalam aspek kepimpinan dan pengurusan sekolah terutamanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


dalam bidang kepimpinan instruksional. Ini kerana terdapat ramai dalam kalangan guru besar terutamanya yang senior tidak pernah didedahkan dengan kursus-kursus peningkatan profesionalisme. Ramai dalam kalangan mereka yang memegang jawatan guru besar berdasarkan tempoh perkhidmatan yang panjang bukan kerana tahap kompeten dan minat yang mendalam untuk menjadi pemimpin sekolah yang berkesan.

Cadangan yang ketiga adalah yang berkaitan dengan penegasan amalan kepimpinan instruksional. Adalah disarankan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang terlibat dalam proses memberi latihan kepada guru dan pemimpin sekolah memberi penekanan khusus kepada amalan kepimpinan instruksional di sekolah. Pihak Institut Aminuddin Baki contohnya wajar mengetengahkan modul kepimpinan instruksional kepada pemimpin pendidikan yang mengikuti kursus perkembangan profesionalisme berterusan bagi meningkatkan keberkesanan amalan kepimpinan mereka. Di samping itu pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia pula wajar menyerapkan model kepimpinan instruksional kepada bakal guru kerana mereka merupakan pemimpin pelapis pada masa akan datang.

Cadangan keempat ialah pentadbiran sekolah perlu mengurangkan kekerapan meninggalkan sekolah untuk melaksanakan tugas rasmi di luar sekolah. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menimbangkan kewajaran untuk menggunakan tenaga guru di sekolah terutamanya sekolah kurang murid yang memang mempunyai bilangan guru yang sangat terhad. Langkah tersebut dapat memastikan amalan melindungi masa instruksional di dalam bilik darjah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pihak berkaitan juga digalakkan melibatkan guru dalam kalangan sekolah aliran perdana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang kebiasaannya mempunyai bilangan guru yang lebih ramai dan mencukupi untuk program mereka.

Cadangan kelima adalah berkaitan dengan peranan gender. Kajian menunjukkan bahawa guru besar perempuan mendapat min yang paling tinggi berbanding dengan guru besar lelaki dalam aspek prestasi kerja. Adalah disarankan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang terlibat dalam proses memberi latihan dan kursus profesionalisme kepimpinan sekolah agar memberi penekanan khusus kepada bakal guru besar wanita. Pendedahan latihan dan pembangunan profesionalisme kepimpinan yang mencukupi berkaitan dengan modul peningkatan prestasi kerja untuk golongan guru besar wanita dapat menyumbang kepada pencapaian prestasi akademik yang berkesan.

Cadangan keenam adalah merujuk kepada kepentingan hubungan dan pengaruh di antara efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Kajian ini menunjukkan bahawa apabila efikasi kendiri meningkat, maka tahap kepimpinan instruksional guru besar turut meningkat. Seterusnya kajian mendapati sekiranya efikasi kendiri meningkat, maka tahap prestasi kerja guru besar juga turut meningkat dan begitu juga jika tahap amalan kepimpinan instruksional meningkat prestasi kerja juga turut meningkat. Memandangkan ketiga-tiga pemboleh ubah ini sangat penting dan saling berkaitan di antara satu sama lain maka adalah dicadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan perlu membuat kajian dengan mendalam bagi setiap aspek penting dalam efikasi kendiri, dimensi dan fungsi kepimpinan instruksional serta prestasi kerja dan mewujudkan garis panduan yang terancang dan sistematik untuk meningkatkan kecemerlangan pengurusan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Model kajian yang dibangunkan dalam kajian ini telah terbukti memberikan penjelasan yang baik tentang pengaruh efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Oleh itu, replikasi model ini kepada format-format kajian yang lebih mendalam lagi adalah penting supaya pengkaji dapat menganalisis data dengan lebih komprehensif bagi mengesan variabel dengan lebih tepat. Oleh itu, hasil kajian dapat digeneralisasikan dengan lebih berkesan khususnya dalam konteks pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja guru besar.

Di samping itu, kajian akan datang perlu terus melanjutkan model efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dengan menghuraikan pemboleh ubah lain yang berkaitan. Hal ini dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih baik faktor penentu terhadap prestasi kerja. Kajian selanjutnya perlu mengambil kira pemboleh ubah-pemboleh ubah lain selain pemboleh ubah efikasi kendiri, kepimpinan instruksional dan prestasi kerja seperti pendedahan faktor sikap, motivasi diri dan persekitaran. Faktor-faktor lain juga berkemungkinan berupaya meningkatkan prestasi kerja dalam pengurusan kepimpinan. Dengan demikian boleh menyumbang dengan mendapatkan hasil yang lebih baik dan berupaya meningkatkan prestasi kerja yang berkualiti.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kajian ini adalah terhad kepada guru besar di lapan daerah zon tengah Sarawak. Ia akan menjadi menarik jika kajian akan datang boleh menambahkan lagi banyak sampel daripada daerah-daerah lain di Malaysia. Melanjutkan kajian dengan melibatkan lebih banyak lagi sampel dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kalangan guru besar dari daerah-daerah lain berupaya mendapatkan keputusan dapatan yang lebih tepat.

## 5.8 Kesimpulan

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pengaruh efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Selain itu, efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional memberikan kesan positif terhadap prestasi kerja guru besar. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap efikasi kendiri maka semakin tinggi amalan kepimpinan instruksional dan begitu juga sebaliknya semakin tinggi efikasi kendiri maka semakin tinggi prestasi kerjanya. Oleh itu, pentadbir sekolah harus mengamalkan gabungan tahap efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional dan meningkatkan prestasi kerja dalam usaha mengubah sikap guru-guru terhadap pengajaran serta meningkatkan pembelajaran pelajar. Di samping itu, guru besar pula perlu meningkatkan keyakinan dan kepercayaan secara kolektif mengikut budaya kerja sekolah masing-masing. Hal ini akan membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Justeru itu, pengkaji berharap agar kajian lanjutan dapat memberi sumbangan yang lebih berhubung dengan efikasi kendiri, amalan kepimpinan instruksional terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan hubungan yang kuat dan positif di antara efikasi kendiri dan amalan kepimpinan instruksional. Hal ini menunjukkan sekiranya efikasi kendiri meningkat, maka tahap kepimpinan instruksional guru besar turut meningkat. Hasil kajian menunjukkan hubungan antara efikasi kendiri dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kepimpinan instruksional guru besar adalah tinggi. Akhir sekali, hasil kajian menunjukkan bahawa efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh yang positif terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Dapatan kajian ini sejajar dengan kajian Leithwood dan Jantzi (2006) di mana dapatan kajian menunjukkan efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh yang positif terhadap prestasi kerja.

Kesimpulannya, efikasi kendiri dan kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh yang kuat terhadap prestasi kerja dalam kalangan guru besar. Begitu juga prestasi kerja mempunyai hubungan yang positif dengan efikasi kendiri dan seterusnya amalan kepimpinan instruksional mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi kerja. Ini menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah ini saling berkaitan di antara satu sama lain dan dianggap penting untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi demi meningkatkan kejayaan sesebuah sekolah ke tahap yang lebih tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**Rujukan**

Ahadi, S. A. (1990). Reliability, validity, scope and demographic correlates of teacher rating of instructional leadership and school instructional climate. *Unpublished project report*, Illinois University.

Ahn, H. S., Bong, M., & Kim, S. (2016). Social models in the cognitive appraisal of self-efficacy information. *Contemporary Educational Psychology*, *48*, 149-166.doi: 10.1016/j.cedpsych.2016.08.002

Akta Pendidikan. (1996). Kuala Lumpur: International Law Book Services.

A.L. Ramaiah. (1999). Kepimpinan Pendidikan-Cabaran Masa Kini. Petaling Jaya. IBS Buku Sdn. Bhd.

Al-Dhamit, Y., & Kreishan, L. (2016). Gifted students' intrinsic and extrinsic motivations and parental influence on their motivation: From the self-determination theory perspective. *Journal of Research in Special E ducational Needs, 6*(1), 13-23.

.Al-Eisa, A. S., Furayyan, M. A., & Alhemoud, A. M. (2009). An empirical examination of the effects of self-efficacy, supervisor support and motivationtolearnontransferintention.ManagementDecision,47,12211244.http://dx.doi.org/10.1108/00251740910984514.

Alig-Mielcarek, J. M., & Hoy, W. K. (2005). Instructional leadership: Its nature, meaning, and influence. In C. G. Miskel & W. K. Hoy (Eds.), *Educational leadership and reform* (pp. 29-54). Greenwich, CT: Information Age Publishing.

Amstrong, Michael. Baron, A. 1998. *Performance Management*. New York: The New Realities.

Anderson, D. W., Krajewski, H. T., Goffin, R. D., & Jackson, D. N. (2008). A leadership self-efficacy taxonomy and its relation to effective leadership. *The Leadership Quarterly*, 19(5), 595-608.

Andi Audryanah. (2007). Kepemimpinan pengajaran dan efikasi kendiri pengetua sekolah menengah dan hubungannya dengan pencapaian akademik sekolah**.** *Unpublished master's thesis*, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Atan Long, Ishak Rejab, Abdul Aziz Sultan, Mohd Nor Long, Mohd Sahari Nordin, Nik Ahmad Hisham Ismail, Ratnawati Ashraf, & Rosnani Hashim. (1991). *Faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemajuan sekolah-*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


*sekolah: Kajian kes. Paper presented at Seminar Latihan Mengajarantara Universiti Kali ke-7*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.

Awang, A. 1998. *Pengurusan Sekolah Berkesan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pengetua Berkesan negeri Selangor 1998 di Politeknik Shah Alam. 9 Jun 1998.

Azlin Norhaini Mansor. (2006). Amalan bidang pengetua: satu kajian kes. *Tesis Sarjana Falsafah*, Jabatan Asas Pendidikan,Universiti Kebangsaan Malaysia.Baharom M. (2004). Persepsi Guru-Guru terhadap Kepimpinan Pengajaran dalam Celik Komputer di Sekolah-Sekolah Negeri Johor. *Tesis Ph.D*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Baier, S. T., Markman, B. S., & Pernice-Duca, F. M. (2016). Intent to persist in college freshmen: The role of self-efficacy and mentorship. *Journal of College Student Development, 57*(5), p. 614-619.

Ballout, H. I. (2009). Career commitment and career success: moderating role of self-efficacy.Career Development International http://dx.doi.org/10.1108/13620430911005708

Bamburg, J. D., & Andrews, R. L. (1991). School goals, principals, and achievement. *School Effectiveness and School Improvement*, 2(3), 175-191.

Bandura. A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review, 84*, 191–215.

Bandura, A. (1977a). Self-efficacy mechanism in human agency. American Psychologist, 37, 122-17.

Bandura, A. (1986). Social foundations of thought and action: *A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Bandura, A. (1991). Social cognitive theory of self-regulation. Organizational Behavior and Human Decision Processes, 50, 248-287.

Bandura, A. (1997). Self-efficacy: The exercise of control. New York: W.H. Freeman & Co.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bandura, A. (2001b). *Guide for constructing self-efficacy scales (Revised).* Available from Frank Pajares, Emory University. (Downloaded 5).

Bandura, A. (2002). Social cognitive theory in a cultural context. *Journal of Applied Psychology: An international Review*, 51, 269-290.

Bandura, A., & Locke, E.A. (2003). Negative self-efficacy and goal effects revisited. *Journal of Applied Psychology*, 88: 87-99.

Bandura, A. (2006). Guide for constructing self-efficacy scales. In F. Pajares & T. Urdan (Eds.), *Self-efficacy beliefs in adolescents* (pp. 307-337). Greenwich, CT: Information Age Publishing.

Bandura, A. (2009). Cultivate self-efficacy for personal and organizational effectiveness. In E.A. Locke (Ed.), *Handbook of principles of organization behavior*. (2nd Ed., pp.179-200) Oxford, UK: Blackwell.

Bandura, A., & Schunk, D. H. (1981). Cultivating competence, self-efficacy, and intrinsic interest through proximal self-motivation. *Journal of Personality and Social Psychology*, 41, 586-598.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bandura, A., & Wood, R. E. (1989). Effect of perceived controllability and performance standards on self-regulation of complex decision- making. *Journal of Personality and Social Psychology,* 56, 805-814.

Barling,J. & Beattie, R.(1983). Self-efficacy belief and sales performance. *Journal of Organizational Behavior Management*, 5, 41-51.

Barrick, M. R., Stewart, G. L., & Piotrowski, M. (2002). Personality and job performance: Test of the mediating effects of motivation among sales representatives.Journal *of Applied Psychology, 87(1), 1-8.* http://dx.doi.org/10.1037/0021-9010.87.1.43

Barr, M. F. (2002). Fostering student achievement: A study of the relationship of collective teacher efficacy and student achievement. (Doctoral dissertation, The College of William and Mary in Virginia, 2002). *Dissertation Abstracts International, 63,* 475.

Bartell, C. (1990). Outstanding Secondary Principals Reflect on Instructional Leadership. *High School Journal*. 73(2): 1 1 8-128.

Basri¸ A. F. M., dan Rivai¸ V.2005. Performance appraisal. Jakarta: PT Raja. Grafindo Persada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Best, J. W. & Kahn, J. V. (2003). *Research in Education.* 9th Edition, Prentice-Hall of India Private Limited, New Delhi.

Beteille, T., Kalogrides, D. and Loeb, S. (2011). Stepping Stones: Principal career paths and school outcomes. *National Center for Analysis of Longitudinal Data in* Education Research. Retrieved on December 21, 2012, from http://www.caldercenter.org/upload/CALDERWorkPaper_58.pdf.

